

Bil. 18

**Isnin
21 Ogos 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 31)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995	(Ruangan 32)
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995)1995	(Ruangan 32)
USUL:	
Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1995	(Ruangan 35)
Penanguhan Mesyuarat	(Ruangan 81)
UCAPAN PENAGGUHAN:	
Kos Guaman Dibiayai Bersama Oleh Institusi Kewangan dan Peminjam - Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)	(Ruangan 81)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

" Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Bruas).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

" Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

" Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

" Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

21 OGOS 1995

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- " Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- " Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).

21 OGOS 1995

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).

21 OGOS 1995

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO’ S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, (Tebrau).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO’ M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO’ MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG, (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO’ HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kewangan, DR. SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, DATO’ ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, (Bandar Tun Razak).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI AFDAL, P.G.D.K. (Semporna).

21 OGOS 1995

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).

- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- " TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- " TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- " TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- " TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- " DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- " DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- " TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- " TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- " TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- " TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- " DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- " PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- " TUAN AKHBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- " DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- " TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- " TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- " TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- " TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- " DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- " PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- " TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- " TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- " TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- " DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).

21 OGOS 1995

- Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- ” TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- ” TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- ” TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- ” DATO’ HON CHOON KIM (Seremban).
- ” TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- ” TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- ” TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- ” PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO’ HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- ” TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- ” DATO’ DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- ” TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- ” TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- ” TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- ” TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- ” DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- ” DATO’ DR. KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- ” TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” DR. L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- ” TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- ” DR. G. LEELAVATHI (Kapar).
- ” TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- ” TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- ” PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- ” TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- ” TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- ” TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- ” TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).

21 OGOS 1995

Yang Berhormat DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI (Bandau).

- " TUAN MD ISA BIN SABU (Kangar).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI NIK MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- " TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- " TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- " DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- " TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- " DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- " DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- " DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- " DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- " PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).

21 OGOS 1995

Yang Berhormat DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).

- " DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- " DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- " TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- " DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- " DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- " TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- " TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- " TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- " DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- " DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- " DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- " TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- " TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- " TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- " DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- " TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- " TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- " DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

21 OGOS 1995

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha* : Said bin Sidik.
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan* : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan* : Azhari bin Hamzah.
- Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen* : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
- Pelapor Perbahasan Parlimen* : Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Hajah Supiah binti Dewak.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.
- Bentara mesyuarat* : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

21 OGOS 1995

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 21hb Ogos 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

INDUSTRI AEROSPACE NEGARA—PERKEMBANGAN

1. Tuan Mohamed Khalid bin Nordin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengenai Industri Aerospace Negara:

- (a) sejauh manakah usaha kerajaan dalam memaju dan meningkatkan Industri Aerospace Negara.
- (b) senaraikan syarikat-syarikat tempatan dan syarikat usaha sama tempatan dan luar negara yang terlibat dalam Industri Aerospace Negara serta perkembangannya; dan
- (c) apakah jenis kapal terbang ringan yang akan dikeluarkan dan bagaimanakah perkembangannya sehingga kini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) komitmen kerajaan untuk memajukan industri Aerospace

telah pun diumumkan dalam tahun 1993 di Lima '93 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ianya telah dikenal pasti sebagai satu industri strategik yang baru yang akan digalakkan dan dibangunkan oleh kerajaan.

- (b) Sebanyak 17 syarikat tempatan dan luar negara yang terlibat dalam Industri Aerospace Negara pada masa ini. Perkembangan adalah seperti berikut:

- Untuk industri berkaitan dengan latihan, syarikat tempatan yang terlibat ialah MOFAZ Air dan Malaysia Flying Academy. Syarikat yang terlibat dalam latihan jurutera juruteknik ialah MAS, AIROD dan TUDM;
- Dalam industri baikpulih, syarikat yang terlibat ialah MAS dan AIROD;
- Dalam industri pembuatan komponen, syarikat yang terlibat ialah SME Aviation (Syarikat Malaysia Explosive); dan
- Dalam industri di bawah kapal terbang jenis ringan, syarikat yang terlibat ialah Eagle Aircraft Sdn. Bhd. dan SME Aviation.

- (c) Jenis kapal terbang yang sedang dibuat sekarang ialah:

- (i) MD3 (Seiss Trainer dengan dua tempat duduk); dan
- (ii) Eagle XTS (komposit dan dua tempat duduk).

Syarikat-syarikat ini masih lagi dalam usaha-usaha 'productionization'. Sehingga kini, 9 buah Eagle XTS telah dibuat dan 6 daripadanya disewa oleh Conservation and Land Management Authority (CALM) untuk kerja-kerja pengawasan di Western Australia.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah insentif yang telah disediakan oleh kerajaan untuk menggalakkan pembangunan di sektor ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu bidang yang baru. Kerajaan akan memberi apa jua galakan bagi melihat ianya maju dalam tahun-tahun yang akan datang.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Indonesia telah pun mengeluarkan pesawat perdagangan N 250 dan akan mengeluarkan N 2130 sebagaimana yang diumumkan oleh Kerajaan Indonesia baru-baru ini. Kita lihat bahawa dua industri; satu ialah SME Aviation sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dan satu lagi ialah Eagle. Adakah pihak kerajaan melalui Industri Aerospace Negara ini berhajat untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak Indonesia supaya tidak bersaing dalam industri penerbangan secara perdagangan ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, memanglah rundingan-

rundingan sedang diadakan dengan pihak Indonesia.

GADIS-GADIS ISLAM YANG SUDAH BERUMUR—MENCARI JODOH

2. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah rancangan kerajaan bagi mengatasi "mencari jodoh" bagi gadis-gadis Islam yang sekarang ini rata-rata berumur tetapi masih belum dapat menikah kerana tiada teman; dan
- (b) adakah kerajaan melalui Pusat Islam akan membantu mencarikan jodoh atau sekurang-kurangnya membuat kaunseling agar mereka ini tidak terjerumus ke dalam maksiat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menganjurkan program mencari jodoh di kalangan gadis-gadis Islam kerana berpendapat masalah tersebut adalah masalah kekeluargaan. Ibu bapa atau wali kepada gadis-gadis berkenaan semestinya mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah tersebut. Ini sesuai dengan pandangan Islam bahawa perkahwinan bukan sahaja melibatkan antara gadis dengan teruna, tetapi juga melibatkan keluarga kedua-dua belah pihak.
- (b) Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Agama Islam

Negeri-negeri mempunyai unit kaunseling yang memberi khidmat nasihat kepada seluruh masyarakat Islam. Dalam soal mencegah gadis-gadis terjerumus ke dalam maksiat, Bahagian Hal Ehwal Islam menerusi Unit Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan soal perkahwinan, mencari jodoh dan mendirikan rumah tangga.

KEMPEN UJIAN KANDUNGAN ALKOHOL—KESAN

3. Dato' Hon Choon Kim minta Menteri Pengangkutan menyatakan kesan kempen ujian kandungan alkohol untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Sila berikan juga bilangan pemandu yang disaman dan bilangan digantung lesennya.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, kempen ini adalah didapati berkesan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai akan bahayanya seseorang pemandu memandu kenderaan di bawah pengaruh alkohol.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu awal setakat ini untuk mengukur dengan tepat keberkesanan kempen ini dari segi penurunan kadar kemalangan jalan raya memandangkan bahawa penguatkuasaan perundangan ini hanya bermula semenjak 1hb Julai tahun ini.

Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi anggapan umum, dari pihak polis, pihak hospital-hospital yang ada dan juga doktor-doktor iaitu angka accident selepas tengah malam iaitu berkaitan dengan alkohol telah turun.

Tuan Yang di-Pertua, setakat 3hb Ogos tahun ini, bilangan pemandu

yang ditahan dan akan dibicarakan di mahkamah adalah seramai 171 orang. Buat masa ini, belum ada pemandu yang digantung lesennya.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian berkenaan mempunyai rancangan-rancangan seperti di negeri Jepun iaitu apabila 3 orang pergi minum, 1 tidak minum. Kalau 5 pergi minum, 2 tidak minum, kalau 10 pergi minum, 3 tidak minum untuk jaga mabuk untuk diangkat bawa balik. *(Ketawa)*

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, itulah idea yang baik *(Ketawa)* dan kerajaan sedang menggalakkan kumpulan-kumpulan yang pergi minum, pastikan ada satu yang tidak minum. Selain daripada itu, kerajaan telah menggalakkan tuan-tuan punya pub-pub atau bar memberi minuman-minuman seperti Coca-cola secara percuma kepada orang yang tidak minum.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Pengangkutan bercadang supaya dikenakan kepada karaoke-karaoke dan bar-bar supaya menyewakan pemandu-pemandu untuk membawa orang-orang yang mabuk pulang ke rumah sebagai 'door-to-door service'.

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah juga satu cadangan yang baik dan saya ingin memberi tahu, setakat ini kebanyakan karaoke-karaoke dan bar-bar telah menyediakan 'jokey service' di mana mereka ada pemandu-pemandu untuk memandu orang yang mabuk kembali kerumahnya. Selain daripada itu, beberapa industri atau beberapa orang yang ada kreativiti telah menubuhkan syarikat-syarikat di mana perkhidmatan seperti 'ring a driver' boleh telefon se-

seorang driver di mana satu motosikal mengadakan penunggang dan pembonceng datang ke situ, seorang yang memandu kereta itu balik ke rumah dan diikuti oleh motosikal untuk membawa pemandu itu kembali ke tempat yang asal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Zainuddin bin Mohd. Nor.

(Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Zainuddin bin Mohd. Nor tidak hadir).

**PERKHIDMATAN SIARAN
LUAR NEGERI RADIO DAN
TELEVISYEN MALAYSIA—
KESAN**

5. Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Sulaiman minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sama ada kerajaan bercadang meneruskan Perkhidmatan Siaran Luar Negeri (Suara Malaysia) Radio Malaysia memandangkan kesannya tidak seperti yang diharapkan. Pada pertengahan dekad 60-an dan 70-an Suara Malaysia pernah menjadi stesen radio antara-bangsa yang berjaya dalam memaparkan Malaysia walaupun siarannya bermula hanya dalam tiga bahasa (Indonesia, Inggeris dan Mandarin). Malangnya, walaupun kini telah lebih luas siaran bahasanya dengan penambahan siaran bahasa Arab, Tagalog, Thai, Burma dan Bahasa Malaysia tetapi kesannya tidak seperti yang diharapkan;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menjadikan Perkhidmatan

Suara Malaysia lebih berkesan; dan

- (c) sejauh mana Bahagian Pengesanan Siaran Luar (monitoring) yang sekarang berpejabat di Kelang digunakan untuk mengesan laporan kegiatan-kegiatan luar yang berkaitan dengan kepentingan Malaysia bagi langkah-langkah tindakan balas kerajaan.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa Perkhidmatan Luar Negeri Radio dan Televisyen Malaysia akan diteruskan. Kementerian Penerangan sedang berusaha memperbaiki perkhidmatan tersebut memandangkan peranan baru yang ada pada kementerian ini iaitu untuk mempromosikan Malaysia dengan lebih luas dan berkesan lagi di seberang laut.

Suara Malaysia yang diwujudkan pada tahun 1963 berfungsi untuk menghadapi ancaman luar yang terdapat pada ketika itu serta untuk memperbetulkan anggapan-anggapan negatif dan tidak tepat mengenai penubuhan Malaysia. Tugas itu telah dapat dilaksanakan dengan baik sehingga kewujudan Malaysia sebagai negara yang merdeka lagi berdaulat telah dapat diterima dengan sepenuhnya oleh masyarakat antarabangsa.

Saya akui ada kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Suara Malaysia pada masa ini, baik dari segi teknikal mahu pun dari segi kepakaran yang diperlukan. Dari segi teknikal, saya mohon memaklumkan bahawa satu transmitter yang lebih kuat akan dipasang dan ini telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketujuh supaya siaran Suara Malaysia ini

akan dapat diterima dengan lebih jelas oleh masyarakat antarabangsa.

Di samping itu, pertimbangan sedang dibuat oleh Kementerian Penerangan untuk melaksanakan perkhidmatan Suara Malaysia melalui satelit bagi keperluan peningkatan mutu dan perluasan perkhidmatannya. Perbincangan sedang dibuat dengan MEASAT untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga sedang berusaha untuk mendapatkan tenaga kerja yang terbaik dalam berbagai-bagai bahasa seperti Mandrin, Tagalog, Burmese, Thai dan Arab untuk mencapai keberkesanan perkhidmatan yang sedia ada ini.

Tugas Suara Malaysia pada hari ini telah berubah memandangkan peranan Malaysia yang lebih aktif di peringkat antarabangsa serta minat masyarakat antarabangsa mengenai Malaysia tentang kejayaan-kejayaannya yang sedang meningkat sekarang ini. Oleh itu, Kementerian Penerangan sedang mewujudkan strategi baru bagi Suara Malaysia. Salah satunya ialah untuk mengembangkan syiar Islam dengan lebih luas lagi melalui pengwujudan perkhidmatan Suara Islam. Kita merasa perlu mewujudkan Suara Islam memandangkan ada anggapan yang salah dan propaganda memburukkan Islam itu sebagai agama dan masyarakat Islam sendiri. Perkhidmatan ini telah dimulakan pada pada bulan Mac yang lalu dengan menggunakan Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar selama satu jam setiap hari.

Mengenai perkhidmatan penganan Siaran Luar, ini juga akan diteruskan bagi mengesan pandangan-pandangan yang negatif tentang Malaysia agar tindakan lanjut menge-

nainya dapat diambil bagi memperbetulkan sebarang anggapan yang salah melalui perkhidmatan Suara Malaysia dan juga dengan kerjasama dua hala antara badan-badan penyiaran antarabangsa yang berkenaan. Maklumat yang diterima akan kita gunakan juga untuk keperluan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk menentukan tindakan selanjutnya diambil.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan yang meneruskan Suara Malaysia ini. Saya ingin bertanya, berapa ramaikah pendengar-pendengar Suara Malaysia ini yang mengikuti siaran-siaran yang telah diadakan?

Yang kedua, apakah kesan positif selama ini yang dapat dijadikan panduan oleh Kerajaan Malaysia dari maklum balas yang diperolehi dari pendengar-pendengar berkenaan?

Dato' Mohamed bin Rahmat:

Tuan Yang di-Pertua, agak sukar bagi saya menyatakan berapa jumlah pendengar bagi Suara Malaysia ini tetapi saya boleh sebutkan di sini, bagi tiap-tiap perkhidmatan yang kita laksanakan, ada kita terima surat-surat daripada pendengar-pendengar yang mengikut perkhidmatan tersebut dan dari sehari ke sehari, jumlah orang yang menulis baik memberi pandangan atau teguran, ataupun untuk mendapat maklumat-maklumat dari perkhidmatan yang sedia ada itu, tetap meningkat.

Namun begitu, seperti mana yang saya katakan tadi, kita harus memperbaiki lagi perkhidmatan ini dan salah satunya ialah supaya perkhidmatan ini dapat didengar dengan lebih jelas dan lebih luas lagi. Berasaskan

kepada maklumat dan maklum balas yang telah kita terima melalui perkhidmatan yang ada itu, kita rasa jumlah pendengar siaran perkhidmatan Suara Malaysia ini memang bertambah daripada semasa ke semasa.

Soalan yang kedua yang ditanyakan tadi, dari segi kekesanannya, memang ada sebab pada hari ini kita nampak daripada Jabatan Pengesanan Radio Malaysia ini yang mengesan lebih 30 perkhidmatan radio yang terdapat di seluruh dunia, kita dapati bahawa berita-berita yang boleh dikatakan negatif tentang Malaysia ini telah berkurangan. Dari segi ini boleh kita katakan bahawa tindakan kita untuk memberi gambaran yang tepat mengenai Malaysia telah dapat kita laksanakan dengan baik.

Namun begitu, kita masih belum berpuas hati lagi kerana kita faham pada hari ini ramai orang cemburu tentang kejayaan-kejayaan kita. Banyak juga orang cuba hendak memperkecilkan kita, oleh itu kita harus menentukan bahawa perkhidmatan Suara Malaysia ini dapat memainkan peranan yang lebih berkesan untuk mempromosikan Malaysia di seberang laut dan juga untuk menghapuskan sebarang berita-berita yang dianggap negatif.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai dengan adakah rancangan ataupun program khas untuk membentuk Suara Malaysia atau rancangan lain yang khas untuk pelajar-pelajar atau penduduk-penduduk Malaysia yang berada di luar negeri agar penerangan mengenai keadaan semasa di Malaysia dapat disampaikan kepada mereka ini.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Suara Malaysia, salah satu matlamatnya ialah untuk menghubungi pelajar-pelajar kita di seberang laut dan daripada apa yang telah kita perolehi, bahawa ada kesannya terhadap pelajar-pelajar kita itu, tetapi saya faham setakat ini Suara Malaysia belum lagi dapat didengar dengan jelas di Amerika kerana di Amerika banyak pelajar-pelajar kita. Oleh itu, kita harus mengambil langkah cara mana kita boleh meluaskan jangkauan daripada siaran Suara Malaysia ini.

Sudah tentu dalam kita hendak memperluaskan lagi jangkauannya, belanja adalah besar. Kita maklum tentang perkara ini, namun begitu, dalam keadaan yang ada pada hari ini, kita akan berusaha dengan sebaik-baiknya bagi memenuhi matlamat seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

AKTA HAKCIPTA 1987— PERLINDUNGAN

6. Tuan Vincent Lim Kou Phau minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) setakat manakah undang-undang hakcipta yang ada sekarang dapat memberi perlindungan kepada pihak yang terlibat (penerbit, pengarang, pencipta dsb);
- (b) berapa banyak kes cetak rompak yang telah dapat dikesan dan diambil tindakan dari tahun 1990 hingga sekarang; dan
- (c) pihak manakah yang dipertanggungjawabkan mengenai masalah ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pegawai-pegawai kementerian yang ditauliahkan adalah diberi kuasa di bawah Akta Hakcipta 1987 untuk mengambil tindakan dengan membuat serbuan-serbuan ke atas premis-premis yang terlibat dan menyita salinan langgaran apa-apa perekaan, artikel, kenderaan, buku atau apa-apa juga dokumen yang berkaitan serta mendakwa mereka yang berkenaan di Mahkamah. Dalam hubungan ini, tuan punya hakcipta yang mempunyai maklumat bahawa karya mereka telah dilanggar boleh membuat aduan di pejabat-pejabat Bahagian Penguatkuasa supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.
- (b) Dari tahun 1990 sehingga 31 Julai 1995, kementerian telah menerima sebanyak 3,140 aduan daripada tuan punya hakcipta. Kesemua aduan yang diterima telah disiasat dan telah menghasilkan 2,896 kes atau kejayaan sebanyak 92.2% dengan nilai barang-barang yang disita sebanyak RM14,592,734.90.
- (c) Daripada penyiasatan yang dijalankan dan maklumat yang diterima daripada tuan punya hakcipta, dipercayai memang ada sindiket-sindiket tertentu yang bertanggungjawab membuat dan mengedar salinan langgaran. Adalah sukar bagi kementerian untuk mengenal pasti indentiti ahli-ahli sindiket berkenaan. Namun begitu, apa yang penting ialah tindakan yang

berterusan dijalankan apabila maklumat diterima dan tuan punya hakcipta sedia bekerjasama dengan memberi maklumat bagi membasmi kegiatan ini.

SKIM GSP—PENARIKAN BALIK OLEH AMERIKA SYARIKAT

7. Tuan Chang Kon You minta Menteri perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) adakah barangan keluaran Malaysia berkemampuan bersaing di pasaran Amerika Syarikat sekiranya Sistem Keutamaan Am (General System of Preferences) ditarik balik oleh Amerika Syarikat; dan
- (b) apakah langkah-langkah perediaan untuk menghadapi kemungkinan GSP ditarik balik suatu hari nanti.

24.8.95

64. Tuan Zainal Abidin bin Osman minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kesan dalam bentuk wang dan lain-lain akibat dari cadangan penarikan balik ststus Generalised System of Preferences (GSP) oleh Amerika Syarikat. Nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan Malaysia terus menikmati keistimewaan tersebut memandangkan majoriti pengeluar barangan Malaysia terdiri daripada usahawan kecil dan sederhana.

28.8.95

17. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan

tentang persediaan dan strategi negara untuk berdepan dengan keadaan di mana negara tidak lagi akan menikmati manfaat GSP.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Mersing, bertarikh 24hb Ogos 1995 dan Yang Berhormat dari Balik Pulau pada 28hb Ogos 1995 kerana soalan-soalan ini ada persamaan dan kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran Amerika Syarikat telah mengumumkan mengenai keputusannya untuk menamatkan pemberian kemudahan Sistem Keutamaan Am, dengan izin, Generalised System of Preferences (GSP) untuk Malaysia mulai 1hb Januari 1997. Keputusan Amerika Syarikat menarik balik skim GSP kepada Malaysia mulai 1997 tidak sepatutnya dijadikan sebagai penghalang untuk terus mempertingkatkan eksport ke pasaran tersebut.

Dalam hubungan ini, kementerian sejak awal lagi telah mengingatkan para pengeksport dan pengguna GSP di negara ini untuk membuat persediaan bagi menghadapi kemungkinan penarikan balik kemudahan GSP oleh mana-mana negara pemberi termasuk Amerika Syarikat.

--Di antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kami adalah seperti berikut:

- (i) pengeksport hendaklah mempertimbangkan pengeluaran

dengan mengambil kira aspek kualiti dan produktiviti serta dengan kos pengeluaran yang efektif;

- (ii) mereka hendaklah berusaha untuk meningkatkan tahap kecekapan serta daya saing untuk terus mantap di pasaran antarabangsa; dan
- (iii) untuk memperkukuhkan dan memperluaskan lagi rangkaian perhubungan dengan para pengimport di negara pemberi GSP.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian berpendapat, kesan penarikan balik status GSP oleh Amerika Syarikat ke atas eksport barangan Malaysia seperti keluaran elektronik dan barangan pengguna elektrik akan dapat dikurangkan memandangkan perbezaan cukai di bawah skim GSP berbanding dengan tahap cukai di bawah Status Negara Keutamaan (Most Favourite Nation atau MFN) akan berkurangan secara progresif berikutan dengan persetujuan penurunan cukai mulai 1995 hingga 1999 oleh Amerika Syarikat di bawah rundingan pusingan Uruguay.

Dari sudut implikasi terhadap pelaburan pula, kementerian berpendapat, keputusan tersebut tidak akan menjejaskan pengaliran pelaburan luar ke Malaysia. Ini memandangkan pelaburan luar yang dibuat di negara ini bukan sahaja disebabkan oleh status GSP yang dinikmati oleh Malaysia, tetapi berasaskan kepada iklim pelaburan yang menarik serta insentif-insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Malaysia.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhor-

mat Setiausaha Parlimen, tidak perlu memberi peratusan yang khusus, tetapi saya ingin bertanya dari segi manfaat yang dinikmati daripada GSP, berapa peratuskah daripada pengeksporthan – lebih kurangnya, bukan angka yang khusus. Berapa peratuskah daripada eksport itu dieksporthkan oleh syarikat tempatan berbanding dengan multinational corporations?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, GSP yang dinikmati oleh syarikat-syarikat tempatan untuk negara Amerika Syarikat, secara keseluruhannya, untuk tahun 1994, berjumlah RM32,523 juta dan nilai eksport melalui skim GSP kepada Amerika Syarikat berjumlah RM5,920.9 juta. Dari segi pecahan antara syarikat dan multinational, saya akan memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Chang Kon You: Adakah Kementerian akan merancang langkah-langkah tindak balas terhadap Amerika Syarikat kerana penarikan balik GSP ini?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang ditegaskan oleh Menteri kami, keputusan Amerika Syarikat untuk menarik balik GSP ini memang tidak munasabah, tidak adil dan tidak wajar sekiranya kita lihat bahawa keputusan ini tidak berdasarkan kepada kriteria-kriteria di bawah peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh mereka sendiri.

Walau bagaimanapun, kita harus menerima hakikat bahawa kemudahan ini adalah kemudahan sementara dan kita telah menikmati kemudahan ini selama 25 tahun. Kita juga harus menerima dan memahami bahawa keputusan mengenai kemudahan ini

terletak ditangan sebelah pihak sahaja.

Maka, hari Khamis ini Kementerian akan mengadakan perbincangan dengan kira-kira 40 syarikat yang terabit dengan penarikan balik GSP ini dengan tujuan untuk mendapatkan gambaran yang jelas dan tepat mengenai apa yang harus dilakukan. Insya-Allah selepas perbincangan ini kita akan memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat tindakan-tindakan yang kita akan buat.

TOL—BILANGAN JALAN/ JUMLAH KUTIPAN

8. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilangan jalan yang telah dan akan dikenakan tol di dalam dan di antara bandar. Sila sebutkan satu persatu. Apakah jumlah tol yang telah dan akan dikutip setiap tahun. Apakah kaedah untuk memastikan semua jalan ini adalah dalam keadaan sempurna termasuk perkhidmatan.

Menteri Kerja Raya (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan atau lebuh raya yang telah dikenakan tol sama ada di dalam atau antara bandar di negara ini adalah seperti berikut:

- (a) Jalan Pintas Selat Kelang Utara, dengan izin, North Klang Straits Bypass;
- (b) Jalan Kuching;
- (c) Lebuh raya Utara Selatan termasuk lebuh raya baru Lembah Kelang (NKVE) dan Lebuh raya Persekutuan Dua; dan
- (d) Jalan-jalan di Kuala Lumpur – Jalan Cheras, Jalan Pahang,

Jalan Hubungan Timur Barat,
Jalan Sungai Besi.

Mengikut perjanjian konsesi, pemegang-pemegang konsesi adalah bertanggungjawab untuk mereka bentuk, membina dan menyelenggara lebuh raya yang telah diswastakan. Lebuh raya atau jalan raya yang berkenaan juga sentiasa diawasi rapi oleh agensi-agensi kerajaan seperti Lembaga Lebuhraya Malaysia, Jabatan Kerja Raya atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memastikan ianya diselenggara atau dibaiki supaya mutu perkhidmatan kepada pengguna-pengguna dipelihara pada tahap yang baik dan sempurna.

Seperti yang pernah dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan perlulah menjamin daya maju, dengan izin, viability projek menerusi kutipan tol yang munasabah oleh kerana kos pembinaan projek-projek ini ditanggung sepenuhnya oleh syarikat-syarikat konsesi.

Antara faktor-faktor yang diambil kira dalam menetapkan tol termasuklah bebanan tol atau impak ke atas pengguna, risiko kepada syarikat-syarikat dan kos projek yang ditanggung oleh syarikat konsesi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan tidak dijawab. "Apakah jumlah tol yang telah dan akan dikutip setiap tahun". Itu tidak dijawab lagi.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Untuk jalan-jalan di mana tol telah dilaksanakan iaitu Lebuh raya Kuala Lumpur - Karak, ada butir-butir yang banyak; saya percaya akan mengambil masa yang lebih. Kalau boleh saya

akan beri kepada Yang Berhormat selepas mesyuarat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan minta penjelasan secara bertulis. Soalan tambahan. Saya percaya Yang Berhormat akan berusaha untuk memperbaiki keadaan semua jalan tersebut. Walau bagaimanapun, apakah tindakan yang akan diambil oleh Yang Berhormat memandangkan keadaan di beberapa batang jalan ini tidak begitu sempurna. Misalnya, di Jalan Kuching dan Jalan Kepong, persimpangan bertingkat di mana saya hampir tiap-tiap hari melaluinya tetapi penyelenggaraannya sangat kurang. Misalnya, tiang-tiang dan besi-besi struktur untuk persimpangan itu tidak dicat lebih 10 tahun dan bila saya melalui persimpangan itu rasa takut jugalah, khawatir akan terjatuh kerana runtuh. Kita pun tahu Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang pertama sahaja. Satu penjelasan yang lengkap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, yang tadi itu saya rasa ulasan sahaja semata-mata, bukan soalan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak tolong Yang Berhormat Menteri juga. Melalui jambatan ini saya takut juga kerana berkarat. Takut tiba-tiba atau sekonyong-konyongnya ia runtuh seperti mana yang terjadi di Seoul, Korea. Jambatan Sungai Han itu runtuh dengan begitu sahaja.

Soalan yang kedua. Saya dua soalan sahaja. (*Ketawa*) Adakah Yang Berhormat akan mempertimbangkan untuk hanya mengadakan tol di antara bandar? kerana saya setuju kalau kita hendak membina, menyelenggara jalan raya memang memerlukan wang

yang sangat banyak, jumlah wang yang besar dan dalam keadaan yang demikian kita perlu menswastakan banyak batang jalan. Saya setuju. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat mempertimbangkan keadaan-keadaan semasa kita hendak menuju ke Wasasan 2020, supaya kita dapat mengadakan tol-tol di antara bandar. Inilah cara yang terbaik untuk menjadikan keadaan pengangkutan di negara ini lebih sempurna.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, keluli yang telah digunakan di persimpangan bertingkat di Jalan Kuching ialah keluli tidak perlukan cat. Apabila kita mereka bentuk jambatan itu dalam tahun 1986, syarikat Mitsui telah memberi besi itu sebagai sejenis yang khas. Ia nampak lebih karat seperti itu, berertinya ia lebih kuat. (*Ketawa*) Saya boleh menunjukkan laporan daripada Mitsui, tidak payah cat. Ini satu jenis yang boleh kita gunakan sehingga 100 tahun. Ini satu.

Yang kedua, berkenaan dengan tol di antara bandar-bandar; saya percaya sistem itu tidak boleh diterima oleh kerajaan kerana banyak daripada pengguna-pengguna jalan, mereka tidak berjalan dari bandar satu ke bandar kedua. Di tengah-tengah mereka turun. Jadi, macam itu tiap-tiap hari mereka keluar sahaja, tak payah bayar tol. Oleh kerana itulah kita ada close toll sekarang. Close toll ertinya di mana mereka turun, mereka bayar di sana. Jikalau ada seorang pengguna daripada Kuala Lumpur hendak mengadakan perjalanan ke Seremban, dia kena bayar sekali untuk sampai di Seremban. Jikalau mereka masuk ke Semenyih atau Kajang, mahukah mereka bayar sepenuhnya, tidak boleh. Itu masalah susah sedikit.

TINDAKAN TERHADAP PEMINJAM/PENJAMIN— KEADILAN UNDANG-UNDANG

9. Datuk Abu Seman bin Yusop minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa bank-bank yang memberi pinjaman kepada peminjam-peminjam yang dijamin oleh seseorang penjamin biasanya mengambil tindakan undang-undang secara serentak terhadap peminjam dan penjamin apabila peminjam berkenaan gagal menjelaskan pinjaman yang diambil olehnya. Ini adalah berdasarkan kepada tindakan penjamin memberikan jaminan sebagai "principal debtor" dan bukan sahaja sebagai "surety" serta prinsip "joint and several guarantee". Apabila penghakiman diperolehi terhadap peminjam dan penjamin, bank-bank berkenaan selalunya mengambil tindakan pelaksanaan terhadap siapa yang mempunyai kewangan yang lebih stabil. Akibatnya adakalanya penjamin terpaksa menyelesaikan segala tuntutan dan peminjam terlepas begitu sahaja. Adakah kerajaan bercadang mengadakan suatu peruntukan undang-undang agar bank-bank melaksanakan tindakan undang-undang terdahulu ke atas peminjam berkenaan sebelum tindakan terhadap penjamin serta mengadakan undang-undang yang lebih melindungi hak-hak seorang penjamin.

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar tentang kelemahan dalam isu yang melibatkan penjamin dan ini telah diambil tindakan oleh beberapa institusi kewangan terhadap penjamin sebelum peminjam dikenakan tindakan. Oleh yang demikian, pihak Bank Negara Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Jabatan Peguam Negara telah bersetuju

pada dasarnya satu deraf garis panduan baru bagi melindungi kepentingan penjamin.

Penjamin akan dipastikan supaya mengetahui liabiliti sebenar yang akan ditanggung. Yang kedua, mengetahui tentang perkembangan terbaru pinjaman; dan ketiga, supaya pihak institusi kewangan dapat mengambil tindakan untuk mendapatkan amaun yang terhutang dari peminjam terlebih dahulu. Kita menjangkakan sekiranya mendapat pandangan dari pihak-pihak yang bertanggungjawab, kita dapat meluluskan garis panduan ini dalam bulan September tahun ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya Yang Amat Berhormat Menteri adakah beliau bersetuju supaya tindakan yang diambil oleh pihak bank-bank terhadap peminjam utama dan selepas bank-bank tidak berjaya mendapat hutang mereka, barulah diambil ke atas penjamin supaya keadilan dapat diberikan kepada penjamin dan memastikan bahawa bank-bank tidak hanya memilih yang ada wang kerana dia tidak pinjam langsung dan memastikan yang meminjam itu menghadapi tindakan sepenuhnya atau akibat meminjam wang sepenuhnya?

Yang kedua, adakah beliau juga sedar bahawa terdapat beberapa penjamin dan juga peminjam yang kononnya ada menjamin untuk hutang-hutang atau telah meminjam wang daripada institusi-institusi kewangan tertentu tetapi nama mereka digunakan tanpa pengetahuan mereka? Bolehkah undang-undang juga apabila ia dikaji semula pada bulan September mengambil kira perkara ini untuk memastikan tidak ada wujudnya penyalahgunaan sebelum sebarang

tindakan bankrapsi dilaksanakan? Mereka yang akan diisytiharkan bankrap akan di-beritahu, dimaklumkan dahulu supaya memastikan mereka sebenar-sebenarnya merupakan peminjam atau penjamin kerana ada banyak kes-kes di mana orang yang diisytiharkan bankrap tidak meminjam langsung atau menjamin sebarang pinjaman tetapi namanya digunakan tanpa pengetahuan mereka.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan bahawa memang kita akui ada kekurangan dalam peraturan yang sedia ada. Tetapi dalam garis panduan yang baru ini tindakan memang diambil terhadap peminjam terlebih dahulu dan tidak kepada penjamin melainkan kategori pinjaman itu agak berbeza, tentulah ini terikat kepada perjanjian yang ada sama ada soal principal debtor dengan izin, ataupun ditanggung bersama joint and severally responsible atau accountable, tertakluk kepada guaranteenya. Tetapi pada prinsipnya, tindakan akan hanya diambil kepada peminjam sebelum dirujuk kepada penjamin.

Tentang perkara yang kedua yang dibangkitkan, saya berpendapat tidak mungkin perkara ini berlaku dalam garis panduan yang baru, sebab jaminan diperlukan dengan keterangan yang cukup sebelum nama penjamin dikaitkan. Jadi, itu yang pertama.

Yang keduanya, sebelum tindakan diambil, penjamin tentunya akan dimaklumkan terlebih dahulu, tidak sepertimana dalam beberapa kes yang kita dapati sekarang di mana ada penjamin yang menyatakan rasa terkejut kerana mereka sebenarnya tidak bertanggungjawab dalam jaminan yang lebih awal.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan iaitu adakah peruntukan bagi melindungi penjamin-penjamin ini juga akan diperluaskan kepada pinjaman-pinjaman selain daripada bank misalnya, pinjaman pelajaran dari MARA dan sebagainya?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pada tahap ini garis panduan ini memang menyentuh secara langsung institusi kewangan tetapi saya kira ada kebijaksanaannya kalau kita panjangkan garis panduan ini supaya mengambilkira semua bentuk pinjaman yang lain termasuklah badan-badan dan agensi-agensi kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Yeong Chee Wah.

(Soalan No. 10 – Y.B. Tuan Yeong Chee Wah tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood.

(Soalan No. 11 – Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood tidak hadir)

KOMPLEKS BUDAYA NEGERI— MATLAMAT PENUBUHAN

12. Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah tujuan pembinaan Kompleks Budaya dan matlamatnya;
- (b) bilakah pembinaan kompleks tersebut akan dimulakan; dan

- (c) apakah kerajaan bercadang untuk membangunkan kompleks yang sama di setiap negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pembinaan Taman Seni Budaya Negeri bertujuan menyediakan prasarana sosio-budaya yang sesuai untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian di negeri-negeri. Ia juga bertujuan menumpukan minat dan penglibatan masyarakat dalam berbagai-bagai bidang kebudayaan dan kesenian.
- (b) Pembinaan Taman Budaya Negeri telah pun bermula di bawah Rancangan Malaysia Keenam di mana 4 buah projek Taman Budaya telah diluluskan iaitu di negeri Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Pahang. Di Pulau Pinang ianya dikenali sebagai Pustaka Warisan Seni.
- (c) Kerajaan memang bercadang untuk membangunkan Kompleks Taman Seni Budaya di setiap negeri.

BERNAS—KELEMAHAN DAN PENYELEWENGAN

13. Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah sebenarnya peranan 'BERNAS';
- (b) benarkah Bernas telah menjual dedak secara borong;
- (c) bilakah keputusan ini dibuat oleh Bernas;

(d) tidakkah penjualan secara borong kepada pemborong-pemborong tertentu menyusahkan pembeli-pembeli dedak kecil bumiputera, terutamanya di Kedah;

(e) benarkah BPR telah dimaklumkan mengenai perkara ini; dan

(f) bilakah Bernas akan diswastakan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Bernas ini mengambil alih tanggungjawab dan aktiviti komersil LPN sebelumnya dan tujuannya menyelenggara suatu bekalan padi, memastikan harga padi yang berpatutan bagi petani dan pengguna dan juga bekalan beras yang mencukupi.

(b)&(c) Tidak benar Bernas menjual dedaknya secara borong. Ini adalah kerana penjualan – dari maklumat yang diperolehi – dibuat kepada pemborong-pemborong feedmills setempat di sekitar kompleks Bernas dan ini hanya meneruskan kaedah penjualan yang dibuat di zaman LPN dahulu.

(d) Pembeli dedak kecil bumiputera tidak mendapat masalah tetapi telah dirujuk oleh Bernas sebelum tindakan diambil. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat merasakan ini menimbulkan masalah kepada pengilang bumiputera, saya harap perkara ini dapat dimaklumkan kepada kita.

(e) Badan Pencegah Rasuah tidak mengambil apa-apa tindakan melainkan ada maklumat baru yang boleh diberikan oleh Ahli Yang Berhormat untuk boleh

kita merujuk perkara ini kepada BPR.

(f) Soal penswastan ini masih belum diputuskan lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tentang penswastan Bernas, adakah rundingan dibuat dengan semua pihak yang berkaitan dengan industri padi dan beras sebelum penswastan ini dijalankan, memandangkan terdapat beberapa aduan tentang prosedur penswastan yang dijalankan?

Saya merujuk kepada satu jawapan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian tentang penswastan Bernas yang dijalankan oleh pihak kementerian Yang Amat Berhormat di mana tidak ada tender terbuka untuk Bernas dan dijalankan secara 'first come first serve basis'.

Yang kedua, bahawa jumlah yang dicadangkan untuk menswastakan Bernas RM199,914,000 sedangkan nilai aset bersihnya ialah RM282.80 juta. Ini bermakna bahawa harga jualan adalah RM82.8 juta lebih rendah daripada nilai aset bersih, satu keuntungan dengan izin, instant profit untuk syarikat yang mendapat penswastan ini sebanyak RM83 juta. Bukankah ini menunjukkan penyelewengan berlaku dalam penswastan? Adakah beliau bersetuju bahawa perlu ditender semula dengan dibuat secara terbuka tanpa memilih pihak-pihak tertentu?

Akhirnya, Yang Amat Berhormat bolehkah memberitahu Dewan yang mulia ini adakah penswastan Bernas diberikan kepada satu konsortium Budaya Generasi (M) Sdn. Bhd. yang diterajui oleh Syarikat Permatang Jaya Sdn. Bhd. yang kononnya mem-

punyai penglibatan secara langsung atau tidak dengan seorang Menteri Besar di negara kita?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sukalah saya hendak mengingatkan Yang Berhormat, biasanya dalam soalan itu tidak boleh Yang Berhormat cuba hendak masukkan andaian Yang Berhormat, kononnya, sebab perkataan "kononnya" itu cukup jelas bahawa ini adalah satu andaian. Yang lain itu saya rasa boleh diterima.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Kalau macam itu, Tuan Yang di-Pertua, saya akan keluarkan perkataan 'kononnya', Sama ada betul atau tidak ada kaitan secara langsung bukan 'kononnya', ada kaitan secara langsung atau tidak dengan seorang Menteri Besar di negara kita?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniah kerana Yang Berhormat tahu masalah penswastan itu lebih daripada saya. Yang saya tahu perkara ini belum lagi dirujuk kepada Perbendaharaan pun. Perkara penswastan ini mengikut peraturannya mesti dirujuk pertamanya kepada agensi berkenaan dengan Unit Perancang Ekonomi, kemudian untuk komen-komen dari segi harga sama ada munasabah atau tidak diminta pandangan Kementerian Kewangan dan belum sampai ke tahap itu. Jadi, kalau ada maklumat Yang Berhormat hendak beri kepada saya, saya ucap terima kasihlah.

Tuan Lim Guan Eng: (*Sambil menunjukkan risalah*) Saya boleh berikan satu salinan, tidak apa.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Boleh, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Jawapan Menteri Pertanian.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya, saya boleh lihat pandangan yang dikemukakan dalam jawapan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, tetapi saya hendak sebut, pertama prosedur penswastan itu adalah dari cadangan yang dikemukakan oleh syarikat atau konsortium kepada Unit Perancang Ekonomi atau agensi berkenaan sebelum diminta pandangan dari agensi berkenaan seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan lain-lain, kemudian dirujuk kepada pertimbangan Kabinet.

Saya hendak jelaskan bahawa pada tahap ini, kalau pun ada cadangan ia masih belum menjadi keputusan dasar dan belum dirujuk untuk pengetahuan Kementerian Kewangan, dan bila dirujuk kepada Kementerian Kewangan tentulah dari segi harga, kita akan pastikan bahawa harga itu munasabah. Jadi, saya tidak boleh pastikan sama ada konsortium atau syarikat yang dimaksudkan itu terlibat atau tidak kerana belum sampai kepada keadaan. Tetapi saya boleh memberi jaminan di Dewan ini bahawa apapun keputusan sama ada diberi kepada syarikat atau konsortium, kita akan pastikan bahawa pihak yang terlibat secara langsung dengan pengurusan perniagaan beras ini haruslah diambil kira kepentingan mereka.

Keduanya, harga mestilah dianggap dan difikir munasabah atau berpatutan.

Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan jawapan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai perkara (b), saya ingin mendapat penjelasan adakah benar dedak di Kedah tidak dijual secara borong, sebab saya difahamkan memang ada dijual secara

borong, dan menyusahkan pembeli-pembeli dedak kecil bumiputera.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada maklumat itu dan sekiranya dapat dipertahankan dengan alasan, saya akan pastikan BERNAS memberikan jawapan dan penjelasan yang memuaskan.

KEMPEN ANTI KAYU TROPIKA DI EROPAH DAN AMERIKA SYARIKAT

14. Tuan Fu Ah Kiow minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah kempen "Anti Kayu Tropika" di Eropah dan Amerika Syarikat telah menyebabkan kejatuhan dalam permintaan perabot buatan Malaysia. Jika ya, apakah strategi kementerian untuk menangani masalah ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, eksport perabot negara ke Amerika Syarikat dan Eropah telah menunjukkan peningkatan yang amat menggalakkan di tahun-tahun yang lepas. Umpamanya dalam tempoh 1991 hingga 1994 nilai eksport perabot negara ke Amerika Syarikat telah meningkat dari RM136.5 juta kepada RM669.6 juta iaitu peningkatan sebanyak 390%. Manakala nilai eksport perabot negara ke Eropah pula meningkat dari RM72.5 juta kepada RM132.2 juta iaitu peningkatan sebanyak 82.3% dalam tempoh yang sama.

Untuk tempoh 3 bulan pertama tahun ini (Januari hingga Mac), 1995 nilai eksport perabot ke Amerika Syarikat dan Eropah adalah RM151.8 juta dan RM26.6 juta masing-masing. Adalah dijangkakan bahawa eksport perabot negara ke negara-negara ini

akan terus meningkat pada tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang atau setidak-tidaknya kekal pada paras di tahun yang lalu.

Berdasarkan kepada prestasi yang menggalakkan ini, dapatlah disimpulkan bahawa Kempen Anti Kayu Tropika yang dijalankan di negara-negara tersebut tidak menampakkan kesan ke atas eksport perabot negara setakat ini. Walaupun begitu kita tidak boleh berdiam diri dan mengandaikan bahawa kempen-kempen tersebut tidak akan mempunyai kesan ke atas eksport perabot negara. Langkah-langkah yang wajar akan terus diambil untuk menangani kempen-kempen tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagau.

(Soalan No. 15 – Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagau tidak hadir)

PROGRAM PERTANIAN MENUJU KE TAHUN 2020— MATLAMAT

16. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pertanian menyatakan apakah matlamat yang ingin dicapai oleh Kementerian ini dalam program pertaniannya menuju ke tahun 2020 dalam arus pembangunan negara yang begitu pesat sekarang ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sektor pertanian akan digerakkan seiring dengan pembangunan sektor ekonomi lain, selaras dengan wawasan Malaysia untuk menjadikan negara maju menjelang tahun 2020. Usaha-usaha sedang dipertingkatkan untuk transformasi sektor pertanian kepada sektor yang lebih moden, ber-

komersil, mampan di mana daya gerak pertumbuhan dan pembangunan berpandukan pasaran dan sumber manusia.

Pembangunan dan pertumbuhan sektor pertanian ini akan berasaskan kepada prasarana pertanian yang lengkap, inovasi yang pesat dalam keluaran dan prosesan, peningkatan produktiviti dan mutu serta penyerapan teknologi yang lebih tinggi. Tujuan langkah-langkah ini dijalankan ialah untuk memastikan sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara akan berterusan, walaupun secara perbandingan ianya akan berkurangan. Di samping itu, pengeluaran bahan makanan akan ditingkatkan untuk memenuhi keperluan penduduk yang kian bertambah, berdasarkan kepada kemampuan sumber yang ada dan pertimbangan ekonomi yang rasional.

Pengeluaran bahan mentah pertanian juga akan ditingkatkan supaya industri pemerosesan dan pembuatan mendapat bekalan bahan mentah yang mencukupi. Makanan serta bahan mentah yang tidak boleh dihasilkan sendiri atau tidak mencukupi akan diperolehi melalui import. Tidak kurang pentingnya ialah kualiti petani, penternak dan nelayan sendiri adalah perlu tinggi dari segi ilmu, pengetahuan dan kepakaran.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah beliau sedar bahawa biasanya dalam satu proses pembangunan negara yang berdasarkan kepada pembangunan perindustrian, maka sektor pertanian biasanya akan menjadi kecil dan, dengan izin, 'less important relative to' sektor yang lain,

kerana penggunaan sumber itu lebih profitable, dengan izin, dalam sektor-sektor yang baru muncul.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian selain daripada yang disebutkan tadi untuk mengekalkan kepentingan sektor ini dalam ekonomi baru negara, khususnya dari segi menggantikan petani-petani yang sudah tua dan tidak mampu lagi untuk meneruskan untuk memperkembangkan sektor ini ke tahap seperti mana sekarang ini.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, memang dari segi volume, memang kita akui makin kecil, kalau hendak dibandingkan dengan perindustrian yang lain.

Dari segi jumlah pertambahan nilai pengeluaran mungkin industri pertanian mesti ikut sama dengan industri-industri yang lain. Ini pertamanya akibat pertambahan bilangan penduduk dan juga pertambahan bilangan kuasa beli akibat daripada perkembangan industri yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Jadi, dengan sebab itu, Kementerian Pertanian memang sedar bahawa transfer of technology, dengan izin, perlu dilakukan bagi menghadapi masa depan industri pertanian di negara kita. Kita memadai dengan saiz tanah yang agak kecil bagi pengeluaran misalnya sayur-sayuran, tetapi pengeluarannya sama dengan 5 atau 6 kali ganda. Ini berdasarkan penggunaan teknologi canggih, teknologi moden.

Jadi, dengan sebab itu, apabila teknologi moden diperkenalkan maka petani-petani yang berilmu seperti mana saya katakan, amat perlu bagi

kita memindahkan teknologi. Jika ini dapat dilakukan, maka saya yakin negara kita akan berkembang seiring dengan perkembangan di bidang-bidang industri yang lain walaupun saiznya agak lebih kecil jika hendak dibandingkan dengan industri petroleum, industri elektronik dan sebagainya.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai dengan perkembangan ataupun pembangunan pertanian seluruh negara, saya sangat kagum dengan perkembangan ataupun pembangunan pertanian yang sedang berlaku di negara ini khususnya di Semenanjung Malaysia.

Saya ingin tahu apakah program-program ataupun rancangan-rancangan yang sedang dilaksanakan di negara ini yang boleh turut membangun pembangunan pertanian di negeri Sabah dan Sarawak? Oleh kerana kita dapati bahawa apabila perkembangan pertanian begitu pesat sekali di sebelah Semenanjung terutama dari segi perladangan dan pertanian ladang-ladang kecil tetapi di Sabah kita masih ketinggalan. Jadi, saya ingin tahu apakah program-program yang ada sekarang ini yang boleh membantu Sabah dan Sarawak turut serta dalam pembangunan pertanian di seluruh negara?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menyedari hakikat yang sebenar. Semenanjung dari semenjak kita mencapai kemerdekaan sampai kini memang pembangunannya tidak terbantut sebab pertukaran kerajaan tidak berlaku. Tetapi apa yang telah berlaku di Sabah, dukacitalah, kerana lebih daripada 11 tahun PBS memerintah dan janji-janji PBS tinggal janji sahaja. Jadi, kita harap, insya Allah

di bawah Barisan Nasional ini Kementerian Pertanian akan cuba melipatgandakan pembangunan khususnya di bidang-bidang yang didapati sesuai dengan Sabah.

Saya yakin dan percaya dengan sokongan rakyat jelata, Sabah juga akan dapat bangun seiring dengan Semenanjung.

SISA TOKSID—SYARIKAT YANG DIDAKWA

17. Dato' Haji Hanafi bin Ramli minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan terhadap pembuangan sisa-sisa toksid oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab;
- (b) berapa banyak syarikat yang telah melanggar peraturan-peraturan Alam Sekitar; dan
- (c) berapa banyakkah syarikat yang telah didakwa.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan terhadap pembuangan sisa-sisa toksid oleh pihak yang tidak bertanggungjawab berupa tindakan undang-undang dan termasuklah pendakwaan di mahkamah dan tindakan mengkompaun serta usaha-usaha memberi pendidikan seperti mengadakan program-program seminar, bengkel dan sebagainya di kalangan pengeluar-pengeluar buangan

21 OGOS 1995

untuk mempertingkatkan kesedaran mereka ke arah pengurusan buangan toksid secara terkawal.

(b) Syarikat yang mengeluarkan buangan toksid dan berbahaya adalah lebih kurang 1,000 buah dan jumlah syarikat yang didapati melanggar Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekitar (Buangan Terjadual) 1989 adalah lebih kurang 25% daripada jumlah syarikat tersebut; dan

(c) Sebanyak 4 buah syarikat telah didakwa di mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 10, 11, 15 dan 18 hingga 100 akan dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan;

dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan 1963; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PELABUHAN-PELABUHAN (PENSWASTAAN) (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan; dibaca kali yang pertama, akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

21 OGOS 1995

**RANG UNDANG-UNDANG
TABUNG ANGKATAN TENTERA
DAN TABUNG BEKAS
PERAJURIT (PINDAAN) 1995**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan menteri Pertahanan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG
PERBADANAN PEMBANGUNAN
INDUSTRI KECIL DAN
SEDERHANA 1995**

Bacaan Kali Yang Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (17hb Ogos, 1995)

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa suatu Akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana dan perkara yang berkaitan dengannya telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho)

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui. Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1995) 1995**

Bacaan Kali Yang Kedua

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap, Ahli dari Kota Melaka bangun atas Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

Tuan Lim Guan Eng: Peraturan Mesyuarat yang ke-14.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 14, bahagian yang ke berapa?

Tuan Lim Guan Eng: Mengikut Peraturan Mesyuarat 14 keseluruhannya. Mengikut Peraturan Mesyuarat 14 di mana urusan-urusan bagi tiap-tiap persidangan mesyuarat adalah mengikut aturan seperti yang dinyatakan dalam ...saya rasa, saya tidak Perlu baca (a) sampai (q) tetapi di mana Ucapan...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, saya faham. Yang Berhormat kena pastikan bahagian yang ke berapa?

Tuan Lim Guan Eng: ..Di mana Ucapan Penangguhan merupakan urusan yang paling terakhir di dalam sesuatu sidang mesyuarat. Di sini saya hendak merujuk kepada Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di mana sepatutnya ada dua Ucapan Penangguhan yang dibuat oleh saya. Ini mengikut Aturan Mesyuarat asalnya ada dua. Tetapi hari ini nampaknya Ucapan Penangguhan tentang "Krisis Kekurangan Simen" telah hilang. Saya tidak tahu apa telah berlaku? Bolehkah saya mendapatkan satu penjelasan mengapa Ucapan Penangguhan berkenaan simen sudah hilang. Simen sudah tiada dan sekarang ucapan pun sudah tiada. Sekian, terima kasih. (Ketawa)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa apa yang dibangkitkan, walaupun ada hakikatnya, tetapi saya tak nampak apa hubung kaitnya dengan 14 yang dibangkitkan tadi itu, Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya dapat menjaminkan bahawa apa yang dibangkitkan itu akan diberi perhatian dan juga akan diuruskan dengan seberapa segera yang boleh sebelum sampai giliran Ucapan Penangguhan.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, terima kasih.

3.41 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995, dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu

bagi tahun ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan sejumlah RM138,146,300 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 seperti yang ditunjukkan di dalam jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1995 yang berjumlah RM138,146,300 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini. Peruntukan tambahan tersebut adalah untuk membiayai perbelanjaan berikut:

Sebanyak RM62.9 juta di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri untuk bayaran elaun dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi guru dan penyelia Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Perbelanjaan mengurus unit pembangunan Pusat Pentadbiran Putra Jaya yang baru ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, dan membiayai program pemulihan dan kaunseling kepada bekas ahli Al-Arqam.

Sebanyak RM40 juta di bawah Maksud B.34 Kementerian Kesihatan untuk bayaran perbelanjaan rawatan kakitangan kerajaan dan pesakit miskin di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. Bantuan peralatan perubatan ke Albania dan bantuan kepada badan-badan bukan kerajaan.

Sebanyak RM25 juta di bawah Maksud B.26 Kementerian Pendidikan bagi Universiti Malaya membiayai kos penggantian kelengkapan usang, pendawaian, mengecat bangunan terutama bagi Fakulti Kejuruteraan, Sains, Perubatan, Pergigian dan Pusat Kom-

puter dan kerja-kerja penyelenggaraan yang lain.

Sebanyak RM7.7 juta di bawah Maksud B.39 Jabatan Pendaftaran Negara untuk pembelian bahan mentah untuk pengeluaran kad pengenalan bermutu tinggi, bayaran emolumen dan elaun lebih masa bagi Pembantu Pendaftaran sementara dan Kerani sambilan, percetakan sijil kelahiran komputer dan kerja ubahsuai kaunter dan bilik rekod.

Sebanyak RM1.4 juta di bawah Maksud B.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk membiayai bayaran emolumen bagi pengisian jawatan-jawatan baru balai-balai Bomba yang baru siap pembinaan di bawah Rancangan Malaysia keenam.

Sebanyak RM1 juta di bawah Maksud B.3 Jabatan Audit untuk bayaran sewaan ruang pejabat baru, kos ubahsuai ruang pejabat baru berkenaan dan pembelian perabot.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1995 adalah seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 1995 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8A Tahun 1995.

Sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1995. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1995 berjumlah RM585,954,990. Anggaran tambahan ini adalah untuk perbelanjaan secara langsung. Tambahan-tambahan ini membiayai projek-projek pembangunan mengikut kementerian, jabatan adalah seperti berikut:

Sebanyak RM193.3 juta di bawah Maksud P.28 Perbendaharaan, di mana sebanyak RM188.5 juta untuk membiayai berbagai-bagai projek pembangunan Lembaga Pembangunan Langkawi di bawah Rancangan Malaysia Keenam sesuai dengan dasar kerajaan menjadikan Langkawi sebagai pusat pelancongan dan sebanyak RM4.8 juta untuk bayaran premium tanah bagi tapak bangunan guna sama Persekutuan Fasa 3 di Kuching, Sarawak.

Sebanyak RM166.1 juta di bawah Maksud P.49 Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk membiayai kos pelaksanaan projek penjanaan 45 megawatt volt mounted di Teluk Sepangar dan projek stesen jana kuasa 20 megawatt di Sebentur, Sabah. Kedua-dua projek ini adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan penjanaan elektrik yang mengalami rezab margin yang negatif.

Sebanyak RM104.9 juta di bawah Maksud P.47 Kementerian Pengangkutan untuk membiayai kos pampasan pengambilan tanah projek Sistem Rel Transit Ringan (LRT) Fasa 2.

Sebanyak RM43 juta di bawah Maksud P.54 Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan kampung di bawah program Jalan Kampung.

Sebanyak RM41.8 juta di bawah Maksud P.46 Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, di mana sebanyak RM23.2 juta adalah untuk kos penyediaan bahan pameran dan kemudahan-kemudahan di Pusat Sains Negara termasuk pembinaan tempat letak kereta dan pembangunan landscape. Sebanyak RM18.6 juta adalah bagi melaksanakan program-program yang telah dirancang iaitu program memperdagangkan teknologi, pro-

gram post-graduate dan post-doctorate dan program kesedaran sains dan teknologi dalam sistem pendidikan dan memperkukuhkan sistem intelektual property right dan pemeriksaan paten.

Sebanyak RM26.8 juta di bawah Maksud P.31 Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk dibiayai bayaran kemajuan pembinaan kompleks pejabat dan rumah kediaman Jabatan Kastam di seluruh negara

Sebanyak RM10 juta di bawah Maksud P.7 Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai kerja-kerja awal pembangunan projek pusat pentadbiran Putrajaya.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1995 adalah seperti yang dinyatakan dalam Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1995 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9A Tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1995 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB) (BIL. 2) 1995

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus lapan puluh lima juta, sembilan ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus sembilan puluh (RM585,954,990) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima ratus lapan puluh lima juta, sembilan ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus sembilan puluh (RM585,954,990) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut”

diserahkan kepada Jawatankuasa se-buah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan

tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis sekarang.

Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

3.52 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, selepas Pilihanraya Umum bulan April tahun ini, kedua-dua Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kita telah bersungguh-sungguh cuba meyakinkan rakyat Malaysia bahawa kemenangan Barisan Nasional yang tidak pernah berlaku sebelum ini serta kejatuhan kedudukan parti pembangkang secara drastik di dalam Parlimen tidak akan menyebabkan berlakunya kejadian penyalahgunaan kuasa, penyelewengan ataupun sebarang tindakan yang dapat merosakkan prinsip akauntabiliti dan tanggungjawab Parlimen yang berkerajaan Parlimen.

Rakyat Malaysia diberitahu bahawa walaupun pembangkang telah dilumpuhkan di Parlimen, di mana para Ahli Parlimen Barisan Nasional menguasai lima per enam majoriti di Dewan Rakyat, tetapi kerajaan akan lebih sensitif dan bertanggungjawab terhadap keperluan dan aspirasi rakyat dan bahawa para Ahli Parlimen Barisan Nasional akan menggantikan peranan pembangkang dengan menjalankan tugas 'check' dan 'balance' yang merupakan syarat utama sekiranya kita mahukan satu kerajaan yang bersih,

berkesan, bertanggungjawab dan berakauntabel kepada rakyat.

Malang sekali, kerajaan Barisan Nasional tidak mematuhi janjinya yang dibuat selepas mendapat kemenangan besar di dalam Pilihanraya Umum bahawa ia akan melindungi dan menggalakkan prinsip kedaulatan Parlimen, akauntabiliti kerajaan dan menjaga sistem 'check' dan 'balance' ke atas kerajaan oleh semua Ahli Parlimen.

Hari Khamis lepas, Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat telah membentangkan laporannya yang mencadangkan pindaan yang drastik ke atas 22 seksyen Peraturan Mesyuarat dan satu Usul telah dinyatakan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat memberikan notis bahawa kerajaan akan mengemukakan satu Usul, kemungkinan pada hari Khamis, supaya Dewan Rakyat menerima cadangan pindaan peraturan mesyuarat berkenaan.

Selain daripada satu cadangan yang membina untuk memindahkan perbincangan peringkat Jawatankuasa Belanjawan dari 16 hari kepada 18 hari, yang mana adalah dialu-alukan walaupun masih tidak mencukupi, kebanyakan cadangan pindaan yang lain adalah amat tidak demokratik dan malah draconian.

Sekiranya usul ini diterima, maka pindaan-pindaan yang dicadangkan itu semestinya akan memusnahkan prinsip, konsep dan struktur 'check' dan 'balance' Parlimen ke atas pihak pentadbir untuk memastikan berpegang kepada kata-kata nasihat suatu pentadbiran yang bagus, bersih, berkesan dan akauntabel.

Ini adalah kerana pindaan yang dicadangkan akan melemahkan hak dan peluang para Ahli Parlimen untuk

menjadikan kerajaan lebih akauntabel kepada Parlimen. Kerajaan perlu sedar bahawa apabila hak dan kuasa para Ahli Parlimen untuk memastikan kerajaan bertanggungjawab telah dilemahkan, maka ia juga bermakna bahawa hak dan kuasa rakyat telah juga dilemahkan kerana para Ahli Parlimen merupakan orang yang dipilih oleh rakyat sendiri untuk mewakili mereka di dalam Parlimen.

Isu melindungi dan menggalakkan hak dan peluang Ahli-ahli Parlimen untuk memainkan dua peranan di Parlimen dengan menjalankan tugas 'check' dan 'balance' ke atas pihak pentadbir dan menyuarakan aspirasi rakyat harus dilindungi dan dijaga dengan sebaik-baiknya oleh para Ahli Parlimen tanpa kira parti politik, kerana ini bukannya suatu isu terhadap kepada mana-mana parti politik tetapi sesuatu yang berkenaan dengan peranan, hak dan kuasa semua Ahli Parlimen di dalam Parlimen.

Malangnya, walaupun Dewan Rakyat kini dipenuhi dengan para Ahli Parlimen Barisan Nasional, yang menguasai lima per enam kerusi di dalam Dewan yang mulia ini, Tetapi mereka nampaknya tidak merasa terganggu ataupun prihatin tentang kemerosotan hak, tanggungjawab dan kuasa para Ahli Parlimen, yang bukan sahaja memberikan kesan nyata ke atas Ahli-ahli Parlimen masa kini, tetapi juga kepada Ahli-ahli Parlimen masa akan datang.

Mungkin adanya Ahli Parlimen yang merasa gembira dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini, kerana ia akan menjustifikasikan tindakan dan sikap mereka sendiri yang tidak prihatin dan tidak mengambil berat tentang isu-isu nasional yang lebih besar di dalam Parlimen, perkara ini

memperkuatkan lagi kes mereka bahawa tugas seorang Ahli Parlimen hanya terhadap kepada menjaga masalah lubang-lubang di jalan raya dan longkang-longkang yang tersumbat di dalam kawasan pilihanraya mereka.

Cadangan mengurangkan 20 pertanyaan mulut yang boleh dikemukakan oleh Ahli Parlimen untuk setiap mesyuarat Parlimen ke 5 soalan sahaja kecuali pada tempoh Mesyuarat Budget yang lebih panjang di mana 10 Soalan Mulut boleh dikemukakan semestinya bagaikan 'durian runtuh' kepada para Ahli Parlimen Barisan Nasional yang malas walaupun mengemukakan 20 pertanyaan semasa mesyuarat Parlimen, walaupun Parlimen Malaysia hanya bermesyuarat tiga kali setahun sahaja.

Mereka tidak akan mengambil berat tentang fakta bahawa had 20 soalan mulut masa kini untuk setiap Ahli Parlimen sebenarnya adalah tidak adil dan menghadkan fungsi serta peranan para Ahli Parlimen. Saya masih ingat pada tahun 1971, apabila saya pertama kali memasuki Parlimen, jumlah pertanyaan mulut yang boleh dikemukakan oleh setiap orang Ahli Parlimen tidak dihadkan, dan saya sendiri telah mengemukakan 150 soalan mulut.

Tujuan mengemukakan pertanyaan di Parlimen adalah untuk mendapat maklumat dari kerajaan, bukannya untuk para Ahli Parlimen sendiri sahaja tetapi adalah untuk rakyat jelata sebagai salah satu fungsi menyediakan 'check' dan 'balance' ke atas kerajaan.

Tujuan sebegini masih dapat dicapai walaupun sesuatu soalan mulut yang dikemukakan tidak berpeluang dijawab di dalam satu jam masa pertanyaan, kerana setiap soalan yang

dikemukakan mesti dijawab juga melalui jawapan bertulis.

Soalan-soalan di Parlimen juga bertujuan memaksa para menteri memberikan lebih perhatian ke atas perkara-perkara yang terlibat dengan kementerian mereka dan bukannya selalu cuai di dalam menjalankan tugas mereka sendiri.

Pada hujung minggu lalu, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dengan tiba-tiba sahaja mengumumkan bahawa Jabatan Kerja Raya telah mengenal pasti 126 kawasan yang mungkin bahaya di sepanjang Lebuh Raya Timur-Barat manakala PLUS pula bertanggungjawab untuk mengendalikan Lebuh Raya Utara-Selatan. Perkara ini tidak boleh dilihat tanpa dihubungkaitkan dengan suatu notis soalan mulut yang telah saya kemukakan sebulan lalu mengenai Lebuh Raya Timur-Barat, yang berbunyi seperti berikut:

“Meminta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) kos Lebuh Raya Timur-Barat dari Grik ke Jeli;
- (b) bilakah ia disiapkan;
- (c) jumlah kos kerja-kerja pembaikan di Lebuh Raya Timur-Barat hingga kini, sila kemukakan butir-butir kerja-kerja pembaikan yang utama bersama dengan kos-kos yang terlibat;
- (d) kos-kos dan butir-butir kerja-kerja pembaikan yang baru;
- (e) sebab bagi keperluan pembaikan yang kerap yang melibatkan kos yang tinggi;
- (f) bagaimanakah keadaan Lebuh Raya Timur-Barat bila dibandingkan dengan Lebuh Raya

Utara-Selatan dari segi pembinaan lebuh raya.”

Masa pertanyaan mulut di Parlimen memerlukan pembaharuan untuk membawa makna yang lebih besar ke atas prinsip tanggungjawab kementerian kepada Parlimen supaya lebih banyak soalan dapat dijawab secara mulut yang mana membolehkan lebih soalan tambahan ditanya.

Apa yang perlu dilakukan oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat adalah mencadangkan supaya masa soal jawab satu jam kini dipanjangkan menjadi dua jam, dan bukannya mengurangkan 20 soalan mulut oleh para Ahli Parlimen setiap kali mesyuarat kepada 5 sahaja.

Cadangan mengurangkan 20 soalan mulut menjadi 5 untuk setiap Ahli Parlimen merupakan satu langkah yang paling mundur, satu tentangan hebat ke atas demokrasi berparlimen dan tidak langsung bertepatan dengan konsep pentadbiran yang terbuka, ‘accountable’ dan berketelusan. Malah saya akan mencadangkan supaya para Ahli Parlimen dibenarkan bertanya 40 soalan di dalam setiap mesyuarat untuk memastikan kerajaan benar-benar menjalankan tugasnya. Komen yang diluahkan oleh para Menteri semasa mempertahankan cadangan pindaan Peraturan Mesyuarat ini menunjukkan mereka amat jahil dengan apa yang dikatakan oleh mereka sendiri. Ini sama ada disebabkan oleh kejahilan mereka mengenai peraturan dan perjalanan mesyuarat Parlimen atau mereka hanya ingin menentang 100% sahaja apa yang merupakan pandangan pihak pembangkang (opposed for the sake of opposing).

Sebagai contohnya, Setiausaha Agung MCA merangkap Menteri

Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyokong cadangan pindaan ini atas sebab bahawa ia akan dapat mengekang pihak pembangkang menyalahgunakan hak istimewa dan mengemukakan isu-isu remeh-temeh. Sekiranya satu selidik yang menyeluruh dijalankan, kita akan mendapati bahawa mereka yang membangkitkan isu-isu remeh-temeh dan yang 'tidak berkaitan' sebenarnya adalah para Ahli Parlimen Barisan Nasional sendiri. Bagaimanapun, untuk menghalang isu-isu remeh-temeh dan tidak berkaitan dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini bukannya melalui cara merampas hak-hak dan kuasa tradisi para Ahli Parlimen untuk memainkan peranan 'check and balance' ke atas pihak pentadbir.

Alasan-alasan yang dikemukakan oleh Menteri Pertahanan ke atas cadangan pindaan ini juga menunjukkan bahawa beliau tidak menumpukan atau memahami sepenuhnya tujuan dan implikasi pindaan-pindaan berkenaan. Sebagai contoh, beliau berkata bahawa dengan mengurangkan 20 soalan mulut kepada 5, lebih ramai Ahli Parlimen akan berpeluang bercakap di dalam Dewan kerana mereka perlu lebih spesifik di dalam pertanyaan-pertanyaan mereka dan bukannya memilih sebarang topik sewenang-wenangnya.

Para Ahli Parlimen yang veteran dan berpengalaman akan tahu bahawa penjelasan Yang Berhormat Menteri sebenarnya tidak merupakan penjelasan langsung dan bahawa Yang Berhormat Menteri berkenaan telah mengabaikan persoalan akauntabiliti kerajaan sama sekali. Alasan lain terhadap pindaan-pindaan ini adalah bahawa mereka akan menunjukkan komitmen kerajaan terhadap Parlimen dengan menghendaki Menteri dan

bukannya Timbalan ataupun Setiausaha Parlimen mereka yang menjawab segala point-point yang dibangkitkan oleh para Ahli Parlimen semasa ucapan penangguhan.

Sekiranya kerajaan ingin menunjukkan bahawa ia memang bertanggungjawab terhadap Parlimen, maka mereka sendiri harus hadir dan menjawab bahawa semua pertanyaan di dalam Parlimen dan bukannya membiarkan Timbalan ataupun Setiausaha parlimen mereka melakukan tugas berkenaan semasa soal jawab. Sering kali Setiausaha Parlimen mereka bergelagat seperti 'orang bodoh' di Parlimen sehingga memalukan Parlimen pada keseluruhannya.

Dua bidang yang akan merasai kesan teruk dari pindaan ini

Tuan Haji Husni bin Hanadzlah:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Tambun bangun.

Tuan Haji Husni bin Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, Point of order 36(4) – adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang Ahli menggunakan bahasa biadap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik saya akan membuat keputusan. Walaupun apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong tadi tidak ditujukan kepada sesiapa secara khusus, tetapi saya nampak perkataan 'orang bodoh' biasanya patut ditegah. Yang Berhormat tidak semestinya menggunakan perkataan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh tarik balik. Sebenarnya apa yang saya mahu sampaikan made a fool of

themselves. Kalau boleh diterjemahkan sendiri ialah 'made a fool of themselves'. Ada Setiausaha Parlimen di sini made a fool of themselves. Kalau mahu contoh, saya boleh beri contoh, contohnya ialah.....

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kalau Ahli Parlimen Barisan dia kata 'fool', maka Ahli Parlimen Pembangkang ialah 'bloodyfool'.

Tuan Lim Kit Siang: Made a fool of themselves adalah oleh kerana mereka tidak faham soalan tambahan yang dikemukakan, khasnya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri – dua hari dahulu, hari Rabu, semua boleh baca, tidak faham sendiri mahu jawab – made a fool of themselves. Mahu contoh lagi boleh beri, mahu?

Tuan Yang di-Pertua, dua bidang yang akan merasai kesan teruk dari pindaan ini serta merosakkan konsep penelitian dan 'check and balance' pihak pentadbir adalah Peraturan Mesyuarat mengenai usul untuk perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan serta kuasa disiplin 'draconian' yang diberikan kepada Pengerusi Dewan untuk menggantung Ahli Parlimen sehingga 10 hari tanpa memerlukan sebarang usul di dalam Dewan ini. Cadangan pindaan-pindaan ini akan secara berkesannya 'membunuh' Usul untuk perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Sekiranya pindaan-pindaan ini berkuatkuasa mulai mesyuarat kali ini, maka saya pasti tidak akan dapat mengemukakan di Parlimen Rabu lepas dakwaan serius dari Tenaganita yang berkenaan dengan kematian, tindakan penganiayaan dan seksaan serta layanan penyahmanusiaan ke atas pekerja asing yang ditahan

di dalam kem-kem tahanan dan sehingga kini telah berlaku 46 kematian kononnya.

Ini adalah kerana menurut Peraturan Mesyuarat 18 mengenai Usul yang perlu disegerakan, seseorang Ahli Parlimen tidak dapat berdiri selepas masa soalan jawab untuk meminta mesyuarat ditangguhkan untuk membincangkan Usulnya yang melibatkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, selepas menyatakan sebab-sebabnya dan diikuti dengan keputusan Speaker. Mengikut pindaan yang dicadangkan ini, seseorang Ahli Parlimen itu mesti memberikan notis 24 jam lebih awal kepada Speaker, dan beliau hanya boleh berdiri dan mengemukakan permohonan beliau sekiranya Speaker telah memberikan kelulusan secara bertulis kepadanya.

Pada masa kini, Speaker boleh menolak sesuatu permohonan mengikut seksyen 18 di dalam Dewan dan secara terbuka menyatakan sebab-sebab bagi penolakan beliau. Mengikut pindaan yang dicadangkan ini, sekiranya Tuan Yang di-Pertua menolak permohonan berkenaan, maka ia akan diberitahu secara bertulis dan ahli parlimen berkenaan tidak akan berhak untuk mengemukakan permohonannya di dalam Dewan. Penolakan hak untuk berdiri di dalam Dewan dan meminta supaya mesyuarat ditangguh, bersamasama alasannya, merupakan satu lagi pindaan yang mundur. Keperluan notis 24 jam sebelum sebarang permohonan menangguhkan mesyuarat untuk membincangkan Usul yang perlu disegerakan ini boleh dikemukakan adalah suatu tempoh yang terlalu panjang dan akan mengehadkan kebolehan Parlimen untuk bertindak segera terhadap perkara-perkara dan perkembangan yang tergempar.

Notis 4 jam yang ditetapkan pada masa kini sebenarnya telah lebih daripada masa yang diperlukan dan harus diteruskan, terutama sekali ia adalah hasil pindaan yang asal, di mana sebelum ini hanya memerlukan 2 jam notis. Di dalam era teknologi moden dan komunikasi segera ini (instant), Parlimen dan kerajaan harus berupaya bertindak cepat terhadap perkembangan dan bukan sebaliknya, seperti memerlukan notis 24 jam, memandangkan 23 tahun yang lepas, hanya notis 2 jam sahaja yang diperlukan. Ini tidak menunjukkan keberkesanan yang menggalakkan sama ada bagi pihak Parlimen atau kerajaan.

Di samping itu, pindaan ini juga menghadkan surat penjelasan untuk sesuatu permohonan usul yang perlu disegerakan ini kepada 200 patah perkataan. Ini amat tidaklah sesuai dan tidak diperlukan kerana panjang pendeknya sesuatu penjelasan itu adalah bergantung ke atas keadaannya masing-masing tanpa dihadkan dengan sewenang-wenangnya.

Saya telah berucap secara panjang-lebar sungguhpun bukan membincangkan kesemua butir-butiran, cadangan dan pindaan mengenai pindaan ke atas Peraturan Mesyuarat kerana saya ingin menyeru supaya Jemaah Menteri menarik balik usul untuk meminda Peraturan Mesyuarat ini di samping menggantikannya dengan satu usul merujuk kepada cadangan-cadangan dari Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat ini kepada satu Persidangan Speaker Semua-Parti supaya mengkaji semula secara keseluruhannya prosedur dan pembaharuan sidang Parlimen termasuk Peraturan Mesyuarat.

Saya tidak akan menunggu sehingga usul kerajaan supaya laporan

Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat ini diterima telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini kerana masa itu akan terlambat bagailah nasi sudah menjadi bubur.

Jemaah Menteri harus menimbang dengan serius cadangan-cadangan tersebut berdasarkan dua sebab berikut:

- (i) menepati janji kerajaan bahawa dengan kemenangan besar di Pilihanraya Umum kali ini, ia tidak akan merosakkan, melemahkan ataupun menghakis prinsip dan institusi 'check and balance' Parlimen ke atas pihak pentadbir; dan
- (ii) memelihara reputasi Parlimen Malaysia dan Ahli-ahli Parlimen Malaysia dari menjadi bahan ketawa oleh lain-lain Parlimen dan oleh Ahli-ahli Parlimen negara yang lain, yang semestinya akan menganggap Parlimen Malaysia sebagai sebuah bilik darjah dan para ahlinya hanya budak-budak sekolah dan dihadkan Pertanyaan Mulut mereka kepada 5 dalam setiap kali Mesyuarat diadakan dan penjelasan yang tidak boleh melebihi 200 patah perkataan apabila Ahli Parlimen ingin menanggungkan Mesyuarat untuk membincangkan sesuatu usul yang perlu disegerakan.

Saya tidak percaya bahawa kerajaan akan mencadangkan pindaan yang sebegini tidak demokratik dan mundur ke atas Peraturan Mesyuarat sekiranya kedudukan pembangkang di dalam Parlimen tidak jatuh dengan begitu drastik di dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini.

Saya menyeru supaya kerajaan tidak mengambil kesempatan kemenangan besarnya di dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini untuk menukarkan, dengan izin, rules of the game di Parlimen dan menginstitusikan kecacatan tetap dan kekurangan terhadap pihak Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli Parlimen Pembangkang dari memainkan peranan mereka sebagai 'check and balance' kerajaan serta menyuarakan aspirasi rakyat jelata.

Peraturan Mesyuarat harus diperbaharui. Begitu juga dengan Parlimen pada keseluruhannya tetapi sebarang pembaharuan harus dilaksanakan dengan lebih ruang demokrasi di Parlimen dan bukannya memasukkan lebih sifat-sifat yang tidak demokratik malah draconian ke dalam persidangan-persidangan dan prosedur-prosedur Parlimen.

Cadangan pindaan ke atas Peraturan Mesyuarat yang secara langsung mencero bohi prinsip penelitian Parlimen dan kawalan pihak pentadbir serta prinsip tanggungjawab kementerian kepada Parlimen bukan satu-satu sahaja akibat kemenangan besar Barisan Nasional di Pilihanraya Umum yang lepas, yang menunjukkan ketidakrelaan kerajaan untuk menerima konsep 'check and balance' Parlimen.

Satu lagi akibat dari Pilihanraya Umum baru-baru ini adalah sikap acuh tidak acuh yang ditunjukkan oleh para menteri terhadap Parlimen. Mereka tidak lagi memandang serius terhadap Parlimen, bertindak cuai dalam kenyataan ataupun jawapan mereka di dalam Dewan yang mulia ini, hingga ke tahap memberikan jawapan yang tidak jujur dan tidak

benar kepada Ahli-ahli Parlimen pihak Pembangkang.

Saya akan memetik satu contoh. Khamis lepas, saya kemukakan satu pertanyaan mulut kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos yang menanyakan "bila dan mengapakah Jemaah Menteri mengambil keputusan pada September 1993 untuk menarik balik keputusan pada Mei 1990 untuk membatalkan projek hidroelektrik Empangan Bakun. Apakah kajian terutama sekali yang berkenaan dengan kesan persekitaran projek berkenaan yang telah dilakukan sebelum Jemaah Menteri membuat keputusan ini yang kembalikan pendirian dan sekiranya ya, sila beri butir-butir kajian sedemikian."

Jawapan bertulis yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berbunyi begini: "Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri tidak membuat apa-apa keputusan mengenai Bakun pada bulan Mei 1990 dan Mei 1993. Sekiranya maksud Yang Berhormat menyebut kedua-dua tarikh tersebut untuk menyatakan bahawa Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk membatalkan projek Bakun dan kemudian telah pula membuat keputusan untuk melaksanakan projek ini, kenyataan tersebut adalah tidak tepat. Kerajaan tidak pernah membatalkan projek Bakun tetapi hanya menangguhkan pelaksanaannya pada tahun 1986 di atas sebab-sebab berikut:

- (i) kedudukan jangkakan beban dan wujudnya sumber lain yang tertentu seperti gas yang menunjukkan pada ketika itu projek hidroelektrik Bakun tidak merupakan pilihan kos terendah selepas tahun 2000; dan

- (ii) dalam tempoh 1984–1986, negara sendiri mengalami ke-melesetan dalam pertumbuhan ekonomi dan dengan itu tidak memberi keutamaan kepada projek-projek besar. Perkembangan ekonomi negara yang pesat bagi tempoh masa setengah dekad kebelakangan ini di mana paras pertumbuhan ekonomi melebihi 8% setahun telah mendorong kerajaan meluluskan pelaksanaan projek ini pada 8hb September 1993.”

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati jawapan Yang Berhormat Menteri terhadap salah satu isu paling kontroversi di negara ini adalah satu jawapan yang paling memeranjatkan dan tidak bertanggungjawab langsung yang pernah saya menghadapi sepanjang 26 tahun sebagai Ahli Parlimen.

Pertama sekali, ia menunjukkan sikap kelalaian satu kementerian terhadap pertanyaan Parlimen dan prinsip tanggungjawab kementerian terhadap Parlimen yang telah diabaikan, yang tidak patut dilakukan oleh seorang menteri berpengalaman seperti Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Sebagai contohnya, beliau berkata di dalam jawapannya bahawa, “kerajaan tidak pernah membatalkan projek Bakun tetapi hanya membekukan atau menangguhkan pelaksanaannya pada tahun 1986”. Tahun 1986 yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dalam menangguhkan projek Bakun adalah berlainan dengan tahun yang diberikan di dalam kenyataan kementerian pada hari Isnin lepas mengenai projek Bakun.

Menurut kenyataan kementerian di Parlimen atas isu Bakun, beliau

berkata dan saya petik, “Sungguhpun projek hidroelektrik Bakun telah lama disahkan sebagai berdaya maju, kerajaan pada bulan Januari 1987 telah menangguhkan keputusan melaksanakan projek ini”.

Sekiranya Yang Berhormat Menteri serta kementeriannya tidak bersikap begitu lalai dan cuai terhadap tanggungjawab mereka kepada Parlimen, bagaimanakah mereka dapat melakukan kesilapan yang begitu besar dengan memberikan dua tarikh, dua tahun yang berlainan dalam masa empat hari di Parlimen, berkenaan dengan tahun kerajaan mengambil keputusan menangguhkan projek Bakun.

Ini membawa kita kepada aspek kedua yang lebih penting dan memeranjatkan dari jawapan Yang Berhormat Menteri minggu lepas – penafian beliau bahawa Jemaah Menteri telah mengambil keputusan pada Mei 1990 untuk membatalkan projek Bakun.

Penafian Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos bukan sahaja bertentangan secara langsung dengan pengumuman yang dilakukan pada Mei 1990 oleh rakannya, Yang Berhormat Dato’ Seri S. Samy Vellu yang memegang Jawatan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada masa tersebut tetapi juga bertentangan dengan pendirian umum yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Sendiri. Masa itu, Yang Berhormat dari Sungai Siput pertama kali memberi tahu rakyat serta negara ini mengenai keputusan Jemaah Menteri untuk membatalkan projek Bakun pada tahun 1990, dalam laporan pada 27hb Mei 1990 dan pengumuman ini telah dilaporkan dengan meluasnya di dalam

suratkhabar tempatan pada 28hb Mei 1990. Ini sebenarnya ada dalam semua suratkhabar.

New Straits Times, 28hb Mei 1990, by line Jeffrey Ramayah. Head line ialah, dengan izin, "\$10 billion Bakun Dam Project Scrapped – New Scheme will utilise Rajang River".

"Kuala Lumpur, Sunday. – The Cabinet has decided to scrap the controversial \$10 billion dollar, (at that time 'dollar') Bakun Hydroelectric Project in Sarawak".

"Instead, said Energy, Telecommunication and Post Minister, Dato' Seri S. Samy Vellu, a more viable and acceptable power generating project would be built on the Rajang River".

"He said the Cabinet decided last Wednesday to establish the Rajang River Electric Generation Corporation to undertake the new hydroelectric project".

"This new project will be an alternative to the proposed Bakun project which has created some controversy".

"Dato' Seri Samy Vellu said the Government would ensure that due care is given to the environmental impact of the project. Every effort would be taken to save the forest in the East Malaysian state.

The new project calls for the building of several small dams on the Sarawak's longest river.

Government Departments and agencies involved in the proposed project will have to ensure that the river does not flood villages and forest reserves in the vicinity.

A number of scientists and environmental groups opposed the Bakun Project on the grounds that it will cause irreparable damage to the environment and affects the lifestyles of the natives of Belaga in Sarawak's Seventh Division."

Dia mengatakan,

"Dato' Seri Samy Vellu said his Ministry would study the proposed project in detail and draw up a comprehensive project paper with recommendations and suggestions.

The project paper will be submitted to the Cabinet for approval before the end of the year."

Mesyuarat Jemaah Menteri pada hari Rabu yang ada disebutkan tentulah tarikhnya ialah 23hb Mei 1990. Dua minggu selepas Dato' Seri Samy Vellu membuat pengumuman mengenai keputusan Jemaah Menteri membatalkan projek Bakun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengesahkan perkara ini dalam satu ucapan beliau semasa membuka Persidangan Antarabangsa Pemeliharaan Biodiversity Tropikal di Petaling Jaya pada 12hb Jun 1990.

Lagi – *The New Straits Times*, ataupun semua akhbar. Byline Sulochini Nair – "PM: We Care for the Environment – Scrapping of Bakun

Project is proof". Dan proof Yang Berhormat Menteri Tenaga – apa yang dia kata dalam jawapannya ialah tak benar.

"Petaling Jaya, Tuesday – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad said today, Malaysia has made a big sacrifice for the environment by scrapping the RM10 billion Bakun hydro-electric project in Sarawak.

The Prime Minister said the decision to scrap the project would not jeopardize Malaysia's development. The project, however, would have saved thousands of millions of ringgit by way of cheaper energy.

The cost of electricity under the Bakun project would have been one to seven cent per unit compared to between 17 and 24 cent per unit now paid by the consumers, he said when opening the International Conference on Conservation of Tropical Biodiversity here.

The Bakun project, which had been opposed by environmentalists, would have generated 3,000 megawatts – the total volume of electricity used by the country.

Malaysia was paying a very high price by abandoning the project, Dr. Mahathir said, adding that it was not a rich country compared to developed nations.

Speaking to reporters later, (lagi satu perenggan) Dr. Mahathir said Malaysian's decision was not only for the benefit of

its environment, but also for global ecology." Untuk dunia.

Sekiranya perkara ini hanya melibatkan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos masa kini yang bertengkar dengan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos masa itu, yang menjawat jawatan kerusi itu pada bulan Mei 1990 mengenai soal sama ada Jemaah Menteri pernah mengambil keputusan membatalkan projek Bakun, maka ia hanya melibatkan keraguan mengenai siapakah yang betul. Walaupun saya percaya rakyat Malaysia akan percaya bahawa Dato' Seri S. Samy Vellu yang bercakap benar dalam hal ini – kali yang pertama saya akan kata saya akan percaya Yang Berhormat dari Sungai Siput kerana beliau pernah melawat ke seluruh negara pada bulan-bulan seterusnya dan membuat pengumuman bahawa projek Bakun tidak akan ditimbang semula dan kajian ke atas Empangan Murum yang ada dijangka 900 megawatt bernilai RM2 billion serta satu siri empangan kecil di sepanjang Sungai Rajang akan dilaksanakan sebagai alternatif kepada Bakun.

Bagaimanapun, di dalam isu ini, adalah pasti bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengumumkan di dalam persidangan antarabangsa pada bulan Jun 1990, keputusan dan rasional kerajaan membatalkan Bakun.

Saya telah mencadangkan di sidang akhbar saya Jumaat lepas bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos harus membentangkan kenyataan kementeriannya yang kedua di Parlimen mengenai Bakun hari ini untuk memberikan penjelasan mengapakah beliau menipu Parlimen dan melakukan kesalahan yang

serius dan melangkah hak-hak keistimewaan Parlimen di dalam jawapan kementerianya bahawa kerajaan tidak pernah mengambil keputusan membatalkan Bakun.

Ini merupakan isu yang serius, melibatkan bukan sahaja projek Bakun, malah melibatkan juga prinsip penting mengenai tanggungjawab, tatasusila dan integriti menteri, serta kredibiliti kod etika dan perlakuan menteri yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita selepas pilihanraya umum baru-baru ini.

Sebagai Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, tidak membentangkan kenyataan kementerianya yang kedua hari ini untuk menjelaskan keadaan, maka beliau harus dirujuk kepada Jawatankuasa Hak-hak Keistimewaan dan di sini saya memberi notis bahawa lewat hari ini saya akan mengemukakan satu Usul untuk merujuk Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ke Jawatankuasa Hak-hak Istimewa kerana salah laku dan pelanggaran hak-hak keistimewaan Parlimen yang serius.

Saya harap bahawa Usul hak-hak keistimewaan ini akan dilayani dengan adil dan masa akan diperuntukkan untuk perbincangan, melainkan sekiranya kita hendak melihat Parlimen Malaysia menjadi bahan ketawa di seluruh dunia untuk sebab yang kedua di mana usul untuk merujuk ke Jawatankuasa Hak-hak Keistimewaan hanya akan dikenakan ke atas Ahli-ahli Parlimen Pembangkang, tetapi tidak akan dikenakan ke atas Menteri walaupun Menteri tersebut melakukan kesalahan dan melanggar hak-hak keistimewaan Parlimen yang serius.

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sudah menipu Dewan yang mulia ini dengan menafikan bahawa Jemaah Menteri telah membatalkan projek Bakun dalam bulan Mei 1990. Tindakan beliau membangkitkan persoalan sama ada proses perundingan umum kerajaan, sama ada mengenai balasan terhadap EIA ataupun dialog dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hanyalah taktik 'PR kosong' sahaja, dan bahawa kerajaan telah mengambil keputusan terakhir untuk meneruskan projek Bakun dan bahawa ia tidak akan membenarkan sebarang pertimbangan sosio-ekonomi ataupun persekitaran menghalang pelaksanaannya.

Nampaknya, sebarang apa yang dilakukan oleh kerajaan hanyalah untuk berpura-pura sahaja terhadap perundingan umum manakala Ekran Bhd. pula menjalankan projek Bakunnya dengan begitu pantas sekali, terutama sekali dalam hal menjual hak pembalakan di 3 juta cubic meter di kawasan Bakun dengan harga tunai RM405 juta.

Apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berjumpa dengan para NGO bulan lepas mengenai projek Bakun, beliau berkata bahawa beliau sendiri percaya, sekiranya projek Bakun perlu diberhentikan, maka kerajaan akan membayar pampasan yang secukupnya kepada Ekran Bhd.

Sekiranya opsyen kerajaan untuk membatalkan projek Bakun adalah bermakna, maka segala kerja di Bakun mesti diberhentikan sebelum opsyen ini menjadi tidak berguna hasil dari jumlah pampasan kepada Ekran menjadi terlalu besar dan tidak dapat

ditanggung, yang mana berada dalam lingkungan berbilion-bilion ringgit.

Tadi saya telah membangkitkan bahawa adalah penting dan mendesak supaya diadakan pembaharuan di Parlimen untuk memastikan bahawa Parlimen masih berkaitan dengan perubahan keperluan serta zaman.

Salah satu pembaharuan yang boleh dilakukan adalah dengan melakukan inovasi seperti menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen mengenai Bakun untuk membuat cadangan sama ada Parlimen harus meluluskan projek Bakun.

Jawatankuasa Khas Parlimen sebegini bukan sahaja sesuai, malah tepat pada masanya, memandangkan banyak bidang dalam proses pemulihan dan kelulusan projek Bakun ini masih belum diumumkan dan masih diselaputi dengan misteri dan rahsia.

Antara bidang yang boleh disiasat oleh Jawatankuasa Khas Parlimen mengenai Bakun ini adalah:

- (i) Mengapakah Jemaah Menteri menukar keputusannya pada Mei 1990 untuk membatalkan projek Bakun atas sebab-sebab persekitaran dan membuat satu lagi keputusan pada 8hb September 1993 untuk meneruskan projek berkenaan. Jawatankuasa Parlimen ini harus bertanya dan mengemukakan dua catitan Jemaah Menteri yang menyebabkan keputusan Mei 1990 dibatalkan dan keputusan baru pada September 1993 untuk meneruskan Bakun dibuat.
- (ii) Mendapatkan dan menerbitkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh kerajaan

ke atas Bakun. Jawatankuasa Parlimen ini harus juga menjelaskan kenyataan yang bertentangan di antara Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan Ketua Menteri Sarawak. Kerana menurut Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, kerajaan telah membelanjakan RM30 juta ke atas 9 kajian Bakun. Manakala Ketua Menteri Sarawak pula berkata, bahawa kerajaan telah membelanjakan RM70 juta ke atas sekurang-kurangnya 30 kajian Bakun.

- (iii) Mendapatkan sebab sebenar tindakan yang diambil oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang menyerahkan kuasa dan jurisdiction Jabatan Alam Sekitar sebagai pihak pelulusan EIA Bakun kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada bulan Mac 1990. Jawatankuasa Parlimen harus mempertimbangkan sama ada tindakan sebegini adalah sesuai dan dapat dijustifikasikan terutama sekali memandangkan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah berulang kali memberikan jaminan kepada Parlimen bahawa DOE akan merupakan pihak pelulusan untuk EIA Bakun. Malah beliau telah dengan secara malunya membubarkan satu panel *ad-hoc* yang terdiri dari 48 pakar yang bertujuan sebagai penasihat kepada DOE atas EIA Bakun tanpa diadakan sebarang mesyuarat sebelum ini.
- (iv) Menjemput para NGO dan pertubuhan yang berminat

untuk menghantar memorandum mengenai kesan sosio-ekonomi dan persekitaran Bakun serta implikasi jangka panjang mereka. Jawatankuasa Parlimen ini harus membuat cadangan atas soal kecukupan pertimbangan persekitaran, ekonomi dan sosial di dalam laporan-laporan EIA serta kebaikan kerajaan dalam membenarkan laporan EIA Bakun dipecah kepada empat bahagian yang berasingan.

- (v) Satu lagi bidang yang patut diambil kira adalah kesesuaian menggunakan tabung awam untuk satu projek swasta terutama sekali mengenai cadangan supaya KWSP dijadikan penanggung terbesar kepada Projek Empangan Bakun. KWSP telah mengambil bahagian menanggung keperluan kewangan kos dua IPP iaitu YTL Power Generation Sdn. Bhd. dan Segari Energy Venture Sdn. Bhd. dengan RM1.5 bilion masing-masing. Adakah KWSP juga bersedia menanggung keperluan kos lebih daripada RM3 bilion di dalam projek Bakun.
- (vi) Menurut komen dan kritik dari seorang pakar empangan dan pensyarah di Universiti Dortmund, di Jerman, Dr. Wang Wei Luo bahawa anggaran pendapatan tahunan sebanyak RM3 bilion dari empangan Bakun adalah tidak realistik. Bahawa dakwaan mengenai Empangan Bakun dapat mencapai kadar efisiensi 85.62% adalah terlalu, dengan izin, over exaggeration dan

bahawa rakyat Malaysia akhirnya akan terpaksa menyelaamatkan projek Empangan Bakun dan Ekran Bhd. dengan membayar kadar elektrik yang lebih tinggi.

- (vii) Keperluan tenaga masa depan dan kapasiti penjanaan. Menurut tinjauan kerajaan yang terbaru, Tenaga Nasional Bhd. dapat membekalkan 80% keperluan elektriksiti Malaysia yang setinggi 12,000 megawatt untuk tahun 2000. Hingga ke tahun tersebut, enam IPP yang berlesen (kecuali Bakun) akan dapat membekalkan lebih kurang 4,500 megawatt kepada Tenaga Nasional Bhd. menyebabkan jumlah pembekalan 14,500 megawatt lebih daripada keperluan yang ditinjau iaitu 12,000 megawatt. Angka ini pun telah memasuki margin rezab 20%. Jawatankuasa Parlimen ini harus mempertimbangkan sama ada dengan timbulnya IPP yang semakin banyak ini serta kapasiti penjanaan mereka yang semakin meningkat adalah sesuai dan berasional untuk membina kabel bawah laut sepanjang 650 kilometer untuk membawa 1,200 hingga 1,500 megawatt (jika ada) dari Empangan Bakun untuk memenuhi keperluan tenaga di Semenanjung Malaysia sebelum mengambil kira lain-lain masalah seperti kebolehlaksanaan teknikal dan daya maju ekonomi dengan adanya sebuah kabel bawah laut yang terpanjang di dunia. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kubang Kerian.

4.35 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyuarakan pandangan yang sama tentang hak-hak di Parlimen seperti dikemukakan oleh Ketua Pembangkang tadi, iaitu setelah hampir complete penghakisan demokrasi di luar, sekarang usaha untuk complete penghapusan demokrasi dalam Parlimen ini sendiri. Ini pihak kami juga memang menentang soal hendak mengubah semula Peraturan-peraturan Mesyuarat dalam Dewan ini kerana kita lihat apa yang ada ini pun kita perlu longgarkan lagi tetapi hendak diperkatakan sehingga Parlimen nantinya akan menjadi Sidang Pleno, tidak lagi membincangkan masalah-masalah yang besar pada negara ini. Jadi, penghapusan demokrasi sekarang sudah sampai ke dalam Parlimen ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua perkara yang saya ingin sentuh ialah perkara yang diperbincangkan sekarang secara menyeluruh iaitu masalah penswastaaan universiti. Pihak kami berpendapat, berpandangan bahawa kenapakah pihak kerajaan hendak buldozekan perkara ini tanpa dibuka kepada perbincangan yang lebih luas. Kerana kita lihat sebelum ini, dalam hendak mengemukakan dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa Malaysia, hendak menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi, kita lihat ianya mengambil masa yang panjang. Perbincangan di peringkat ahli-ahli politik, perbincangan di peringkat tokoh-tokoh akademik, perjuangan bahasa dan sebagainya; diambil kira pandangan mereka. Sehingga

terbentuknya Akta Bahasa dan Bahasa Melayu, bahasa Malaysia diakui mata pelajaran bahasa pengantar di semua universiti pada tahun 1981.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga hendak membentuk dasar ekonomi baru, kita melihat perbincangan yang begitu luas diizinkan sama ada di dalam bentuk seminar-seminar, kongres-kongres sehingga lahirlah Kongres Bumiputera dan akhirnya Dasar Ekonomi Baru dipersetujui dan dijadikan falsafah negara selama 20 tahun untuk membantu bumiputera. Begitulah juga dalam hal-hal yang lain. Tetapi dalam bidang penswastaaan universiti ini, kita lihat seolah-olah ada satu usaha hendak buldozekan perkara ini. Tidak dibincangkan semasak-masaknya, untung rugi terutama sekali dalam sudut keadaan umat Islam dan bumiputera yang kita lihat mereka ini perlu diperbincangkan dengan lebih jelas kedudukan mereka dalam institusi pengajian tinggi pada masa yang akan datang.

Sudah tentu kami mengambil serius perkara ini apabila ura-ura hendak korporatkan universiti ini, parti politik yang pertama menyokongnya ialah MCA. Sepatutnya kita kena bertanya kenapa MCA menyokong begitu cepat. Sudah tentulah mereka melihat barangkali keupayaan yang ada pada mereka, kepada golongan yang mereka wakili dari sudut untuk anak-anak mereka berada di universiti nanti. Tetapi parti-parti lain kita lihat seolah-olah mendiamkan diri terutama parti-parti Barisan Nasional yang lain tidak memberi pandangan yang jelas dalam masalah pengkorporatan universiti ini.

Bekas Menteri Pelajaran yang sekarang ini Tan Sri Musa Hitam telah membuat rungutan dalam ucapannya

baru-baru ini. Beliau mengatakan janganlah pelajaran dipolitikkan. Sebab kita bimbang bahawa kalau pelajaran dipolitikkan, diubah mengikut Menteri Pendidikan berubah ataupun pertarungan dalam UMNO dijadikan Kementerian Pendidikan sebagai satu sandaran, ini amat merbahaya kepada kita. Kita lihat sekarang ini Kementerian Pendidikan berubah. Bila ubah Menteri, ubah cara. Sekejap cuti bulan Disember. Sekejap hendak mengaji balik di bulan Disember. Sekejap itu dan sekejap ini. Kita tidak mahu Kementerian Pendidikan dipolitikkan dan dalam hal ini saya bersetuju dengan Tan Sri Musa Hitam bahawa dalam masalah pelajaran ini janganlah dipolitikkan kerana ianya amat penting kepada negara kita sekarang dan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selalu dibincangkan dalam masalah pengkorporatan universiti di sudut yuran, di sudut gaji pensyarah, di sudut penyediaan kita dalam bidang hendak mengeluarkan graduan-graduan untuk kepentingan negara. Jarang dibincangkan soal falsafah universiti setelah dikorporatkan nanti. Pandangan-pandangan tokoh-tokoh akademik sekarang ini seolah-olah mereka ini diketepikan, tidak diajak berbincang. Seorang bekas Naib Canselor iaitu bekas Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia telah merungut bahawa dia telah menghantar surat lebih kurang setahun lebih kepada Perdana Menteri untuk beliau bertemu dan memberi pandangan soal penswastan universiti ini. Tetapi apa yang beliau dapati bahawa suratnya ataupun permintaannya itu tidak dilayan langsung, sedangkan tokoh-tokoh akademik seperti ini, mereka yang berjasa besar; menjadi Naib Canselor dahulunya; patut pandangan mereka diambil kira terutama

sekali dalam kepentingan bumiputera pada masa yang akan datang dalam masalah pengkorporatan universiti ini. Saya hairan kenapa Pemuda UMNO begitu cepat menyokong sedangkan kita tahu bahawa Pemuda UMNO zaman dahulunya mereka ini menjadi pengkritik-pengkritik utama, memberi pandangan-pandangan sehingga menamatkan pihak-pihak menteri kepada mereka. Tetapi sekarang belum lagi diperbincangkan secara masak, mereka telah menyokong.

Pandangan-pandangan golongan intelektual, golongan-golongan yang berjasa besar seperti pandangan Profesor DiRaja Ungku Aziz, Profesor Rashdan Baba, Profesor Shahnnon Ahmad, Profesor Najib Al-Attas, Profesor Khoo Kay Kim; daripada maklumat yang kita terima bahawa mereka ini hendak berjumpa pun tidak dibenarkan. Bahkan pandangan-pandangan mereka tidak diambil kira dalam masalah pengkorporatan universiti ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa meletakkan Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi pendidikan bukanlah satu usaha yang senang tetapi sekarang ia telah mulai hancur berkecai dengan universiti swasta dan kolej swasta yang ditubuhkan begitu banyak sekarang ini. Mata pelajaran diajar dalam bahasa Inggeris dan juga universiti-universiti di bawah kelolaan kerajaan juga akan diswastakan, maka bahasa Inggeris akan diutamakan. Maka hancurlah usaha-usaha generasi kita yang awal dulu yang hendak mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ini.

Kenapa kita terburu-buru dari segi menolak Bahasa Kebangsaan ini? Kita lihat negeri-negeri yang

mengutamakan bahasa mereka cukup maju di dunia ini seperti Jepun, Jerman dan juga Indonesia sekarang kita lihat mereka telah mampu sehingga mengeluarkan kapal terbang, helikopter yang kita turut import helikopter mereka. Kita lihat mereka mengutamakan bahasa mereka.

Dalam masalah ini kita lihat sekarang ini seolah-olah dalam pentadbiran kerajaan sekarang ini, satu perkara yang dia mahu dibulldozekan begitu, yang lain-lain ikut begitu sahaja, perbincangan nampaknya mula ditutup dan pandangan-pandangan orang yang boleh memberi pandangan nampaknya disekat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengkorporatan universiti ini perlu dibincangkan lebih panjang, bukan kita menentang secara membuta tuli atau menyokong secara membuta tuli. Tetapi biarlah golongan akademik, ahli-ahli politik berbincang, berkongres, berseminar sebelum mereka ini dipaksakan supaya menerima institut pengajian tinggi ini diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, di sudut bahasa akan hancur, begitulah juga di sudut falsafah pendidikan negara. Dulu berlaku perdebatan hebat, budaya Malaysia hendak diletakkan di atas budaya apa? Ahli-ahli akademik mengatakan bahawa budaya Malaysia mesti berteraskan budaya Melayu, budaya Melayu mesti berteraskan kepada kebudayaan Islam kerana orang-orang Melayu mengenal tamadun setelah datangnya Islam, persuratan dan sebagainya, setelah datangnya pengaruh Islam di sebelah sini. Perdebatan dulunya berlaku di antara Profesor Syed Mohd Najib Al-Attas dengan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, masalah hendak menentukan di antaranya falsafah pendidikan negara dan

juga masalah moral dan masalah kebudayaan negara. Akhirnya, semuanya telah bersetuju bahawa budaya negara hendaklah berlandaskan kepada budaya Melayu, yang berteraskan budaya Islam.

Hasil daripada perjuangan tokoh akademik, ahli-ahli politik ini maka pelajaran Tamadun Islam diperkenalkan di institut pengajian tinggi, di ITM, di UTM, UM dan di ITM diwajibkan. Di institut pengajian tinggi yang lain diberi mata pelajaran pilihan. Sekarang bila institut pengajian ini diswastakan, bagaimana kedudukan mata pelajaran Tamadun Islam yang telah diperkenalkan hasil daripada semua masyarakat menerima kebudayaan Malaysia mesti berteraskan kebudayaan Melayu, kebudayaan Melayu berteraskan kebudayaan Islam.

Dalam keadaan pelajaran Tamadun Islam diperkenalkan, kita lihat apa yang jadi kepada masyarakat selepas itu? Keruntuhan akhlak yang menjadi-jadi, masalah dadah, masalah pelacuran, masalah rasuah yang begitu hebat. Bayangkan dalam keadaan pelajaran Tamadun Islam, pelajaran moral ini diketepikan, apa akan jadi kepada masyarakat kita pada masa yang akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata kita melihat bahawa sekarang ini golongan yang memerintah ini kerana mereka terlalu kuat dipengaruhi oleh korporat. Sepatutnya, negara mempengaruhi korporat tetapi di Malaysia sekarang pihak korporat mempengaruhi negara. Pemimpin-pemimpin UMNO yang diamanahkan untuk memerintah, mereka sekarang terdiri kebanyakannya daripada korporat-korporat, bukan lagi tokoh-tokoh pendidik atau guru-guru ataupun mereka yang duduk dalam pejuang-pejuang masyarakat.

Oleh itu, mereka fikir di sudut untung rugi, di sudut kewangan tidak melihat di sudut falsafah negara dan keadaan generasi yang kita akan lahirkan pada masa yang akan datang.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kita mahu bahawa soal falsafah, soal hendak swastakan universiti ini, perlu diperbincangkan lebih panjang. Kaki-tangan akademik sekarang risau perkara ini kerana semuanya dibuat dalam bentuk seolah-olah dipaksakan (bulldoze) tanpa perbincangan yang lebih panjang. Saya ingin tekankan apakah jaminan kedudukan bahasa Malaysia? Apakah jaminan kedudukan pelajaran Tamadun Islam? Apakah jaminan pengajian-pengajian Sains Sosial dapat dipertahankan? Belanjawan hari ini pun kita lihat di antaranya RM25 juta digunakan untuk memperbaiki infrastruktur Universiti Malaya. Semuanya ini kita lihat perediaan awal ke arah diswastakan supaya apabila universiti dikorporatkan nanti, mereka telah tersedia dengan keadaan-keadaan yang hebat dan lumayan, maka mereka dapatlah menggerakkan Universiti Malaya itu barangkali dalam bentuk satu badan perniagaan.

(Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): *(Masuk)*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tokoh muda UMNO sudah masuk, sokong cepat institut pengajian tinggi, saya pun tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga rungutan golongan yang terlibat dalam Institut Terjemahan Negara (ITNM). Mereka juga mengatakan bahawa seolah-olah mereka ditubuhkan oleh kerajaan, tetapi fungsi mereka sekarang sudah tidak ada. Fungsi mereka sekarang terbengkalai. Rungutan ini juga

dibuat sendiri oleh Tan Sri Profesor Ainuddin Wahid tentang tugas Institut Terjemahan Negara yang dipertanggungjawabkan tentang tugas mereka, matlamat mereka sekarang ini entah ke arah mana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara-perkara seperti ini begitu juga peranan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebuah kertas kerja dikemukakan oleh salah seorang pembesar Dewan Negara, beliau sendiri mempersoalkan bahawa kerja-kerja terjemahan yang dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebanyak 15,000 naskhah buku sekarang ini hendak diletak ke mana bila dia lihat bahawa penswastaan institut pengajian tinggi sekarang ini mereka sendiri tidak diberitahu arah mana, bentuk mata pelajaran, falsafahnya, pendidikannya, semua tidak diberitahu kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Oleh itu, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka melalui seorang yang telah mengemukakan kertas kerja dalam seminar yang dianjurkan oleh PKPIM merungut bahawa usaha-usaha mereka juga akan terbengkalai pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita harapkan bahawa penswastaan institut pengajian tinggi ini perlu diperbincangkan lebih panjang terutama sekali kepentingan bumiputera terutama kita lihat apabila kita pergi, orang-orang Melayu di Kelantan, Terengganu, Padang Terap ataupun di Jeli, di Gua Musang sekarang, kita berhadapan dengan orang-orang Melayu. Bagaimana mereka ini apabila diswastakan nanti? Sekarang ini bila dirungut soal yuran, ditegaskan oleh kerajaan bahawa masalah yuran tidak penting kerana yang penting bagi mereka ialah kalau tidak mampu bayar iaitu belajar dulu, bayar kemudian. Bagaimana

belajar dulu, bayar kemudian? Kalau seorang penduduk Padang Terap yang miskin kalau graduate dibebankan dengan hutang RM30,000 masa itulah dia hendak berkahwin, masa itulah dia hendak menghantar duit kepada ibu bapa, masa itulah juga hendak bayar kepada universiti. Maka tekanan ekonomi kepada bumiputera akan lebih hebat. Bukanlah orang-orang Tionghua semuanya kaya, tetapi kita ambil secara pukul rata, secara menyeluruh.

Kita hairan dalam ucapan-ucapan pilihanraya atau selepas pilihanraya, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional mengatakan negara Malaysia semakin kaya, negara Malaysia semakin mewah, tetapi 'pelik bin ajaib' bila negara semakin mewah, tanggungjawab sosial semakin dikurangkan. Sepatutnya, bila negara semakin mewah, tanggungjawab sosial dipertingkatkan. Sekarang tanggungjawab sosial kerajaan kepada rakyat semakin dikurangkan bila universiti dikorporatkan. Basiswa kepada anak-anak Melayu semakin terhapus, maka tanggungjawab sosial yang selama ini dipersetujui oleh semua kaum akan terhapus satu demi satu. Penswastan hospital dan sebagainya.....

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan tentang tanggungjawab sosial. Tidakkah Yang Berhormat bersetuju apabila lebih ramai di antara kita, ibu bapa dan juga orang yang berkemampuan untuk memenuhi tanggungjawab kita, jadi kerajaan tidak perlu lagi menanggung perbelanjaan untuk mereka yang sudah berkemampuan untuk menjalankan tanggungjawab itu. Pada satu ketika apabila terdapat ramai orang yang miskin, kerajaan mengambil alih tanggungjawab itu,

tetapi apa-bila kita sudah meningkat kepada satu tahap yang tertentu maka orang-orang persendirian yang mampu mengambil alih tanggungjawab itu perlulah mengambil alih tanggungjawab itu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Saya bersetuju tetapi berapa orang yang mampu sekarang ini sebab masyarakat Melayu jangan diukur di Lembah Kelang. Kita kena pergi ke Baling, ke Padang Terap, Ke Kubang Kerian, kita tengok di Gua Musang, kena tengok di Kuala Terengganu, di antara mereka masih lagi sampai ke peringkat tidak mampu bersekolah. Ini kedudukannya. Kalau kita lihat orang-orang Melayu berapa kerat? Itu pun saya sebut dalam perbahasan untuk meluluskan satu perbadanan kemajuan industri kecil dan sederhana. Orang-orang Melayu yang terlibat dalam bidang perniagaan dan korporat ini hanyalah kebanyakannya mampu mendapat tender, bukan keupayaan mereka untuk mengusahakan kerja-kerja yang mereka buat. Ini kedudukan politik yang kita lihat sekarang ini masih lagi dipegang oleh UMNO. Tetapi kalau satu hari tidak terlepas ke tangan UMNO. Apa jadi? Keupayaan mendapat tender dan sebagainya, tender tidak dapat, apa pun tidak dapat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini bukan soal perkauman, tetapi ini adalah soal security kepada orang Islam, sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap di peringkat antarabangsa beliau mengatakan bahawa "kedudukan kekuatan kepada orang Islam jangan dikurangkan, bahkan hendak ditambah". Tetapi apabila balik ke negeri sendiri, dia kurangkan kekuatan kepada orang Islam, sebab itu sebuah majalah antarabangsa "Impact International" kalau tidak

salah saya mengatakan Perdana Menteri Malaysia 'Hero' ataupun 'Islamic at International level', 'hypocrite at domestic level'. Ini disebut oleh majalah-majalah antarabangsa sekarang, sebab di peringkat domestik iaitu dalam Malaysia, hak-hak kedudukan orang Melayu, hak-hak dan kedudukan orang Islam makin dikurangkan satu demi satu. Sedangkan kalau kita lihat keseluruhannya orang Melayu dan orang Islam perlu lagi negara ini bantu, bimbing kerana kedudukan mereka masih bertaraf miskin ataupun termiskin. Jadi, perkara inilah yang saya sebutkan, janganlah pula bila anak Melayu diberi biasiswa, maka anak Menteri pun dapat. Kalau anak Menteri pun dapat, anak tokoh-tokoh korporat pun dapat, ini juga satu penyelewengan.

Yang penting bagi kita sekarang ini jangan kita "rush" dalam satu perkara hendak menghapuskan tanggungjawab sosial dari segi biasiswa sedangkan keupayaan orang Melayu, keupayaan bumiputera khususnya di Malaysia ini di tahap yang perlu dibimbing, yang perlu dibantu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini kami memberi pandangan dan pandangan-pandangan ini juga di'share' oleh tokoh-tokoh akademik bahawa dalam masalah penswastaan universiti ini perlu dibincang lebih panjang di sudut kedaulatan bahasa, falsafah, dasar budaya dan mata pelajaran, kedudukan orang Melayu dan orang Islam, kedudukan ekonomi kita di tahap 20%. Dan siapa yang menguasai 20% perlu dibincangkan lagi lebih panjang supaya jangan di 'rush'kan perkara ini, sebab penswastaan universiti tidak sama dengan penswastaan jalan raya, penswastaan air, pembinaan kereta. Ia adalah masalah yang lain, kerana

masalah pelajaran ini, masalah yang lain daripada penswastaan perkara tadi.

Tuan Yang di-Pertua, hal-hal dalam Parlimen pula, sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang tadi, ada Ahli Parlimen yang tidak bercakap dan sebagainya. Barangkali mereka yang tidak bercakap ini mengambil falsafah Tun Daim Zainuddin. Tun Daim Zainuddin telah ditanya dahulu semasa dia Ahli Parlimen Merbok, kenapa dia tidak bercakap dalam Parlimen?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tuan Berhormat, tidak payah sebut nama dalam perbahasan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bekas Menteri Kewangan, Ahli Parlimen Merbok yang merajuk. (*Ketawa*) Beliau mengatakan bahawa bila ditanya, kenapa tidak bercakap dalam Parlimen? Beliau berkata bahawa "Apa perlu saya shout, menjerit dalam Parlimen, sedangkan saya boleh bisik ke telinga Perdana Menteri". Barangkali yang tidak bercakap ini, mungkin mereka boleh bisik ke telinga Perdana Menteri seperti Tun Daim Zainuddin - maaf bekas Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal-hal ini, saya ingatkan sekali lagi di akhir ucapan ini, dalam penswastaan-penswastaan perkara-perkara lain. Kita haraplah tolong bincang dahulu, panjangkan lagi perbincangan masalah pengkorporatan institut pengajian tinggi ini, biarlah tokoh-tokoh akademik terutama sekali memberi pandangan mereka lebih jauh untuk melahirkan: Satu, kalau hendak swastakan juga bincang di sudut mana, di sudut untung rugi, terutama sekali menjaga keharmonian kaum, keharmonian kedudukan orang Islam dan

bukan Islam, bumiputera dan bukan bumiputera, kaya dan miskin yang berada dalam negara Malaysia ini, jangan 'rush'kan perkara ini. Jangan kita 'bulldoz'kan dalam masalah pelajaran ini, kerana ia nadi Malaysia, nadi kita pada masa yang akan datang. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sila.

4.56 ptg.

Tuan Henrynus Amin (Kinabalu): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1995 iaitu bacaan bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia pada ketika ini sedang mengalami satu pembangunan yang begitu pesat dan pembangunan ini bolehlah dibanggakan oleh setiap lapisan masyarakat bukan sahaja rakyat Malaysia di Semenanjung, tetapi juga di Sabah dan Sarawak.

Apabila kita berada di luar negara dan berjumpa dengan pemimpin-pemimpin politik daripada negara-negara asing, negara-negara luar, mereka kenal, mereka tahu Malaysia dan sedar bahawa Malaysia sedang mengalami satu pembangunan yang begitu pesat. Namun demikian, dalam kesempatan saya berucap di Dewan yang mulia ini, pada petang ini saya ingin mengingatkan bahawa pembangunan itu adalah suatu perkara yang harus di seimbangkan ataupun harus ada keseimbangan pembangunan dari segi regional development, dengan izin.

Sebagai wakil rakyat ataupun Ahli Parlimen daripada kawasan Kinabalu di Sabah, saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa negeri Sabah masih ketinggalan dari segi pembangunan jika dibandingkan dengan negara-negara lain khususnya di semenanjung Malaysia.

Kalau kita mengimbas kembali tentang kemasukan ataupun penubuhan Malaysia pada tahun 1963, harapan rakyat pada ketika itu apabila menyertai gagasan Malaysia, tidak lain, tidak bukan adalah untuk mengecapi ataupun untuk mendapat pembangunan yang mereka lihat di Malaysia ataupun di Semenanjung Malaysia pada ketika itu, dan pembangunan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan hak asasi manusia. Setiap rakyat berhak untuk mengecapi faedah-faedah pembangunan.

Semasa penubuhan Malaysia dahulu, pemimpin-pemimpin seperti Almarhum Tuanku Abdul Rahman Putra Alhaj dan beberapa pemimpin-pemimpin lain daripada Semenanjung pada ketika itu telah membuat janji dan jaminan bahawa setelah penubuhan Malaysia ini, pembangunan apa yang ada di Semenanjung ini akan juga akan diberikan di Sabah dan Sarawak. Maka sejak daripada tahun 1993, impian rakyat di Malaysia Timur adalah untuk sama-sama mengecapi faedah pembangunan itu. Apa yang mereka lihat di Semenanjung supaya di Sabah juga kami akan menerima faedah yang sama.

Pada awal-awal lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat soalan tambahan, mengatakan bahawa pembangunan pertanian di Semenanjung ini begitu baik sekali dan saya sangat inginkan supaya apa yang ada di Semenanjung ini kita dapat lakukan di Sabah.

Saya sebenarnya tidak berpuas hati dengan jawapan yang telah diberikan oleh kerana jawapan yang telah diberikan kepada saya bukanlah mengenai program-program apa yang dirancangan. Tetapi teguran-teguran yang kononnya bahawa mungkin pembangunan itu tidak ada oleh kerana Sabah selama 10 tahun telah diperintah oleh Parti Bersatu Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu kenapa perkara seperti ini harus ditimbulkan, dan saya ingin membetulkan satu perkara fakta yang sering menjadi persoalan di antara pemimpin-pemimpin politik Semenanjung dan Sabah ataupun Sarawak, iaitu tuntutan negeri Sabah mengenai dengan Kerajaan Sabah selama sejak merdeka ini.

Dalam pengetahuan saya, sejak Sabah menyertai gagasan Malaysia pada tahun 1963 sampai ke tahun ini, kerajaan-kerajaan yang memerintah negeri Sabah sebenarnya adalah Kerajaan Persekutuan. Hanya pada tahun 1990 apabila PBS telah keluar daripada Barisan Nasional, maka barulah kerajaan negeri itu telah diperintah oleh kerajaan bukan dari Barisan Nasional. Jadi apabila dikatakan ada insinuation, dengan izin, seolah-olah bahawa pembangunan tidak ada di Sabah oleh kerana PBS kononnya memerintah selama 10 tahun di Sabah. Ini satu perkara yang tidak munasabah. Oleh kerana pada pendapat saya, ini bukan soal parti, ini bukan soal politik. Ini adalah soal hak, soal janji dan jaminan yang telah diberikan oleh rakyat Sabah, bukan sahaja negeri Sabah tetapi juga di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini sebagai rakyat Malaysia, yang bertanggungjawab, yang ingin melihat supaya pembangunan itu akan berlaku

bukan sahaja di Semenanjung, tetapi di seluruh negara. Oleh kerana kita ingin menyatupadukan rakyat, kita ingin membawa kemajuan kepada rakyat bukan sahaja di sebahagian daripada Malaysia, tetapi di seluruh Malaysia supaya kita boleh menimbulkan perasaan yang cinta dan kasih sayang kepada negara ini.

Sekiranya tidak ada keseimbangan pembangunan, Tuan Yang di-Pertua, maka timbullah masalah persoalan dan seringkali persoalan itu dapat ditimbulkan di Dewan yang mulia ini dan tidak kurang juga persoalan itu ditimbulkan semasa pilihanraya dan kadang-kadang persoalan apabila tidak dibendung boleh menyakitkan hati pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri berucap pada petang ini, saya tidak mahu mempersoalkan soalan ini seolah-olah ada satu politik iaitu di antara Barisan Nasional dengan PBS ataupun mana-mana parti politik. Tetapi saya berdiri di sini ingin membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini tentang betapa pentingnya keseimbangan itu atau pembangunan itu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sabah misalnya, pembangunan infrastruktur masih ketinggalan jauh berbanding dengan apa yang kita dapati di Semenanjung Malaysia. Jalan-jalan raya yang diperlukan untuk menghubungkan Kota Kinabalu dengan kota-kota yang lain masih dalam keadaan yang sangat menyedihkan. Apabila pada suatu ketika dahulu saya berjalan pergi ke Kinabatangan. Kinabatangan kalau tidak silap adalah kawasan Yang di-Pertua sendiri. Saya melihat jalan itu sangat menyedihkan oleh kerana lubang yang besar-besar sehingga tidak ada kereta yang dapat

melalui jalan itu dengan sempurnanya dan kita tahu bahawa tempat itu adalah pusat untuk pengeluaran bahan-bahan pertanian. Betapa susah lori-lori, kereta-kereta untuk mengangkut barang-barang penghasilan dari pelabuhan-pelabuhan seperti di Sandakan, Tawau dan di Kota Kinabalu.

Oleh kerana sering mengalami kerosakan-kerosakan kereta maka ongkos pengeluaran ini telah meningkat. Apabila ongkos pengeluaran telah meningkat ini membebankan lagi ekonomi negara dan mungkin telah mengakibatkan harga barang-barang atau ongkos pengeluaran di Sabah telah meningkat sehingga kita tidak boleh bersaing dari segi pengeluaran pertanian atau pengeluaran perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jalan-jalan raya terutamanya jalan raya Persekutuan ini sangat penting dan sangat wajar pada ketika ini. Jalan raya dari Kota Kinabalu sampai ke Kudat, jalan raya dari Kota Kinabalu sampai ke Sindumin ataupun sampai ke Sandakan ataupun sampai ke Tawau. Saya ingin menggesa Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan Sabah sekarang ini yang diterajui oleh UMNO ataupun Kerajaan Barisan Nasional supaya prihatin terhadap masalah ini. Sekiranya dahulu telah diberi alasan bahawa oleh kerana PBS memerintah tidak ada pembangunan, tetapi kali ini tidak ada sebab lagi bahawa kewangan yang telah dijanjikan itu dicurahkan di Sabah pada ketika ini supaya pembangunan yang pesat dapat dijalankan.

Saya masih ingat waktu pilihanraya 1994, apabila berkempen di sana sini dan kita telah membaca surat-khabar dan kita telah mendengar ucapan-ucapan, segala janji-janji dan

jaminan dan saya tidak lupa janji 100 hari – janji itu mengatakan bahawa dalam 100 hari pembangunan akan berlaku di merata-rata tempat di negeri Sabah ini. Dalam enam tahun tidak ada satu orang pun yang tidak ada rumah. Janji ini begitu besar sehingga menimbulkan harapan yang begitu besar bagi rakyat seluruh negeri Sabah pada ketika itu. Tidak menghairankan bahawa banyak parti Barisan Nasional yang menang walaupun tidak menang ataupun tidak dapat merampas kerajaan – PBS masih menang pada ketika itu – PBS jatuh oleh kerana politik lompat-melompat beberapa pemimpin politik yang tidak berprinsip telah melompat.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika itu janji-janji itu telah diberikan dengan sewenang-wenangnya dan telah menimbulkan harapan yang besar kepada rakyat seluruh Sabah. Saya ingin mengingatkan di sini bahawa untuk menunaikan janji itu sangatlah penting oleh kerana prestasi Kerajaan Persekutuan bergantung kepada menunaikan janji-janji yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, kini Kerajaan Barisan Nasional sudah bertapak di negeri Sabah. Saya katakan tadi bahawa tidak ada sebab lagi apa yang telah dijanjikan itu tidak ditunaikan. Tetapi apabila saya melihat di kawasan saya sendiri, masih sangat menyedihkan oleh kerana peruntukan-peruntukan, misalnya, peruntukan ADUN, peruntukan-peruntukan yang pernah diharap-harapkan masih tidak kunjung tiba dan rakyat gelisah. Mereka bertanya-tanya apa yang telah terjadi kepada janji-janji itu. Saya tidak mahu mempolitikkan hal-hal ini di Dewan yang mulia ini tetapi ini adalah satu perkara yang harus kita ingat, yang

kita harus anggap penting dan yang harus kita tunai untuk kebaikan kita semua bersama.

Selain dari itu saya suka membawa kepada perhatian Dewan ini tentang keperluan-keperluan tertentu, misalnya kesihatan. Saya dapati dan melalui pengalaman saya, di negeri Sabah tahap kesihatan ini sangat mendukacitakan. Di kawasan saya sendiri di Ranau, saya terkejut apabila telah diberitahu bahawa kawasan Ranau ataupun kawasan Parlimen Kinabalu merupakan kawasan yang mempunyai kes-kes malaria yang paling serius di seluruh Sabah dan perkara ini sangat menyedihkan saya oleh kerana saya mempunyai pembantu rumah dua, tiga, empat orang saling berganti dan hampir kesemuanya kena sakit malaria. Apabila saya masuk kampung, saya terpaksa makan ubat oleh kerana tidak ada jaminan tidak kena penjakit malaria dan penyakit malaria ini tidak perlu untuk jauh ke pedalaman. Kalau kita pergi kepada tiga batu sahaja daripada pekan pun sudah ada kes malaria dan mungkin kita boleh kena. Saya telah berhubung dengan pihak berkuasa Jabatan Kesihatan mengenai perkara ini dan mereka akui bahawa perkara ini adalah perkara yang serius dan saya ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Kesihatan. Mereka bertungkus-limus, mereka bekerja keras untuk membasmi masalah malaria ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya bukan dari segi komitmen, bukan dari segi keinginan ataupun usaha daripada pekerja-pekerja Jabatan Kesihatan tetapi adalah masalah-masalah dari segi kemudahan-kemudahan yang tidak mencukupi. Bukan sahaja tidak cukup dari segi kakitangan yang perlu melakukan tugas-tugas untuk menjaga

kesihatan bagi kawasan-kawasan luar bandar tetapi juga misalnya hospital yang begitu terhad dari segi kemudahan yang ada pada ketika ini. Walaupun kita mempunyai kakitangan di sana, saya telah diberitahu bahawa ramai orang yang tidak mahu ditukarkan ke Ranau. Bukan kerana tempat itu jauh, sebab itu adalah pekan yang sederhana tetapi mereka mengatakan tidak ada quarters, dengan izin, tidak ada rumah dan banyak kemudahan lain yang tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya pesakit-pesakit. Banyak pesakit yang telah datang ke rumah sakit terpaksa disuruh pulang walaupun tenat sekalipun sebab tidak cukup katil dan tidak cukup kemudahan-kemudahan yang lain. Tuan Yang di-Pertua, pernah satu kali dikatakan 'Panadol' pun tidak ada di hospital. Saya begitu sedih apabila diberitahu mengenai perkara ini. Pada hari kelmarin saya telah mendapat maklumat bahawa ambulans tidak dapat keluar oleh kerana tidak ada peruntukan minyak dan driver terpaksa membayar untuk membeli minyak kereta itu. Perkara seperti ini saya tidak faham, orang kampung tidak faham, kita terangkan bahawa jabatan ini mempunyai budget. Mereka tidak faham. Kerajaan Persekutuan begini kaya-raya, mengapa ambulans tidak boleh dibeli minyak? Kenapa driver terpaksa membeli minyak? Persoalan ini tidak boleh dijawab. Orang kampung tidak faham.

Jadi, saya ingin membawa kepada perhatian Dewan bahawa perkara ini adalah serius dan perkara seperti ini haruslah diambil perhatian. Saya tidak membicarakan tentang Ranau sahaja atau kawasan saya Kinabalu. Saya percaya bahawa perkara ini juga berlaku di seluruh negeri Sabah dan

kemungkinan di Sarawak dan kemungkinan juga di kawasan-kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia. Jadi, perkara ini bukanlah masalah Sabah, bukan masalah Sarawak. Ini adalah masalah nasional, masalah negara yang memerlukan perhatian yang khusus dan perhatian yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini bahawa Sabah juga masih mengalami masalah dari segi pendidikan. Apabila Sabah menyertai gagasan Malaysia pada tahun 1963 salah satu yang diimpikan adalah suatu hari nanti kanak-kanak anak watan Sabah juga akan mendapat pelajaran seperti juga kawan-kawan di Semenanjung Malaysia. Mereka juga akan menduduki universiti-universiti. Mereka juga akan menduduki jawatan-jawatan yang tinggi dalam kerajaan. Oleh sebab itu mereka mempunyai harapan besar bahawa Kerajaan Persekutuan yang memegang tanggungjawab pendidikan akan menubuhkan sekolah-sekolah rendah, akan menubuhkan sekolah-sekolah menengah malah akan menubuhkan universiti-universiti di Malaysia Timur supaya anak-anak dari Sabah, warganegara Malaysia ataupun anak-anak watan dari negeri Sabah akan mengecapi peluang untuk mendapatkan pendidikan setinggi-tingginya.

Saya tidak nafikan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan telah membawa satu tahap pembangunan pendidikan dengan pesatnya. Saya ingin mengucapkan syukur dan terima kasih oleh kerana sejak merdeka Kerajaan Persekutuan telah membawa banyak di Sabah. Memang banyak sekolah telah ditubuhkan, banyak sekolah menengah telah ditubuhkan dan pada ketika ini sebuah universiti sedang

dalam proses untuk ditubuhkan, misalnya, adalah hasil daripada dasar kerajaan untuk mendidik anak-anak watan itu dan saya mengucapkan syukur. Namun demikian, ini tidak bermakna bahawa kita sudah berpuas hati dengan apa yang ada pada ketika ini. Kita ingin melihat satu tahap pembangunan yang lebih pesat. Sebab apabila saya masuk di kampung, di kawasan-kawasan luar bandar, saya sedih apabila saya melihat ramai kanak-kanak yang masih tidak bersekolah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya masuk ke kampung, saya lihat ada kanak-kanak yang pernah berjalan sampai lima batu untuk pergi ke sekolah. Mereka ini adalah kanak-kanak dalam lingkungan umur tujuh atau lapan tahun. Dalam satu bulan ada yang pergi ke sekolah sebanyak dua hari atau tiga hari dan kita bertanya mengapa? Memang tidak ada sekolah di kampung, yang ada hanyalah lima batu jauhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah melawat beberapa sekolah yang menampung keperluan pelajar-pelajar kanak-kanak sekolah luar bandar. Misalnya di Kampung Tibabar, di Ranau ada satu asrama yang sudah terbakar, kemudian dibangunkan balik oleh penduduk kampung. Berpuluh-puluh kanak-kanak tujuh tahun, lapan tahun, sembilan tahun tinggal di sana tanpa ibu dan ayah. Mereka berdikari sendiri. Macam mana mereka makan, saya tidak tahu. Tetapi mereka berada di sana untuk bersekolah. Apabila saya melihat kemudahan yang begitu, saya sedih sekali, oleh kerana apabila negara Malaysia ini membanggakan tentang tahap ekonomi yang sudah maju. GSP sekarang sudah ditarik, oleh kerana diakui bahawa Malaysia sudah sampai kepada tahap negara yang telah maju

ataupun 'the developed nation', dengan izin. Tetapi gejala-gejala dunia ketiga masih kelihatan di kawasan-kawasan luar-luar bandar, terutama di Sabah dan Sarawak.

Saya tidak ingin mempersalahkan apa yang berlaku di Semenanjung ini. Saya berbangga dan saya melihatkannya dengan secara positif. Apa yang saya inginkan ialah kemajuan yang telah kita kecapai daripada Semenanjung ini. Marilah kita berusaha supaya kemajuan-kemajuan itu kita juga boleh bawa di kawasan Malaysia Timur supaya sama-sama kita sebagai rakyat Malaysia dapat membanggakan diri kita sebagai warganegara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal pendidikan juga, saya ingin membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini. Saya sangat bersedih sekali apabila ada kes-kes di mana pendidikan ini telah dicampuradukkan dengan proses politik di kawasan saya. Saya mempunyai bukti-bukti yang nyata, yang tertentu dan khusus, di mana politik telah berleluasa dijadikan sebagai pendidikan dicampuradukkan dengan politik. Maksud saya, kanak-kanak sekolah telah dijadikan mangsa politik oleh pihak-pihak tertentu. Ada kanak-kanak sekolah yang telah tidak diberi peluang untuk tinggal di asrama, kononnya ayah mereka itu adalah penyokong PBS.

Ada yang mengatakan bahawa anak dia guru sandaran, akan dibuang sekiranya tidak menyokong kepada parti-parti tertentu, misalnya Barisan Nasional. Kata-kata seperti ini telah diungkapkan oleh guru-guru. Bukan sahaja ahli-ahli politik, tetapi guru-guru sendiri yang terlibat dalam politik secara langsung telah mengungkapkan kata-kata ini. Kita mempunyai

kenyataan-kenyataan yang bertandatangan mengatakan bahawa mereka telah mendengar ungkapan-ungkapan seperti ini pernah diluahkan. Ada juga kes-kes di mana kanak-kanak sekolah telah dibekalkan dengan risalah-risalah untuk dibawa pulang ke rumah masing-masing. Di antara risalah-risalah ini adalah risalah-risalah politik untuk menyokong parti Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersedih perkara ini berlaku. Suatu ketika dahulu saya pernah menulis surat kepada Pengarah Jabatan Pendidikan membawa perkara ini kepada perhatian beliau dan sekolah-sekolah tertentu di mana ini telah berlaku. Saya tidak tahu apa yang telah terjadi, saya tidak menerima sebarang jawapan. Saya haraplah Pengarah telah prihatin terhadap masalah ini dan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menghapus gejala-gejala seperti ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mempunyai rekod pencapaian UPSR kanak-kanak sekolah di luar bandar, di kawasan saya. Banyak sekolah rendah di mana kelulusan UPSR adalah kosong (zero), saya sangat sedih. Kami telah mengkaji bahawa ada di antara guru-guru tersebut melibatkan diri dalam politik. Mereka tidak mendapat hasil apa-apa melibatkan dalam politik. Mungkin mereka telah didorong untuk menyertai dalam politik atau mereka mempunyai niat-niat tertentu.

Apa yang saya ingin sarankan di Dewan yang mulia ini, kerajaan harus mengkaji semula tentang penglibatan guru-guru dalam politik, terutamanya di sekolah-sekolah di mana keputusan-keputusan kanak-kanak sekolah itu terjejas. Sekiranya ada kes-kes di mana kelulusan UPSR sekolah rendah kosong, saya sarankan supaya Jabatan Pendidikan mengambil perhatian

yang serius, dan sekiranya ada yang terlibat dalam politik, tindakan disiplin terpaksa diambil terhadap orang-orang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini betapa perlunya supaya ada guru-guru yang berkelulusan untuk lebih banyak lagi dihantar di Sabah untuk mengajar, bukan sahaja di sekolah-sekolah rendah, tetapi juga di sekolah-sekolah menengah. Tahap pencapaian kanak-kanak sekolah di Sabah masih rendah berbanding dengan pencapaian di negeri-negeri yang lain, misalnya dalam kelulusan SPM ataupun STPM malah jumlah mereka yang keluar dari universiti juga tidak sebegitu ramai yang kita harapkan. Ini kemungkinannya disebabkan oleh kekurangan pendidik-pendidik ataupun guru-guru.

Kita akui di Sabah sendiri memang kurang guru-guru. Daripada orang-orang Sabah menjadi guru mungkin ini tidak begitu banyak. Ramai guru-guru yang kita telah bawa dari Semenanjung untuk datang ke Sabah. Kita berterima kasih, kita bersyukur oleh kerana mereka membantu dalam pendidikan negeri Sabah. Saya sendiri telah dididik oleh guru-guru daripada Semenanjung. Kita bersyukur oleh kerana kita telah mencapai satu tahap pencapaian yang membanggakan oleh kerana telah dibantu. Saya sarankan di sini bahawa lebih ramai lagi guru-guru yang berkelulusan dihantar ke Sabah, terutamanya dalam bidang-bidang pelajaran sains, dan juga termasuk dalam bidang pelajaran Bahasa Malaysia misalnya, bahasa Inggeris dan lain-lain lagi mata pelajaran.

Apabila saya telah mengkaji masalah di sekolah menengah kerajaan di Ranau, saya mendapati bahawa guru

begitu kurang sekali, sehingga satu guru terpaksa mengajar beberapa banyak mata pelajaran, sehingga ada yang mempunyai kelulusan satu bidang, disuruh ajar bidang yang lain, oleh kerana kekurangan guru. Jadi, perkara ini memang saya tahu bahawa Jabatan Pendidikan sedang berusaha untuk mencari jalan penyelesaian. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita juga memerlukan komitmen bukan sahaja di peringkat Jabatan Pendidikan di Sabah, tetapi juga di peringkat kementerian. Saya ingin sarankan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya prihatin terhadap perkara ini dan mengambil langkah-langkah yang positif supaya masalah pendidikan dapat diselesaikan di Sabah ataupun tahap pencapaian pendidikan di Sabah dapat ditingkatkan lagi, walaupun tidak sama rata dengan apa yang dialami di Semenanjung Malaysia atau negeri-negeri yang lain, tetapi sekurangnya jurang perbezaan itu semakin hari semakin berkurangan supaya suatu hari nanti kita juga di Sabah boleh berbangga bahawa tahap pelajaran di Sabah sudah sampai ke tahap purata di negara ini.

Saya juga ingin menyentuh sedikit sebanyak dengan masalah pendaftaran kad pengenalan. Tuan Yang di-Pertua, masalah pendaftaran kad pengenalan di Sabah bukan sahaja kita mempunyai masalah untuk mendaftarkan warganegara yang belum mendapat kad pengenalan di kawasan-kawasan luar bandar, tetapi saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk membangkitkan tentang soal pemilikan kad pengenalan palsu. Rakyat keliru oleh kerana banyak kad-kad pengenalan telah dikeluarkan dan rakyat tidak tahu mana yang asli dan mana yang palsu. Kita tahu bahawa Jabatan Pendaftaran telah diberi had ataupun

diberi tanggungjawab untuk mendaftar kad-kad pengenalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak meragui sekiranya pendaftaran itu dilakukan di tempat-tempat di mana memang kita tahu bahawa rakyat di sana adalah rakyat Malaysia, rakyat yang sememangnya kita tahu bahawa adalah warganegara, tetapi hanya belum mendaftar kad pengenalan. Mereka mempunyai bukti-bukti dari segi tempat tinggal ataupun persaudaraan dan lain-lain lagi bukti yang mengatakan bahawa mereka adalah rakyat negara ini. Tetapi apa yang saya khuatir, dalam proses, dalam keghairahan kita untuk mendaftar orang-orang ataupun menjadi warganegara atau memberi kad pengenalan, ada kemungkinan oleh kerana ada kesilapan, mungkin kurang prihatin, mungkin sikap yang kurang bertanggungjawab, ada di antara pendatang-pendatang asing sudah memiliki kad pengenalan yang asli. Bahkan kad pengenalan palsu, tetapi telah mendapat kad pengenalan asli melalui dokumen-dokumen yang diragui kesahihannya.

Tuan Yang di-Pertua, memang banyak di antara kad-kad pengenalan ini yang kita ragui. Dalam pilihanraya baru-baru ini Parti Bersatu Sabah telah menimbulkan banyak banyak bantahan, beratus-ratus, beribu-ribu bantahan pun ada. Malah photostat copy, dengan izin, kad-kad pengenalan yang diragui banyak dalam tangan. Ada di antara kad pengenalan ini adalah palsu dan boleh dibuktikan dengan hanya membawa kepada polis ataupun pihak pegawai-pegawai yang berkenaan. Tetapi tidak dapat dinafikan ada juga di antara kad-kad pengenalan ini adalah kad-kad pengenalan yang asli, yang telah disahkan sebagai asli, sedangkan kita tahu dengan jelas

dan kita mempunyai bukti bahawa orang-orang tertentu itu adalah bukan warganegara. Kalau dalam loghat bahasa mereka sekali pun, kita boleh tahu bahawa mereka ini baru sahaja sampai ke Malaysia. Tetapi dengan kebijaksanaan, dengan cara mungkin 'pintu belakang', mereka mendapatkan dokumen seperti ini.

Masalah ini menjadi lebih serius, Tuan Yang di-Pertua, apabila ramai di antara mereka yang memiliki kad-kad pengenalan ini sama ada yang asli ataupun palsu sudah cuba berusaha untuk mendaftar sebagai pemilih. Nah! di sinilah letaknya kekhuatiran saya terhadap keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Sabah telah menyertai gagasan Malaysia pada tahun 1963, salah satu faktor yang telah mempercepatkan proses penyertaan Sabah ke dalam gagasan Malaysia adalah kita takut akan dicerobohi oleh orang-orang daripada negara-negara jiran. Kita takut kepada ancaman Konfrontasi Indonesia ketika itu. Kita takut kepada ancaman negara Filipina pada ketika itu. Oleh kerana kesedaran inilah telah menyebabkan rakyat Sabah pada ketika itu dengan hati yang terbuka telah menerima Malaysia sebagai rumah tempat mereka tinggal hingga berkekalan, sebab tempat inilah mereka akan mendapat perlindungan daripada pencerobohan dan daripada ancaman.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apabila pada ketika ini, saya telah mendapat jawapan Parlimen, jawapan rasmi daripada Kementerian Dalam Negeri mengatakan lebih kurang ada setengah juta empat ratus enam puluh lapan ribu bukan warganegara yang sedang berada di Sabah pada ketika ini.

Saya tidak tahu berapa di antara mereka ada pasport, saya tidak tahu berapa di antara mereka yang mempunyai kad pengenalan asli ataupun kad pengenalan palsu, saya tidak tahu berapa di antara mereka yang telah mendaftar sebagai daftar pemilih, tetapi hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa mereka hadir di antara Malaysia ini dan sekiranya kita tidak waspada, suatu hari nanti mereka menjadi ancaman keselamatan kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau soal orang Sabah sahaja lebih kurang 1.3 juta, tidak ada masalah, bikin kacau di sini pun 1.3 juta apa mereka boleh lakukan? Tetapi kalau ada 1 juta warganegara asing bikin kacau, mungkin kita boleh lakukan sesuatu terhadap mereka, tetapi mungkin mereka 1 juta di Sabah tetapi 200 juta di sebelah, mungkin 60 juta di utara. Ini boleh menimbulkan satu ketegangan politik. Bukan sahaja tentang keselamatan negara dari segi pencerobohan ataupun ancaman daripada warganegara asing.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga boleh menimbulkan ketegangan dari segi harmoni di antara rakyat, oleh kerana kehadiran mereka, penglibatan mereka dalam politik dengan secara langsung mengakibatkan perasaan kekhuatiran di antara penduduk-penduduk asal di negeri Sabah. Bahawa demokrasi politik kini sudah berubah, 'the game rule has changed', dengan izin. Oleh kerana kekhuatiran inilah maka, Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini sering mendengar suara-suara lantang daripada Sabah menyuarakan masalah kad pengenalan palsu, pendatang haram dan pengundi-pengundi hantu. Bukan kami tidak sedar bahawa kerajaan sedang melakukan, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada

Kementerian Dalam Negeri. Baru-baru ini tangkapan besar-besaran telah dilakukan di Sabah. Saya nampak dengan mata saya sendiri bahawa berpuluh-puluh trak mengangkat mereka untuk dihantar balik. Saya berterima kasih, saya bersyukur dan saya menyokong sebab saya tahu bahawa kerajaan juga telah sedar dan mempunyai komitmen mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan keselamatan ini bukan masalah PBS, ini adalah masalah negara, masalah nasional, bukan masalah Sabah, bukan masalah Sarawak, ini adalah masalah di Semenanjung juga malah di seluruh negara Malaysia. Saya sangat bangga pada pertama kalinya Ahli Yang Berhormat dari Libaran berdiri dan telah bertanya kepada Menteri Dalam Negeri pada ketika itu untuk bertanya apakah tindakan-tindakan yang telah dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini. Saya berterima kasih oleh kerana ada kesedaran, bukan sahaja di pihak saya ataupun di pihak Parti Bersatu Sabah tetapi di pihak pemimpin-pemimpin lain daripada parti-parti Barisan Nasional. Dan adalah harapan saya supaya usaha untuk menyelesaikan masalah ini adalah usaha bersama, bukan sahaja di kalangan Parti Bersatu Sabah yang sering bersuara tetapi juga di parti-parti yang lain. Saya fikir masalah ini adalah masalah kita semua yang sama-sama kita ingin selesaikan. Saya juga sedari ini bukan masalah di Sabah, Semenanjung juga ianya adalah suatu perkara yang sangat sensitif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal untuk menyelesaikan masalah ini, saya mempunyai beberapa cadangan supaya perkara ini bolehlah kita selesaikan dengan sebaik-baiknya. Yang pertama, bukan sahaja kita teruskan rondaan-

rondaan dan tangkapan-tangkapan terhadap pendatang tanpa izin ini tetapi adalah penting supaya kita memastikan alasan-alasan mereka untuk datang ke Sabah itu kita hapuskan. Mereka datang ke Sabah oleh kerana ditarik dengan kepesatan ekonomi kita. Mereka bekerja di ladang-ladang, mereka bekerja dalam industri-industri, mereka bekerja bermacam-macam pekerjaan. Mereka tertarik dengan kepesatan ekonomi di Malaysia dan termasuk di Sabah juga sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan kerjasama daripada majikan-majikan, daripada tuan-tuan punya ladang, tuan-tuan punya tanah memastikan bahawa pekerja-pekerja yang datang bekerja kepada mereka haruslah mereka yang telah memasuki negara ini melalui pintu hadapan iaitu mereka haruslah pekerja-pekerja yang mempunyai pasport atau dokumen yang sah, yang telah diberikan pas kerja yang sah, supaya kehadiran mereka di negara ini kita boleh awasi, kita boleh monitor, dengan izin. Ini sangat penting. Saya tidak tahu sama ada sudah ada peruntukan di dalam perundangan yang mewajibkan perkara ini, tetapi kalau tidak ada, saya sarankan supaya satu undang-undang digubal supaya mewajibkan majikan-majikan dan pihak-pihak tertentu untuk memastikan perkara ini berlaku.

Apa yang saya dapati sekarang, apabila tangkapan-tangkapan sedang dilakukan di ladang-ladang, di kawasan-kawasan pembalakan, ramai di antara pekerja-pekerja ini tidak ada dokumen, tetapi tidak ada tindakan diambil terhadap majikan-majikan yang telah mengambil pekerja-pekerja secara haram. Saya sarankan supaya kita tegas dalam perkara ini. Kita ambil

tindakan supaya memastikan mereka akan bekerjasama dengan kerajaan untuk memastikan bahawa pekerja mereka adalah pekerja-pekerja yang masuk ke negara ini melalui pintu hadapan.

Saya juga ingin menyarankan di sini supaya kita menubuhkan satu kemudahan untuk memproses pasport dan visa, lebih senang lagi kepada rakyat Indonesia dan rakyat Filipina. Kalau rakyat daripada Indonesia, kita tahu bahawa mereka mempunyai Konsul di Sabah tetapi dari Filipina, saya tidak tahu, mungkin belum ada. Dan ini bukan bidang saya, mungkin saya harus fikirkan Kementerian Luar Negeri memperhatikan perkara ini, sebab dengan memberikan mereka kemudahan pengeluaran pasport dan visa, maka menyenangkan mereka untuk masuk melalui pintu hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting juga kita harus melindungi kedaulatan negara kita terutamanya sempadan pantai yang luas, pernah saya mendengar jawapan di sini bahawa kononnya kita tidak dapat mempertahankan sempadan kita oleh kerana terlalu panjang. Alasan seperti ini tidak realistik, sejauh mana pantai atau sempadan kita, kita tidak lari daripada tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan negara kita. Kita tidak lari daripada tanggungjawab untuk mempertahankan keselamatan negara kita. Kita tidak lari daripada tanggungjawab untuk menghalang pendatang-pendatang asing yang kita tidak izinkan untuk datang ke negara ini. Kalau negara Amerika, 'land of the imigrant', dengan izin, juga pada ketika ini sudah cuba menyekat kemasukan pendatang-pendatang asing, apatah lagi Malaysia sebuah negara yang kecil?

Jadi, saya ingin membawa kepada perhatian Dewan ini bahawa perkara ini penting dan kita mintalah pihak-pihak yang tertentu untuk mencari jalan penyelesaian terhadap perkara ini. Saya sarankan supaya pihak keselamatan terutamanya polis marin, segala kemudahan ditambah. Saya bersyukur oleh kerana pangkalan tentera akan ditubuhkan juga di Sepagar, saya baru mendapat jawapan Parlimen. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana akan mem-bina pangkalan tentera sebagai pangkalan hadapan di Sepagar. Dan saya tahu bahawa ada juga pangkalan di Tawau dan mungkin di Lahad Datu.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak cukup. Kita memerlukan kemudahan tenaga yang lebih, polis yang lebih. Kita memerlukan bot-bot yang lebih laju. Kita telah diberitahu bahawa sudah ada bot laju tetapi hanya dua tiga minggu yang lalu masih ada kes rompakan yang berleluasa sekali di Lahad Datu. Kes-kes rompakan itu, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja berlaku di Lahad Datu ataupun di Tawau bahkan tidak sampai lima batu daripada Kota Kinabalu, juga sudah pernah berlaku di Tuaran, di Kota Belud.

Tuan Yang di-Pertua, ini membuktikan kita memerlukan kemudahan yang lebih. Kalau perampok-perampok ataupun lanun-lanun itu lebih pintar, kita minta supaya kerajaan lebih pintar lagi. Kalau kita kurang pintar, satu hari nanti kita akan kehilangan negara kita dan kita tidak ada kestabilan dari segi keselamatan negara. Oleh yang demikian adalah harapan saya supaya perkara ini kita prihatin dan mengambil langkah-langkah yang penting untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai perkara yang terakhir, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan soal cadangan di Dewan ini untuk mengurangkan soalan daripada 20 kepada 5 soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong bahawa perkara ini sepatutnya tidak dilakukan oleh kerana mengurangkan soalan daripada 20 kepada 5 soalan adalah satu perkara yang tidak bijak dan tidak wajar. Dewan yang mulia ini merupakan satu-satu tempat di mana isu dan persoalan rakyat diperdebatkan supaya kita boleh menggubal strategi dan juga dasar yang lebih baik, lebih mantap dan lebih efektif untuk rakyat dan dasar-dasar, strategi ataupun program yang dilakukan oleh kerajaan pada ketika ini, kita tidak anggap bahawa itu adalah sebaik-baiknya, ia perlu di scrutiny (scrutinise), dengan izin, oleh pihak pembangkang. Sekiranya tidak ada peluang bagi pihak pembangkang untuk membentangkan soalan-soalan yang lebih di Dewan ini, di mana lagi kita akan mendapat kerja-sama untuk mendapatkan soalan-soalan?

Tuan Yang di-Pertua, pada persidangan Dewan kali ini saya telah menghantar banyak soalan dan soalan ini adalah soalan-soalan biasa yang saya selaku Ahli Parlimen ingin tahu supaya saya dapat sampaikan kepada rakyat. Ini adalah peluang kepada saya untuk ingin tahu apa yang dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri atau Kementerian Pertanian atau Jabatan Perdana Menteri dan soalan-soalan tersebut bukan berniat untuk politik atau menjatuhkan maruah pemimpin-pemimpin tertentu – tidak. Soalan-soalan tersebut adalah ditujukan khusus oleh kerana keinginan

untuk mengetahui supaya saya dapat melibatkan diri dalam perdebatan atau perbahasan di Dewan ini dengan lebih efektif lagi. Tanpa maklumat-maklumat seperti itu, bagaimana saya dapat menyertai dalam perbahasan dengan lebih efektif? Saya akan 'quote' angka-angka yang saya dapati dari surat khabar yang mungkin tidak betul. Tetapi apabila saya telah mendapat jawapan-jawapan dari kementerian, saya akan gunakan itu sebagai satu dokumen yang sah, dokumen yang saya boleh bawakan kepada rakyat, dokumen yang saya boleh membawa jaminan kepada rakyat bahawa kerajaan akan melakukan perkara-perkara yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya, saya pernah bertanya mengenai dengan "Dam Liwago", sebuah dam yang akan dibina di kawasan saya. Banyak persoalan yang rakyat bertanya. Saya menyatakan, saya memberi jaminan bahawa ini adalah perkara yang baik dan kerajaan akan memberi pampasan, kerajaan akan membuat itu dan ini. Mereka tidak yakin, oleh sebab itu saya telah membuat soalan kepada Dewan yang mulia ini dan ia telah dijawab pada persidangan yang lalu. Saya balik ke kawasan saya, bukan sahaja ia telah dipaparkan di dalam surat khabar tetapi saya fotostat dan serahkan kepada rakyat dan mereka terima itu dengan ikhlas dan mereka merasa bahawa kepentingan mereka terjamin dan terpelihara. Oleh sebab itu, tidak ada tentangan terhadap dam ini dan mereka ingin melihat perkara ini dilaksanakan. Tetapi sekiranya kemudahan ini tidak ada di Dewan, ini bagaimana kita dapat melakukan tugas kita sebagai Wakil Rakyat dan Ahli Parlimen?

Jadi, saya sarankan supaya, kalau pun tidak ditambah 20 soalan kepada

40 soalan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Parlimen dari Tanjong, saya sarankan supaya 20 itu dikekalkan. Untuk menurunkan kepada 5 soalan adalah tidak wajar, oleh kerana pihak kementerian mempunyai pegawai-pegawai kerajaan. Saya adalah bekas pegawai kerajaan, maka saya tahu tanggungjawab saya untuk membantu pemimpin-pemimpin supaya menearangkan dan menjelaskan semua program-program. Mereka boleh bertugas. Kalau siang dan malam terpaksa bertugas apa boleh buat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengekalkan 20 soalan ini bukan menguntungkan ahli-ahli PBS atau ahli-ahli pembangkang sahaja. Saya percaya bahawa untuk mengekalkan 20 soalan ini juga menguntungkan "backbenchers" ahli-ahli Barisan Nasional. Mungkin ada di antara mereka yang tidak rajin bertanya soalan, tetapi mungkin ada yang rajin bertanya soalan dan suatu masa nanti mungkin ada persoalan-persoalan yang mereka ingin tanya dan mungkin lebih banyak daripada 20 soalan yang mereka ingin tanya. Jadi, adalah wajar untuk Dewan ini menimbangankan perkara ini sebab ini mempunyai implikasi yang serius terhadap masa depan Dewan ini. Kita tidak mahu Dewan ini menjadi "laughing stock" kepada negara-negara lain tentang proses demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya berbangga, negara kita telah maju dan mencapai tahap pembangunan yang sebegini pesat. Kita juga telah mencapai satu prestasi yang boleh dibanggakan di negara-negara lain. Saya sangat berbangga sebagai warganegara Malaysia. Saya pergi seminar di Hawaii baru-baru ini, mereka tanya saya "from Malaysia?" Ohh, saya punya negara

juga, "my country is very interested to do business with your country", dengan izin. Perkara seperti itulah yang menimbulkan kebanggaan di hati kita mengenai tahap pencapaian negara ini. Siapa yang tidak tahu Malaysia pada ketika ini? Bukan sahaja dunia kecil yang tahu Malaysia, dunia besar juga mengakui kewujudan Malaysia dan peningkatan yang telah dicapai oleh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Amerika Syarikat telah menarik balik GSP daripada Malaysia memang saya tersinggung, oleh kerana pada saya negara ini masih dalam tahap negara membangun dan kita masih memerlukan GSP itu untuk mencapai tahap pembangunan yang lebih pesat lagi. Tetapi saya bertanya, kenapa mereka tarik balik? Mungkin mereka telah menyedari bahawa negara kita adalah sebuah negara yang telah mencapai satu pencapaian yang sangat pesat dan ini membanggakan saya.

Namun demikian, kita juga harus memelihara sistem demokrasi berparlimen dan kita harus juga memelihara hak-hak asasi rakyat di negara ini, terutamanya kita harus bermula daripada Dewan ini dan peluang untuk bersuara sangat penting. Saya selaku Ahli Parlimen memang saya suka bersuara, saya suka menyuarakan, saya suka ingin bertanya, saya suka berdebat dan berbahas. Bukan dilakukan untuk saya, tetapi dilakukan untuk rakyat jelata – peranan kita sebagai Ahli Parlimen.

Kita mempunyai peluang yang tidak lama. Mungkin 5 tahun sahaja – satu term, tetapi dalam tempoh 5 tahun ini, kita harus melakukan tanggungjawab kita dengan sebaik-baiknya. Kita adalah Ahli Parlimen dan Wakil Rakyat. Saya tidak mahu 5 tahun dari sekarang

saya ingin bertanya kepada diri saya sendiri, apa yang saya telah lakukan, walaupun sebagai pembangkang. Kalau saya gagal bercakap di dalam Dewan ini, tidak bersuara langsung – saya telah gagal untuk melakukan tanggungjawab saya sebagai Ahli Parlimen. Kita tidak rela untuk menjadi 'rubber stamp' sahaja. Apa yang kita mahu ialah untuk menyumbang dan terus menyumbang dengan positifnya supaya manfaat akan kita dapati di seluruh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat ingin melihat bahawa kita mempunyai sikap yang liberal terhadap prosiding di Dewan yang mulia ini supaya bukan sahaja parti-parti pembangkang diberi peluang untuk bersuara dengan lebih dan dapat menyuarakan pendapat-pendapat, boleh membuat komen-komen tentang projek-projek dan dasar-dasar kerajaan, tetapi kita harus juga mempunyai peluang yang tidak terhad untuk memberi soalan-soalan kepada kementerian-kementerian. Janganlah anggap bahawa soalan-soalan ini sebagai soalan-soalan yang memusuhi atau soalan-soalan yang sengaja menjatuhkan maruah atau soalan-soalan yang ingin mengecam Menteri ataupun ingin membebaskan Menteri – tidak.

Tuan Yang di-Pertua, tidak demikian. Soalan-soalan ini adalah berniat baik, tujuannya adalah untuk menyumbang kepada kerajaan. Kita tahu bahawa di Dewan yang mulia ini pihak kerajaan mempunyai 5/6, menurut Ahli Parlimen dari Tanjong. Dengan jumlah yang begitu besar sekali, tidak harus dikhuatirkan. Apabila ada sahaja undang-undang yang disarankan di Dewan yang mulia ini, dengan automatiknya ianya boleh diluluskan dan menjadi undang-undang. Tetapi jangan

menggunakan majoriti itu, kerana majoriti pula menjadi "dictatorship of the majority". Walaupun kami ahli-ahli pembangkang tidak banyak, sedikit sahaja, tetapi hati ingin menyumbang, hati ingin membantu.

Saya ingin melihat Menteri-menteri dapat menjalankan tugas dengan baik, saya ingin melihat bahawa kemajuan-kemajuan juga akan dialami oleh negara ini. Dalam politik sepatutnya tidak ada permusuhan, sebab dalam politik kita bekerjasama untuk membantu negara ini. Sistem demokrasi bererti ada pihak kerajaan dan ada pihak pembangkang. Kita tidak tahu bila kita menjadi pembangkang dan bila kita menjadi kerajaan. Tetapi peranan kami pada ketika ini adalah sebagai pembangkang dan kami bertujuan dan berhasrat untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kami dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon selaku Ahli Parlimen supaya cadangan untuk mengurangkan soalan itu daripada 20 soalan hingga kepada 5 tidak diteruskan. Ini adalah untuk kebaikan Dewan yang mulia ini, kebaikan rakyat dan kebaikan sistem pemerintahan kita iaitu sistem demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua telah memberikan masa bagi saya untuk berucap secara panjang-lebar dan saya harap ucapan-ucapan tadi itu, pihak-pihak yang berkenaan akan mengambil perhatian supaya kita sama-sama bekerjasama untuk membantu ke arah kemajuan negara ini, menjadikan negara ini negara yang dibanggakan, bukan sahaja sebahagian rakyat di Malaysia ini tetapi seluruh rakyat di Malaysia ini.

Saya ingin melihat bahawa semua rakyat tidak kira di Semenanjung atau di Sabah dan Sarawak, sama-sama betul-betul dapat membanggakan bahawa kita adalah negara yang maju dan segala hasil dan faedah daripada kemajuan itu akan dikecapi bukan sahaja oleh sebahagian masyarakat di negara ini tetapi keseluruhannya supaya, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh mempereratkan perhubungan integrasi nasional, perpaduan rakyat khususnya dalam konteks perpaduan di antara Semenanjung dan juga negara-negara di Malaysia Timur.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman. Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 67(5), hanya satu hari diperuntukan untuk perbahasan dasar. Oleh yang demikian, saya hanya dapat membenarkan sehingga jam 6.00, selepas itu kementerian akan menjawab. Ya, Bandau.

5.41 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) 1995 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat di dalam Perbekalan Tambahan yang kedua ini sekali lagi satu jumlah yang cukup besar iaitu RM138,186,300.00 untuk beberapa perkara pengurusan jentera kerajaan dan mengikut ringkasan jadual, ada 10 kementerian yang akan membahagikan jumlah yang besar itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini memanglah perkara yang

biasa sepertimana penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengatakan bahawa ini adalah kerana keperluan dan ini adalah diperlukan untuk menjalankan jentera-jentera kerajaan tetapi dari segi pengurusan yang efisien, kita ingin bertanya juga kenapa tambahan-tambahan ini tidak dimasukkan ke dalam anggaran keseluruhan bagi tahun 1995 yang telah pun diluluskan pada tahun yang lalu. Walaupun, yang sebahagian dikatakan adalah di luar jangka tetapi seberapa jumlah yang cukup besar yang seharusnya telah pun dianggarkan terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keperluan kewangan yang besar ini, memang kita sedar bahawa hari ini keperluan yang dikatakan hendaklah dibekalkan. Namun demikian, kita berharap bahawa pihak kerajaan sentiasa memegang kepada prinsip efisiensi dan pengurusan yang baik seperti mana yang telah pun dilaung-laungkan dalam manifesto Barisan Nasional pada pilihanraya yang baru lalu yang mengatakan "Berwawasan, Adil dan Efisien". Maka dari segi itu, efisiensi bukan sahaja dari segi mencapai tugas, matlamat program-program pembangunan tetapi juga efisiensi dari segi mengurangkan perbelanjaan supaya matlamat tersebut dapat dicapai dengan sumber yang kurang. Maka, dengan itu dapat mencapai matlamat yang dikatakan efisien supaya ini bukan satu slogan sahaja yang dikatakan tetapi sesuatu yang harus dipraktikkan dan digunakan di dalam jentera kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kementerian-kementerian yang telah disentuh ini, saya ingin memberi tumpuan kepada perbahasan ini dan pandangan-pandangan saya ini kepada

perkara keseimbangan di dalam pembangunan negara kerana ini adalah asas dasar pembangunan negara dan di dalam Rancangan Malaysia Keenam, ini sebenarnya antara objektif yang ditekankan, iaitu dalam Rancangan Malaysia Keenam yang pada hujung tahun ini nanti seharusnya akan selesai, antara matlamat ialah mengurangkan masalah ketidakseimbangan khususnya ketidakseimbangan di antara wilayah-wilayah dari segi pembangunan ekonomi dan sosial. Dan daripada itu, kerajaan telah menentukan seberapa strategi-strategi untuk mengurangkan jurang ketidakseimbangan ini kerana ini melibatkan pencapaian kerajaan dari segi matlamat, dasar-dasar sosial dan juga dari segi dasar-dasar ekonomi.

Dari segi dasar-dasar sosial, perkara-perkara seperti perkhidmatan pendidikan, kesihatan, jalan raya dan bekalan-bekalan infrastruktur yang asas. Dari segi matlamat mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi, maka perkara-perkara seperti hal kemiskinan, hal pertumbuhan ekonomi, perkara dan masalah 'unemployment', dengan izin, hendaklah diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, jadi haruslah pada penghujung Rancangan Malaysia Keenam ini, semuanya ini diuji dan dilihat dari segi pencapaian matlamat-matlamat yang telah ditentukan. Adakah matlamat-matlamat ini tercapai ataupun adakah jurang perbezaan lebih meluas lagi sebab kalaulah negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dari segi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tetapi perkara-perkara asas, perkara-perkara ketidakseimbangan dan pencapaian-pencapaian matlamat-matlamat sosial tidak dicapai, maka ia hanya sekadar satu ekonomi yang besar, bertumbuh, tetapi di dalamnya adalah kosong,

khususnya dari segi ujian pencapaiannya dalam bidang sosial dan tanggungjawab kerajaan.

Maka dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kita memang ingin berharap supaya pengurusan perbelanjaan tambahan yang kedua dan pada tahun hadapan, mulai sudah Rancangan Malaysia Ketujuh. Maka, kita berharap bahawa perkara-perkara tidak keseimbangan ini diambil perhatian.

Maka di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seperti perkara-perkara kesihatan dan dasar kerajaan di peringkat nasional mengenai tumpuan kepada matlamat-matlamat kesihatan hendaklah diperhatikan supaya matlamat-matlamat dari segi mengurangkan ketidakseimbangan di antara wilayah-wilayah. Dan saya percaya, ini bukan sahaja dalam konteks Semenanjung dan negeri di sebelah Timur tetapi juga di dalam wilayah Semenanjung sendiri, dari segi negeri-negeri yang ekonominya lebih pesat bertumbuh dan negeri-negeri yang masih juga terkebelakang dibandingkan dengan negeri-negeri yang lebih maju seperti di sebelah Semenanjung Timur di mana negeri Kelantan dan negeri Terengganu.

Jadi, apabila saya mengatakan masalah ketidakseimbangan, tidak semestinya saya rujuk kepada perkara-perkara di antara Sabah dan Sarawak dan di sebelah sini, Semenanjung. Ini saya percaya adalah perkara nasional pada keseluruhannya.

Maka dari segi kesihatan pun, Tuan Yang di-Pertua, yang mana pada kali ini juga diberi peruntukan yang cukup besar. Maka, dalam perkara ini saya mencadangkan supaya satu strategi khusus supaya dasar dan matlamat program kesihatan keseluruhan

hendaklah ditumpukan bukan sahaja untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu supaya negara kita maju dari segi indeks bagi bidang kesihatan dan jurang perbezaan hendaklah juga diambil kira.

Maka, di dalam hal ini misalnya di negeri Sabah, dikatakan pada masa pilihanraya negeri tahun yang lalu, janji Kerajaan Barisan Nasional supaya mengurangkan purata ataupun ratio, dengan izin, doktor: jumlah penduduk daripada 1:5,000 hingga 2,500. Maka di dalam soalan kita pada persidangan yang lalu mengatakan bahawa sebenarnya masih jauh daripada purata ataupun daripada indeks yang diinginkan.

Maka dalam hal ini, kita inginkan supaya tumpuan kerajaan hendaklah diberi, bukan sahaja daripada segi mencapai matlamat dasar kesihatan negara, tetapi dari segi perkara keseimbangan di antara negeri-negeri yang telah maju dan negeri-negeri yang masih lagi terkebelakang dari segi pembangunan dalam bidang kesihatan ini.

Dalam perkara ini, tumpuan hendaklah diberi bukan sekadar memperbesar hospital-hospital yang sedia ada dan bukan sahaja sekadar membekal alat-alat bagi hospital-hospital yang besar di peringkat negeri, tetapi lebih-lebih lagi pada masa yang sama menumpukan perhatian kepada perkara-perkara seperti klinik-klinik dan dispensari-dispensari. Lawatan-lawatan doktor udara haruslah diperluaskan, latihan-latihan tambahan bagi staf-staf hospital, khususnya dari segi public health atau kesihatan awam.

Misalnya, dalam kampung-kampung yang masih terkebelakang, tumpuan harus diberi untuk membekalkan lebih banyak lagi paip-paip graviti

dan pembekalan tandas-tandas. Perkara-perkara ini sebenarnya tidak mahal dan kerajaan harus dapat menumpukan dan membekal sepertimana yang diperlukan oleh rakyat kerana kalau dibandingkan dengan pembesaran hospital-hospital yang sedia ada, peruntukan untuk tugas-tugas dan perkara-perkara ini adalah kecil kalau dibandingkan dengan pembangunan hospital baru.

Namun demikian, dengan peruntukan yang kecil ini, akan membantu rakyat dengan begitu luas sekali. Misalnya di kawasan saya – di kawasan Bandau, kawasan-kawasan yang cukup jauh dari bandar seperti Mukim Ulu Bengkoka di mana ada lapan kampung di sana dan sebuah klinik ataupun dispensari pun tidak ada. Tempat ini hanya boleh dihubungi dengan menggunakan jalan balak dan itu pun memerlukan selama 4 jam daripada pekan Kota Marudu. Kalau berjalan kaki pula, mengambil masa 3 hari. Tetapi sebuah sekolah pun tidak ada di sana, apatah lagi sebuah klinik, hanya lawatan doktor udara sahaja yang ada. Itu pun tidak mencukupi sama sekali kerana dikatakan kadang-kadang awan tebal, kerana kawasan ini berdekatan dengan Gunung Kinabalu dan banyak program yang dirancangan tidak dapat dijalankan kerana embun yang tebal dan helikopter doktor udara tidak boleh turun.

Jadi, pada masa yang sama, kita bangunkan hospital-hospital yang besar dan kita tambahkan pakar-pakar, kita juga jangan lupa nasib rakyat di luar bandar yang memerlukan bantuan yang lebih asas lagi seperti mana yang telah kami sentuh.

Begitu juga di kawasan Tagibang yang berdekatan dengan kawasan Kinabalu, begitu juga di Kampung

Sungai Magandai, ada 8 kampung di sana dan sebuah sekolah pun tidak ada yang mana saya sedang menjalankan kajian untuk diserahkan kepada Kementerian Pendidikan dan juga kepada kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dari segi pendidikan. Soal keseimbangan haruslah juga diambil perhatian kerana dasar ini adalah tercatat di dalam Rancangan Malaysia Keenam dan sejauh mana masalah ketidakeimbangan di antara wilayah-wilayah itu telah tercapai, kita masih menunggu laporan yang terakhir mengenai pencapaian Rancangan Malaysia Keenam.

Tetapi pada keseluruhannya, masalah di luar bandar masih lagi begitu mendesak, bukan sahaja bagi negeri-negeri di sebelah Timur, tetapi juga saya percaya, di negeri-negeri di sebelah Semenanjung yang jauh daripada pentadbiran negara ini. Maka dengan itu, perkara buta huruf, misalnya di negeri Sabah diharapkan dijadikan kosong pada tahun 2000 – 3 setengah tahun dari sekarang dan kita mahu melihat bahawa masalah-masalah dari segi jentera-jentera pendidikan, dari segi sekolah-sekolah dan dari segi program-program masih juga seperti semulajadi walaupun usaha-usaha sedang dijalankan. Tetapi pada keseluruhannya, untuk mencapai matlamat tersebut, kita lihat bahawa masih banyak usaha yang diberi tumpuan.

Dari segi mengurangkan keseimbangan, khususnya dari segi bandar dan luar bandar, di dalam sesuatu negeri pun hendaklah juga diperhatikan kerana tumpuan kita kebiasaannya, di bawah dasar pendidikan negara ialah kita bentuk sekolah-sekolah di kawasan bandar – standard pattern,

dengan izin, kerana ia senang dihubungi dan kita turunkan pelajar-pelajar ke sekolah-sekolah menengah di bandar dan yang baik prestasinya kita hantar ke sekolah yang lebih baik dan fully equipped, dengan izin. Pada masa yang sama, ia juga meningkatkan jurang perbezaan di antara sekolah di bandar dengan sekolah di luar bandar. Maka, sekolah di luar bandar itu sentiasa tertinggal kerana biasanya tumpuan diberikan kepada sekolah-sekolah di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya demi mengurangkan jurang perbezaan di antara sekolah-sekolah dan facilities di luar bandar dengan di bandar, maka sekolah-sekolah di luar bandar hendaklah diberi tumpuan yang khusus juga, khususnya dari segi facilities mengenai peralatan yang asas atau yang basic.

Misalnya, dasar Kementerian Pendidikan untuk membekalkan komputer-komputer dalam kelas sekolah, tetapi kita tahu ini hanya akan membawa manfaat kepada pelajar-pelajar di bandar di mana ada bekalan electricity untuk menjalankan komputer. Tetapi kalau di luar bandar, kadang-kadang generator di sekolah luar bandar pun tidak ada ataupun selalu rosak. Jadi, mereka juga terus ketinggalan.

Maka dalam perkara ini, sekolah-sekolah berasrama di luar bandar hendaklah diperluaskan demi untuk memperluaskan lagi skop pengambilan pelajar-pelajar di luar bandar.

Selain daripada itu, bagi asrama-asrama yang sedia ada di beberapa tempat, keperluan mereka dari segi generator, keperluan asas mereka seperti peruntukan yang mencukupi untuk makanan pelajar-pelajar.

Misalnya di satu sekolah SRK Marak Parak di kawasan Bandau, satu sekolah sahaja yang sampai ke Darjah Enam walaupun ada 14 kampung yang berdekatan, memang tidak mencukupi.

Saya melawat sebuah kampung tiga minggu yang lalu di mana pelajar berjalan kaki selama 5 jam sampai ke sekolah yang dinamakan Kampung Ketud, saya mengambil gambar budak-budak seramai 120 orang mereka semua. Mereka harus berjalan selama 5 jam ke sekolah di SRK Simpangan untuk menghadiri sekolah tersebut dan mereka tidak sanggup. Maka kira-kira 100 pelajar yang belum pergi ke sekolah, walaupun umur mereka sudah layak ke sekolah seharusnya berpeluang untuk pergi ke sekolah.

Jadi, perkara-perkara macam ini, kementerian haruslah memberi perhatian dan saya cadangkan satu kajian menyeluruh khususnya bagi negeri-negeri yang masih mundur dan masih jauh daripada purata pencapaian dari segi literasi ini, khususnya negeri Sabah supaya satu master plan yang khusus untuk luar bandar hendaklah digubal demi mencapai matlamat kerajaan dan membantu mereka yang kurang bernasib baik di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara pendidikan ini juga, saya ingin juga menyentuh perkara pengcorporatisation universiti kerana perkara ini walaupun sudah dibincangkan dengan luas di Dewan yang mulia ini. Dalam perbincangan-perbincangan kita dengan para pensyarah di peringkat universiti dan kita tanya opinion atau pendapat mereka, kebanyakan mereka masih gelap dan tidak mengetahui sebenarnya apa yang ingin dicapai, selain daripada mengatakan bahawa dia akan membentuk satu scheme of service, dengan izin, yang

akan mempertingkatkan lagi competitiveness, dengan izin, di peringkat universiti dan juga mengambil pensyarah-pensyarah yang berkemahiran tanpa mengikut skil-skil gaji yang sedia ada.

Selain daripada itu, kebanyakan para akademik, para pelajar dan orang awam tidak mengerti sebenarnya apa yang ingin dicapai. Maka, saya juga menyokong seperti mana yang disampaikan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian supaya perkara ini dibahas dan diadakan seminar-seminar terbuka supaya buah fikiran daripada pelajar, pihak pensyarah dan pendidik disampaikan supaya satu langkah yang begitu bersejarah ini akan mengambilkira pandangan-pandangan umum supaya apa yang akan digubal nanti akan menjadi satu contoh yang baik, bukan sahaja untuk negara kita, tetapi juga negara-negara yang lain.

Tetapi selagi perkara ini tidak dibuka untuk pertukaran fikiran, untuk dibahas, diberi pertimbangan oleh para intelek, maka kita tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, langkah yang kita lakukan itu adalah langkah yang akhirnya membawa masalah tambahan kepada jentera kerajaan dan pada rakyat keseluruhannya. Misalnya apabila dikatakan bahawa proses pengkorporatisasian ini akan membawa kenaikan kadar bayaran universiti maka sudah ada beberapa ibu bapa pelajar-pelajar yang tidak menghantar anak mereka ke Universiti Malaya kerana ditakuti bahawa dalam dua tahun nanti yuran akan naik. Maka mereka suruh supaya ambil opsyen kedua pergi ke UTM atau pergi ke universiti yang lain. Jadi, sudah ada akibat Tuan Yang di-Pertua dari segi pemilihan tempat belajar kerana ketakutan ba-

hawa proses pengkorporatisasian itu akan meningkatkan yuran dan membebaskan perkara kewangan kepada ibu bapa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa yang singkat seterusnya saya ingin tumpukan kepada perkara Jabatan Pendaftaran Negara seperti mana disentuh juga dalam peruntukan tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, ini memang kita pada dasarnya sokong kerana memandangkan keperluan jabatan ini dari segi peruntukan untuk menjalankan tugas-tugas dan kita difahamkan bahawa ini akan digunakan untuk antara lain ialah untuk perkara mengkomputerkan data-data dan juga mengubahsuai pejabat khususnya dari segi keperluan-keperluan pemprosesan.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan supaya Jabatan Pendaftaran Negara hendaklah mengkaji semula tugas dan peranan pejabat-pejabat mereka supaya pejabat-pejabat khususnya yang ditempatkan di luar bandar benar-benar membantu rakyat untuk mengatasi masalah mereka. Kerana di beberapa Pejabat Pendaftaran Negara di negeri Sabah misalnya banyak pejabat-pejabat ini tidak berfungsi, pejabat yang di peringkat daerah dan dengan itu banyak orang awam terpaksa pergi juga ke Kota Kinabalu untuk mengatasi masalah-masalah mereka khususnya dari segi memohon Surat Daftar Lewat Kelahiran, dari segi memohon kad pengenalan lewat. Kadang-kadang dalam pejabat yang besar pun dikatakan tidak ada borang dan terpaksa orang awam pergi ke Kota Kinabalu dan memakan masa perjalanan dua jam kalau dari Kota Marudu untuk mendapatkan borang sahaja.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, pejabat di sana (Kota Marudu) penuh dengan komplek. Kerana saya menerima surat dan laporan yang banyak tentangnya di mana pegawainya datang pukul 10.00 masuk pejabat, setengah jam, keluar lagi dan orang yang berjalan tiga jam dari kampung menunggu di sana sampai petang tetapi diberitahu supaya datang semula esok. Jadi, semua ini Tuan Yang di-Pertua bukan satu isolated case, kita periksa di daerah-daerah yang lain begitu juga. Jadi, kita minta supaya khususnya di negeri-negeri di mana masalah permohonan lewat kad pengenalan dan permohonan lewat surat beranak ini diberi tumpuan yang khusus kerana ini sungguh membebankan rakyat di tempat tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu harapan kita supaya jabatan ini mengkaji semula peranannya dan supaya jabatan ini membuat satu master plan. Saya sedang menjalankan kajian misalnya di Bandau pada saat ini dan dalam kajian awal saya mendapati bahawa kira-kira 4,000 orang kanak-kanak tidak mempunyai surat beranak; kira-kira 4,000 yang sudah lahir dan harus layak mendapat kad pengenalan juga tidak mempunyai kad pengenalan daripada jumlah penduduk 44,000.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tumpuan hendaklah diberi kepada tempat-tempat seperti ini oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Apabila kita tanya perkara-perkara seperti ini mereka katakan tidak cukup kakitangan. Mereka katakan tidak cukup jentera untuk masuk kampung kalau mahu buat lawatan. Jadi, di mana kita mahu pergi kalau alasan ini sentiasa tidak berubah. Walhal pada masa yang sama peruntukan tambahan juga diberi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kerana saya percaya masalah ini bukan sahaja di kawasan Bandau tetapi di kawasan-kawasan yang lain supaya ini diselesaikan. Kerana sungutan rakyat begitu besar sekali. Tambahan lagi pula ada kes-kes di mana ada orang yang tidak lahir di negeri ini mendapat surat beranak, mendapat kad pengenalan dan orang yang bermastautin di sini, nenek moyang mereka sudah lama di negeri ini pula dibelakangkan. Jadi, kita boleh sedar perasaan hati mereka dan saya minta supaya di dalam Dewan yang mulia ini, kementerian yang berkenaan memberi tumpuan yang khusus dalam perkara ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini, rakyat-rakyat yang miskin ini tidak mampu untuk membayar denda surat lewat mahupun surat beranak ataupun surat permohonan kad pengenalan kerana dendanya cukup besar. Mahu bayar tambang pun kadang-kadang walhal kebanyakan meminta tolong Yang Berhormat. Apa lagi mahu bayar denda untuk mereka ini dan mereka ini buta huruf, kita terpaksa bawa dan tolong mereka ke pejabat dan pegawainya tidak ada di sana. "Esok baru balik", bilang. Jadi, semua ini tidak mencerminkan pentadbiran yang dikatakan berwawasan, adil dan efisien yang kita inginkan supaya satu pendekatan yang khusus dari segi Jabatan Pendaftaran Negara diambil.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah perkara perpaduan nasional yang mana sesuatu negeri dan negara.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa yang saya peruntukkan sudah lebih lima minit.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Satu minit, Tuan Speaker. Dalam perkara ini kerana untuk mengurus sesuatu ekonomi perlu sesuatu negeri ataupun negara yang stabil dan dari segi itu perpaduan kaum, perpaduan nasional itu memanglah asas kepada pembangunan negara keseluruhan. Namun demikian, strategi-strategi untuk membentuk perpaduan nasional hendaklah yang berasas kepada cara-cara yang diterima oleh rakyat pada keseluruhannya dan juga yang akan membentuk perpaduan yang berterusan.

Dalam perkara ini, saya ingin menyentuh misalnya Jabatan Perpaduan Negara di Kota Kinabalu yang baru-baru ini mencadangkan di dalam satu pertemuan wanita-wanita supaya orang-orang lelaki di negeri Sabah berkahwin untuk isteri kedua dan seterusnya daripada Semenanjung. Jadi, ini telah membawakan semangat ataupun perasaan yang memang tidak senang hati di kalangan umum khususnya kaum wanita. Mereka mengatakan kenapa mahu ambil wanita dari Semenanjung walaupun itu untuk tujuan integrasi nasional dan khususnya kalau isteri kedua atau ketiga; memang ini menimbulkan perasaan-perasaan yang lebih luas lagi dari segi kemarahan dan tidak puashati. Kita ingin supaya dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan haruslah mengawasi pegawai-pegawai mereka supaya tidak mengeluarkan cadangan-cadangan dan dasar yang bukan pula membentuk dari segi menyatupadukan rakyat tetapi menimbulkan perasaan dan salah sangka dan akhirnya akan menjejaskan matlamat perpaduan yang ingin dicapai oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa yang singkat maka itulah

hujah yang saya boleh sampaikan. Maka ucapan terima kasih atas peluang ini dan dengan harapan supaya hal yang telah kita sentuh diambil kira oleh kerajaan. Pada keseluruhannya, kita mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta Timbalan Menteri menjawab.

6.08 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1995 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua untuk tahun 1995.

Saya tidak bercadang hendak menjawab apa-apa hujah yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Kinabalu yang ada kaitan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat kerana apa yang saya perhatikan iaitu oleh kerana Aturan Urusan Mesyuarat yang telah dibentangkan itu telah menyediakan satu Usul yang akan dibentangkan dalam sesi Parlimen ini, maka yang saya perhatikan itu ialah semua hujah-hujah yang telah dibangkitkan itu adalah bersangkutan-paut dengan perkara-perkara Peraturan-peraturan Mesyuarat. Oleh itu saya tidak bercadang hendak membazirkan masa Dewan ini untuk menjawab hujah-hujah itu.

Mengenai masalah yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kinabalu yang menegur iaitu Sabah tidak menerima faedah daripada pembangunan negara ini dan saya cuma

hendak menunjukkan sedikit sebanyak angka yang boleh menunjukkan hanya dalam anggaran pemberian kepada negeri-negeri untuk Sabah bagi tahun 1995 setakat anggaran pada 31hb Julai tahun ini. Ini bermakna selepas ini mungkin ada tambahan lagi oleh kerana keputusan-keputusan mungkin akan dibuat untuk menambahkan peruntukan itu. Tetapi setakat untuk 31hb Julai tahun ini, pemberian pada keseluruhannya untuk Sabah daripada Kerajaan Persekutuan ialah RM213 juta. Ini merupakan satu peruntukan yang paling banyak sekali yang mengesuai semua, yang menjadi satu peruntukan yang paling banyak sekali kalau dibandingkan dengan semua negeri yang telah diberikan peruntukan mengikut bilangan orang seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan kita untuk juga perbelanjaan mengurus bagi jabatan-jabatan dan juga untuk pemberian khas dan ada juga untuk bayaran perkhidmatan dan pertambahan hasil. Bagi peruntukan ini antaranya RM108 juta adalah untuk penyelenggaraan jalan raya negeri itu. Ini juga merupakan satu peruntukan yang paling besar sekali.

Oleh kerana daripada jumlah keseluruhannya untuk pemberian bagi semua negeri iaitu berjumlah RM486 juta. Jadi kalau kita tinjau sedikit, ini merupakan lebih kurang 1/5 peruntukan yang telah dihulurkan untuk semua negeri bagi tujuan penyelenggaraan jalan raya negeri. Jadi, pandangan itu yang menyatakan Kerajaan Persekutuan tidak memberi peruntukan untuk negeri Sabah itu adalah tidak tepat sekali.

Sama ada semasa PBS menjadi kerajaan untuk Sabah, apakah kesannya, jadi itu maklumlah bagi saya, saya nampak pada masa itu bukan sahaja

kerajaan PBS tidak membawa apa-apa pembangunan yang berkesan tetapi juga yang paling teruk sekali ialah telah memecah-belahkan rakyat untuk Sabah terhadap rakyat Malaysia, khususnya dari Semenanjung. Ini adalah satu kesan, satu racun yang telah disemai pada masa itu selama 9 tahun di mana kita nampak banyak kesan-kesan yang buruk di mana seharusnya rakyat Sabah patutlah cinta-mencintai, menunjukkan kasih sayang dan semangat perpaduan kepada kita semua sekali.

Tuan Yunof Edward Marinking:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuaran hendak minta jalan.

Dato' Wong See Wah: Duduklah, tidak payahlah, tidak ada masa.

Tuan Yunof Edward Marinking:
Minta penjelasan.

Dato' Wong See Wah: Tidak payahlah, itu pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Dato' Wong See Wah: Sudah cakaplah ini. Jadi, ini ialah tidak seperti apa yang kita lakukan sebagai Kerajaan Barisan Nasional. Kita adalah pentingkan perpaduan rakyat. Itu amat penting sekali. Ini at all cost kita hendaklah memupuk semangat perpaduan dan ini adalah yang berbeza daripada yang kita nampak bagi kerajaan PBS pada masa itu.

Mengenai malaria di Ranau yang telah ditimbulkan iaitu tidak mencukupi kemudahan untuk memeranginya.

Sukacita dimaklumkan Kementerian Kesihatan memang sedar masalah ini, iaitu bukan sahaja di Ranau malahan di seluruh negeri Sabah dan langkah-langkah yang wajar sedang diambil untuk mengatasi masalah itu. Peruntukan sebanyak RM500,000 telah diluluskan. Yang pertama, untuk menambahkan kenderaan di bawah Program Kawalan Penyakit Malaria. Yang kedua, untuk mengambil pekerja sambilan untuk menyembur ubat di kawasan yang terlibat dan juga ada rancangan lagi supaya dapat kita menyelesaikan masalah malaria di seluruh negeri Sabah.

Untuk tahun 1996, Kementerian Kesihatan telah memohon peruntukan khas daripada Perbendaharaan supaya dapat kita menyelesaikan dan mengatasi masalah malaria khususnya di Sabah dan permohonan ini telah diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Mengenai kemudahan dan belanjawan di Hospital Ranau yang dikatakan tidak mencukupi, Hospital Ranau memang diberi peruntukan mengurus tahunan untuk operasi hospital tersebut. Apa-apa kekurangan di hospital itu sama juga mungkin serata, terdapat juga masalah-masalah yang sama di hospital-hospital yang lain. Kementerian Kesihatan telah dan sedang memberi pertimbangan yang sewajarnya dan peruntukan khas untuk menyelenggarakan bangunan tersebut itu telah pun diluluskan dan saya percaya tidak lama lagi hospital itu dapatlah ditingkatkan lagi dari segi kemudahannya.

Mengenai kad pengenalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kinabalu dan juga Yang Berhormat dari Bandau, yang sebenarnya pendaftaran itu telah diringkaskan dari segi borangnya. Kalau ber-

banding dengan dulu, mungkin borang itu telah diringkaskan dengan seringkas yang mungkin dengan maklumat yang paling asas sekali supaya dapat memudahkan orang ramai untuk mendaftar. Janganlah difikirkan proses yang mudah ini akan melepaskan orang-orang yang memegang kad pengenalan yang palsu. Yang sebenarnya dalam proses untuk menukarkan kad pengenalan bermutu tinggi ini, proses untuk menyemak kesahihan satu-satu kad itu pun dijalankan serentak.

Cara-cara supaya dapat pendaftaran ini dijalankan dengan lebih lancar lagi ialah dengan menghantarkan pasukan ke kampung-kampung tertentu pada masa-masa yang tertentu dan mengambil pekerja-pekerja sambilan supaya dapat ditingkatkan lagi bukan sahaja di kaunter-kaunter, tetapi dapatlah diperluaskan lagi operasi-operasi pendaftaran di luar bandar.

Tentang $\frac{1}{2}$ juta pendatang haram yang terdapat di negara kita ini, sebab utama itu memang maklum iaitu oleh kerana kita mempunyai satu 'coastal line' pantai yang begitu panjang dan ini menjadi sangat mudahlah untuk pekerja-pekerja asing masuk ke negeri kita ini. Bolehlah kita memberi jaminan di Dewan ini iaitu segala usaha telah dijalankan untuk memastikan supaya masalah ini dapat dikurangkan dan cadangan-cadangan untuk kita menambahkan rondaan dan tangkapan serta menggalakkan pekerja-pekerja asing ini dapat masuk ke negara kita melalui pintu hadapan, itu memang satu pandangan yang baik. Pada keseluruhannya kerajaan telah mengambil segala usaha untuk menyelesaikan masalah ini.

Yang sebenarnya, setakat ini Jawatankuasa Kabinet telah memutuskan membuat satu keputusan untuk

kita menyelesaikan masalah pekerja asing. Antaranya ialah untuk kita mem-berhentikan ejen-ejen yang membawa pekerja asing ke bidang-bidang tertentu di Malaysia dan juga membolehkan ladang-ladang dan kilang-kilang tertentu supaya dapat mereka dengan bantuan Kementerian Dalam Negeri mempelawa pekerja-pekerja di negeri masing-masing itu.

Tuan Yang di-Pertua, siapa cakap anak Sabah itu tidak mempunyai peluang dalam pendidikan? Saya rasa semua anak-anak Sabah itu memang mempunyai peluang-peluang tertentu untuk mencapai ke satu peringkat yang sanggup mereka naik. Saya percaya itu bukanlah satu masalah di Sabah sahaja oleh kerana di seluruh Malaysia, kita hanya mempunyai 8% sahaja graduate di antara rakyat kita kalau berbanding dengan negeri-negeri yang maju seperti Australia yang mungkin mempunyai 30% rakyatnya yang telah mencapai kelulusan universiti berbanding dengan US lebih daripada 50%, kita memanglah amat ketinggalan.

Ini telah menjadi satu isu negara, bukanlah satu isu Sabah sahaja. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu selalu menganggap bahawa ini adalah satu isu nasional, bukan isu Sabah sahaja. Ini adalah masalah kita semua, dan haraplah kerajaan sentiasa mengambil beberapa langkah sama ada dengan memperkenalkan universiti swasta dan cara-cara menjalankan 'split degree' serta membuka peluang-peluang dalam institusi vokasional. Ini semuanya adalah usaha-usaha dan supaya dapat kita tingkatkan mutu dan bilangan pakar pendidikan, sama ada politik dicampur dengan pendidikan. Dikatakan juga guru-guru yang memihak kerajaan oleh kerana guru

itu membawa risalah yang menyokong Barisan Nasional. Saya tidak tahu sama ada guru yang berkenaan itu membawa risalah yang menyokong PBS dan sama ada Yang Berhormat dari Kinabalu itu akan menegur di Dewan ini.

Saya percaya peranan guru itu memang begitu penting sekali. Kalau kita lihat sejarah Malaysia, guru-guru di sekolah kebangsaan itu yang telah banyak memberi pengorbanan untuk mewujudkan UMNO iaitu satu parti yang telah menjadi tulang belakang negara kita ini. Jadi, peranan guru itu tidak dapat kita ketepikan dalam bidang politik ini, dan kita haraplah Yang Berhormat dari Kinabalu itu lebih mempunyai pandangan yang terbuka dan haraplah dapat memahami keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai pengkorporatan universiti dan tujuan ia diadakan. Konsep ini ialah supaya dapat kita tingkatkan mutu universiti kita sama ada dari segi tenaga pengajar, sama ada dari segi kemudahan baik pun untuk kita menarik pelajar-pelajar yang mempunyai bakat dan kebolehan yang tinggi. Jadi, kerajaan berfikir ini adalah satu cara di mana dapat kita memberi kemudahan yang baik, dengan konsep ini dapatlah universiti-universiti ini mempunyai daya saingan dengan pihak swasta.

Kerajaan sentiasa dan sedang dalam proses memberi peluang dan berdialog serta bertukar fikiran sama ada dalam seminar, dalam perjumpaan untuk mendengar segala pandangan tentang konsep ini. Sebelum konsep ini dapat dijalankan pada tahun hadapan tentulah semua perkara yang dikemukakan itu akan diambil perhatian yang baik.

Saya ingin menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian, yang mengatakan MCA menyokong pengkorporatan ini, manakala parti-parti yang lain senyap. Saya cuma hendak mengatakan kalau satu-satu polisi telah ditetapkan di dalam Barisan Nasional, kita memanglah akan memberi sokongan yang penuh, tidaklah seperti yang berlaku di dalam hubungan antara pihak S.46 dengan PAS, di mana S. 46 itu tidak menyokong ketua PAS menjadi Ketua Pembangkang dan kita nampak mereka 'tidur sekatil, tetapi mimpi lain-lain'. Ini adalah satu perkara yang kita harapkan dalam Barisan Nasional ini.

Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Balik Pulau dan timbullah satu fikiran daripada saya iaitu saya percaya ramai lagi dalam masa zaman peralihan ini, di mana kita nampak bumiputera sudah sampai satu peringkat yang dapat berdikari. Manakala ada juga yang belum lagi, jadi semasa kita hendak membuat sesuatu keputusan seperti kita hendak mengkorporatkan universiti itu, sama ada hendak kita ambil kira semua perkara yang terlibat dalam bayaran dan lain-lain lagi. Tetapi satu persoalan yang timbul, iaitu memang ramai bumiputera yang mungkin setuju, iaitu ada ramai bumiputera yang telah mampu dan ingin hendak cuba dengan daya usaha sendiri tanpa apa-apa bantuan.

Degree yang diperolehi itu hendaklah degree yang benar-benar dicapai olehnya sendiri dan hasil usaha dalam bidang perniagaan, dalam pendidikan ataupun dalam hasil kajian penyelidikan itu semuanya adalah atas hasil usaha percubaan sendiri, daya usaha sendiri dan mengapa pe-

luang seperti ini tidak diberikan kepada mereka supaya mereka boleh merasa megah tentang usaha seperti ini. Saya percaya kerajaan memang sedar tentang perkara beri untuk orang yang hendak mencuba, orang yang boleh berdikari tanpa apa-apa bantuan, manakala ada juga yang belum sanggup lagi. Kerajaan juga sentiasa menjaga hati dan memberi bantuan fizikal, kewangan dan sebagainya supaya dapatlah kita menuju kepada satu masyarakat yang berwawasan 2020.

Saya tidak bercadang hendak menjawab soalan dan hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong berkaitan dengan Projek Bakun kerana yang saya nampak, Yang Berhormat itu hanya berpegang kepada pandangannya sendiri – itu sahaja. Yang lain itu mengenai penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atau Timbalannya ataupun penjelasan-penjelasan yang telah diberikan semua sekali ditolak hanya hendak menimbulkan dan menjadikan ini sebagai isu politik.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bandau kerana telah memberikan pandangan-pandangan yang baik dari segi kesihatan dan sama ada indeks kesihatan tertentu telah digunakan. Saya rasa kalau kita tengok umur hidup untuk Malaysia telah melebihi 70 tahun, bilangan bayi yang telah meninggal dunia telah dapat kita kurangkan. Dan ini adalah perkara-perkara yang memang baik dan sentiasa kerajaan dengan cara yang positif, dan cadangan yang positif yang telah dikemukakan itu dan kita harapkan semua ini dapat kita membawa satu masyarakat yang

21 OGOS 1995

bersatu padu, yang mempunyai semangat perpaduan yang baik. Segala usaha kerajaan saya ingin menitikberatkan....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Dato' Wong See Wah: Sekejap sahaja setengah minit. Segala polisi yang telah kita tetapkan, baik Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara, Dasar Pendidikan ataupun segala usaha atau aktiviti yang telah dijalankan hanya dengan satu tujuan sahaja iaitu untuk menjadikan Malaysia ini satu bangsa yang bersatu padu, supaya dapat kita menumpukan satu negara yang bersatu padu.

Sekian sahaja saya cadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus lapan puluh lima juta, sembilan ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus sembilan puluh (RM585,954,990) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima ratus lapan puluh lima juta, sembilan ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus sembilan puluh (RM585,954,990) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyataan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyataan tersebut.”

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Oleh kerana masa sudah cukup untuk hari ini, kita masuk dalam Jawatankuasa pada esok hari. Minta seorang mengemukakan cadangan di bawah Peraturan Mesyuarat 16.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Kos Guaman dibiayai bersama oleh Institusi Kewangan dan Peminjam

6.30 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendesak Kementerian Kewangan mengeluarkan arahan yang membolehkan peminjam-peminjam berhak memilih peguam mereka dan kos guaman dikongsi dengan institusi kewangan dan bukan ditanggung oleh peminjam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kini institusi kewangan bukan sahaja memaksa peminjam memilih peguam dari panel mereka tetapi jumlah bayaran guaman yang dikenakan adalah tinggi sangat. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam jawapan soalan bertulisnya kepada saya pada 17hb Ogos tahun ini menyatakan sekurang-kurangnya 10 buah firma guaman dan 6 firma insurans harus dilantik sebagai panel guaman dan insurans mereka, bilangan besar ini memberikan kuasa pilihan kepada para peminjam. Ini adalah

kerana amalan tidak sihat di mana peminjam terpaksa "memilih" syarikat guaman tertentu kerana hubung-kait institusi kewangan dengan syarikat guaman. Peminjam tidak boleh meminta bayaran guaman dikurangkan kerana akaun mereka hanya didebitkan dengan kos guaman itu oleh bank-bank. Saya rasa masalah ini boleh diatasi dengan membolehkan peminjam memilih syarikat guaman dengan sendiri ataupun memastikan kos guaman dikongsi di antara institusi kewangan dan peminjam dan bukan kesemuanya ditanggung oleh peminjam seperti sekarang.

Adalah tidak masuk akal langsung mengapa institusi kewangan dan bank tidak perlu membayar kos guaman, bila merekalah yang mendapat faedah daripada menandatangani surat perjanjian ini. Keadaan serupa berlaku dalam pembelian insurans api, secara paksa dengan kadar yang paling tinggi kerana boleh mendatangkan faedah kepada institusi kewangan dalam bentuk rebet insurans. Biasanya hanya insurans api perlu dibeli tetapi syarikat insurans akan menambahkan risiko lain yang menyebabkan premiumnya naik sekali ganda. Bank dan institusi kewangan tidak akan membantah kerana tambahan premium bermakna rebet insurans yang diperolehi oleh bank akan bertambah juga. Sepatutnya insurans ini dipulangkan 100% kepada para peminjam dan tidak boleh dimiliki oleh institusi kewangan dan masalah menambahkan risiko lain harus disekat ataupun peminjam berhak memilih syarikat insurans mereka.

Kementerian Kewangan juga harus mengarahkan bank-bank menghapuskan kadar faedah dendaan kerana ia terlalu tinggi kadang kala setakat 25% hingga 30%. Ia hanya menambahkan

beban hutang dan menyusahkan peminjam membayar balik hutang. Semua bayaran perkhidmatan yang dikenakan atau dicadangkan dikenakan oleh bank-bank dan institusi kewangan harus dimansuhkan memandangkan keuntungan berbilion-bilion ringgit yang diperolehinya setiap tahun. Adalah tidak masuk akal juga kalau saya mendepositkan wang di cawangan May bank di Petaling Jaya, saya akan dikenakan bayaran perkhidmatan 50 sen, 60 sen, RM1 kerana akaun saya adalah di Melaka.

Keuntungan bank-bank perdagangan yang meningkat daripada RM3 bilion dalam tahun 1993 kepada RM3.8 bilion dalam tahun 1994 menunjukkan mereka tidak perlukan keuntungan menerusi cara tidak sihat ini, iaitu bayaran perkhidmatan yang berlebihan. Sekian terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa membela hak pengguna dan peminjam dengan memerlukan institusi kewangan melantik sekurang-kurangnya 10 buah firma guaman dan 6 firma insurans seperti yang telah dikatakan tadi. Sebagai panel guaman dan insurans mereka peminjam boleh memilih mana-mana firma guaman dan insurans yang terdapat dalam senarai panel tersebut. Kerajaan berpendapat kos yang di-

kenakan oleh syarikat guaman dan syarikat insurans adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan oleh persatuan masing-masing.

Bagi kadar faedah dendaan dan bayaran perkhidmatan tertentu terhadap peminjam, kerajaan membenarkan institusi kewangan, kerana bayaran tersebut adalah untuk menampung kos bagi menguruskan akaun-akaun peminjam dan memberi perkhidmatan dari masa ke semasa sekiranya diperlukan oleh peminjam. Bayaran yang dikenakan oleh institusi kewangan adalah tertakluk kepada peraturan Persatuan Bank-bank Malaysia dan Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia. Kerajaan akan terus mengkaji peraturan tersebut bagi memastikan ianya adil dan mencerminkan keadaan semasa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.38 petang.